

SABDA Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Al-Imam Muslim :
Maksudnya : "Daripada Ibnu Umar Radiallahuanhuma ia berkata :
Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :
Wahai manusia! Bertaubatlah kepada Allah kerana sesungguhnya aku
bertaubat dalam sehari seratus kali".

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.33 | SUBUH 4.43 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.18 | ASAR 3.41 | MAGHRIB 6.28 | ISYAK 7.42 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 61 | 23 MEI 2026 / 1447 ذوالحجه 5 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

BERKENAN MELAWAT LUFTHANSA TECHNIK AG



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berpeluang berangkat melawat ruang dalam sebuah pesawat ketika berangkat mengadakan lawatan ke Hangar Ibu Pejabat Lufthansa Technik AG di Weg beim Jäger, Hamburg. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said (Lihat muka 3)



Berita Utama



KUNJUNGAN hormat memperkukuhkan hubungan dua hala

Muka 4



MEMPERTINGKAT kerjasama ekonomi, perdagangan, pelaburan

Muka 8



TINGKATKAN inovasi, kemajuan teknologi, pembangunan potensi insan

Muka 9



RENCANA

JASA jururawat, bidan disanjung tinggi

Muka 28

Komited dalam melindungi, mengurus biodiversiti secara lestari

Siaran Akhbar :
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 Mei. - Biodiversiti memainkan peranan besar dalam mengekalkan kestabilan iklim, mengurangkan risiko bencana alam, memelihara keseimbangan alam sekitar serta memperkukuh daya tahan sosioekonomi sesebuah negara.

Ekosistem yang sihat dapat menyokong sumber pendapatan masyarakat tempatan, membuka peluang kepada pembangunan ekopelancongan, menjamin kelestarian sumber air, kesuburan tanah serta mengekalkan sistem pendebungaan yang amat penting bagi sektor pertanian dan pengeluaran makanan.

>> Muka 6

Ke arah pendekatan penguatkuasaan tadbir urus proaktif

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mei. - Pertubuhan Buruh Antarabangsa (International Labour Organisation - ILO) menganggarkan bahawa kira-kira 2.93 juta pekerja di seluruh dunia

kehilangan nyawa setiap tahun akibat berkaitan kerja, dengan penyakit berkaitan pekerjaan terus menyumbang sebahagian besar daripada kematian ini.

>> Muka 7

Forum memperkukuh sistem pendidikan, responsif terhadap perkembangan global

Siaran Akhbar :
Kementerian Pendidikan

LONDON, UNITED KINGDOM, Jumaat, 22 Mei. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh telah menghadiri Education World Forum (EWF) 2026 yang berlangsung di London, United Kingdom (UK) dari 17 hingga 20 Mei 2026. EWF merupakan forum pendidikan

antarabangsa tahunan terbesar yang menghimpunkan para Menteri Pendidikan, pembuat dasar, pemimpin industri dan pakar pendidikan daripada seluruh dunia bagi membincangkan perkembangan, cabaran serta hala tuju sektor pendidikan global.

>> Muka 5

Kerajaan Brunei hargai sokongan Arab Saudi memudah cara urusan haji

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

SEGALA puji bagi Allah yang telah menghimpunkan kita dalam majlis yang penuh keberkatan ini. Saya dengan sukacitanya merakamkan setinggi-tinggi ucapan alu-aluan dan sambutan mesra kepada Yang Berbahagia Leftenan Jeneral Sulaiman bin Abdulaziz Al-Yahya di negara kedua beliau,

Negara Brunei Darussalam (NBD), yang hadir dengan membawa amanah dan tanggungjawab besar bagi memastikan kelancaran pelaksanaan Inisiatif Laluan Makkah bagi jemaah haji NBD. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran ahli-ahli rombongan yang mengiringi beliau. Kehadiran tuan-tuan sekalian amat kami hargai dan merupakan satu penghormatan besar kepada negara kami.

KAMI amat menghargai kesan positif inisiatif ini dalam memudahkan perjalanan jemaah haji serta meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan, sekali gus membolehkan mereka menunaikan ibadah haji dengan penuh kemudahan dan ketenangan. Kami juga menghargai usaha berterusan Kerajaan Arab Saudi dalam berkhidmat kepada Islam dan umat Islam. Pada kesempatan ini, saya turut merakamkan ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan inisiatif ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung, serta menghargai komitmen dan kerjasama yang telah ditunjukkan.

Bagi pihak Kerajaan NBD, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Arab Saudi atas pemilihan negara kami sebagai salah satu negara yang mendapat manfaat daripada inisiatif yang diberkati ini dalam melayani para tetamu Allah.

Urusan awal bagi majlis ini telah berjaya dilaksanakan melalui kerjasama erat antara pihak-pihak berkepentingan di NBD dan Kedutaan Besar Arab Saudi di negara ini, yang mencerminkan hubungan erat dan semangat persaudaraan yang kukuh antara kedua-dua negara.

Kami amat menghargai kesan positif inisiatif ini dalam memudahkan perjalanan jemaah haji serta meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan, sekali gus membolehkan mereka menunaikan ibadah haji dengan penuh kemudahan dan ketenangan. Kami juga menghargai usaha berterusan Kerajaan Arab Saudi dalam berkhidmat kepada Islam dan umat Islam. Pada kesempatan ini, saya turut merakamkan ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan inisiatif ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung serta menghargai komitmen dan kerjasama yang telah ditunjukkan.

Akhir kata, marilah kita memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman semasa berucap pada Majlis Perasmian Inisiatif Laluan Makkah, Isnin, 4 Mei 2026 yang berlangsung di Ruang Perlepasan Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas.

memberikan kejayaan dan penerimaan terhadap segala usaha ini, serta mengurniakan sebaik-baik ganjaran kepada Kerajaan Arab Saudi raja, kerajaan dan rakyatnya dan mengekalkan hubungan persaudaraan serta kerjasama antara negara kita demi kebaikan umat Islam seluruhnya.

Terima kasih, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

WAKTU SEMBAHYANG										
MEI MASHI	HARI	ZULHIJAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
23	SABTU	5	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.28	7.42
24	AHAD	6	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.42
25	ISNIN	7	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.43
26	SELASA	8	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.43
27	RABU	9	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.43	6.29	7.43
28	KHAMIS	10	4.33	4.43	6.06	6.30	12.19	3.43	6.29	7.44
29	JUMAAT	11	4.33	4.43	6.06	6.30	12.19	3.43	6.29	7.44

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan 33 25 °C	32 26 °C	33 26 °C	
Pekan Bangar 33 24 °C	32 24 °C	33 26 °C	
Pekan Tutong 31 25 °C	31 25 °C	31 26 °C	
Kuala Belait 33 25 °C	32 25 °C	33 26 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 23 MEI 2026

Bekerjasama melindungi biodiversiti negara kita

NEGARA Brunei Darussalam (NBD) sememangnya negara yang bertuah yang dikurniakan dengan khazanah alam semula jadi yang kaya, termasuk mempunyai hutan hujan tropika yang luas, hutan paya bakau, kawasan tanah lembap, sungai dan ekosistem marin yang pelbagai.

NBD sebagai sebuah negara Parti kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD) akan terus melaksanakan tanggungjawabnya dalam memelihara biodiversiti, antaranya melalui Dasar Biodiversiti Kebangsaan dan Pelan Tindakan Strategik (NBPSPA) 2024 hingga 2030 yang berperanan sebagai kerangka kebangsaan dalam menterjemahkan komitmen biodiversiti global kepada tindakan yang lebih berkesan di negara ini.

Walaupun pelbagai usaha terus diperkukuh bagi melindungi biodiversiti di peringkat kebangsaan, jelas Yang Berhormat, biodiversiti masih berdepan pelbagai tekanan dan cabaran yang semakin meningkat akibat perubahan iklim, kemerosotan habitat, pencemaran serta penggunaan sumber yang tidak lestari serta cabaran alam sekitar yang lain.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dalam perutusan sempena Hari Biodiversiti Antarabangsa 2026.

Bagi menangani cabaran-cabaran berkenaan memerlukan kerjasama yang kukuh dan rasa tanggungjawab bersama daripada semua pihak kerana setiap usaha, walaupun kecil, mampu membawa perubahan yang bermakna dan berkekalan. Langkah-langkah seperti melindungi kawasan hutan, memulihkan hutan paya bakau, mengurangkan sisa buangan, menggalakkan pertanian dan perikanan lestari, memperkukuhkan pendidikan alam sekitar, serta menyokong inisiatif pemuliharaan berasaskan komuniti dapat memberikan impak positif yang besar terhadap pemuliharaan biodiversiti dan ketahanan ekosistem.

Kita sebagai manusia yang dikurniakan akal dan fikiran hendaklah memakmurkan, memanfaatkan dan menjaga bumi dan alam sekitar yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala ini dengan selayaknya, bukan melakukan kerosakan, pencemaran dan kemusnahan. Adapun antara usaha dan cara yang boleh kita laksanakan untuk menjaga dan melindungi bumi dan alam sekitar ini, antaranya: memulakan amalan-amalan hijau ataupun mesra alam.

Antara amalan hijau yang boleh dilaksanakan adalah dengan mengubah gaya kehidupan kepada yang lebih mesra alam seperti mengamalkan tabiat mengitar semula, mengurangkan penggunaan elektrik yang berlebihan, menanam pokok untuk mengurangkan jumlah karbon dioksida, atmosfera dan pengambilan serta pembelian makanan secara tidak berlebihan supaya tidak menyebabkan pembaziran makanan.

Kita juga hendaklah menjadi pengguna yang bijak. Kita sebagai pengguna boleh menentukan produk-produk yang dihasilkan dan juga ada pilihan untuk membeli produk hijau yang boleh diperolehi dan dihasilkan secara mesra alam dan mampan. Marilah kita memainkan peranan dan melaksanakan tanggungjawab kita untuk menjaga kebersihan dan melindungi alam sekitar kita daripada apa juga bentuk pencemaran dan juga kekotoran. – **Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota: Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سنديرين برحد، نکارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT MENINGGALKAN HAMBURG, REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said

HAMBURG, REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN, Selasa, 19 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Hamburg, Republik Persekutuan Jerman, hari ini.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Hamburg, Republik Persekutuan Jerman.

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Hamburg, Republik Persekutuan Jerman, hari ini.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat dari Hamburg, Doa Selamat

dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat di Lapangan Terbang Hamburg bagi menyebarkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Persekutuan Jerman, Puan Yang Terutama Pengiran Hajah Krtini binti Pengiran Haji Mohd. Tahir.

Berkenan melawat Lufthansa Technik AG



HAMBURG, REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN, Selasa, 19 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tiba di Hamburg, Republik Persekutuan Jerman.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Hamburg dijunjung oleh Pengarah Lufthansa Technik AG, Jörg Paisen; dan Pengarah Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Saidin serta pihak pengurusan Lufthansa Technik AG.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian berangkat mengadakan lawatan ke Hangar Ibu Pejabat Lufthansa Technik AG di Weg beim Jäger, Hamburg di mana Kebawah DYMM dijunjung dan disembahkan kepada para pegawai pengurusan Lufthansa Technik AG.

Baginda seterusnya mendengar sembah taklimat mengenai operasi Lufthansa Technik AG di Hamburg yang berfungsi sebagai pusat kompetensi dan kawalan global bagi aktiviti penyelenggaraan, kejuruteraan serta inovasi dalam bidang penerbangan.

Di fasiliti tersebut, Kebawah DYMM berpeluang berangkat melawat ruang dalam sebuah pesawat dan bengkel fabrikasi di mana baginda mendengar sembah taklimat mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat tersebut.

Lufthansa Technik AG mempunyai kerjasama teknikal yang lama dan meluas bersama Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, antaranya pengurusan pembaikan kapal terbang dan akses kepada rangkaian komponen global Lufthansa Technik AG.

KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda di Hamburg, Republik Persekutuan Jerman (atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda dijunjung bergambar ramai.

Berangkat meninggalkan Berlin, Republik Persekutuan Jerman

HAMBURG, REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN, Selasa, 19 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, hari ini berangkat meninggalkan Berlin ke Hamburg, Republik Persekutuan Jerman.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka

anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Hadir di Lapangan Terbang Berlin Brandenburg bagi menyebarkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah para pegawai dari Kementerian Luar Negeri Republik Persekutuan Jerman.

KUNJUNGAN HORMAT MEMPERKUKUKAN HUBUNGAN DUA HALA



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara membuat kunjungan hormat kepada Perdana Menteri Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong.

SINGAPURA, Jumaat, 22 Mei. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib telah membuat kunjungan hormat kepada Perdana Menteri Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong, bertempat di Istana, Republik Singapura, baru-baru ini.

Turut hadir dalam kunjungan hormat tersebut ialah Ahli-ahli MMN, iaitu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman; Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul

Mumin dan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

Semasa kunjungan hormat tersebut, kedua belah pihak merakamkan penghargaan atas hubungan dua hala yang kukuh dan sekian lama terjalin dalam pelbagai bidang termasuk dari segi ekonomi dan pertahanan dalam mana kedua-dua negara akan menyambut Ulang Tahun Kali Ke-50 bagi Kerjasama Pertahanan (Defense Cooperation) dan Ulang Tahun Kali Ke-60 bagi Perjanjian Kesalingbolehtukaran Matawang (Currency Interchangeability Agreement).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN turut merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Perdana Menteri Singapura sempena pengambilalihan kepengerusian ASEAN pada tahun 2027.

Kedua-dua belah pihak juga menyentuh mengenai kepentingan kesepaduan dalam mengukuhkan lagi mekanisme intra-ASEAN terutama sekali dari segi keselamatan makanan dan bagi bekalan minyak dan gas.

Selain itu, Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN turut merakamkan penghargaan kepada Singapura atas bantuan-bantuan yang dihulurkan oleh Singapura termasuk

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

rawatan perubatan yang dihulurkan kepada rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD), menawarkan kursus latihan bagi penuntut-penuntut NBD di Singapura dan program pertukaran pegawai Perkhidmatan Awam.

Pada mengakhiri perbincangan, kedua-dua belah pihak bersetuju untuk mengukuhkan lagi hubungan baik di antara NBD dan Republik

Singapura. Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN serta rombongan berada di Republik Singapura bagi mengadakan Lawatan Rasmi selama dua hari.

Lawatan ini adalah sebagai usaha memperkukuh kerjasama antara institusi legislatif ASEAN terutamanya mempererat hubungan dua hala antara institusi legislatif NBD dan Republik Singapura.

Pindaan garis panduan FinTech Regulatory Sandbox

■ Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mei. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah memperkenalkan pindaan kepada Garis Panduan mengenai FinTech Regulatory Sandbox untuk terus menyokong inovasi yang inklusif dan bertanggungjawab dalam sektor kewangan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pindaan berkenaan memperluaskan kelayakan penyertaan kepada institusi kewangan yang berkelayakan, membolehkan mereka menguji teknologi baharu dan penyelesaian inovatif bersama syarikat FinTech dalam Sandbox berkenaan.

Langkah berkenaan dijangka akan menggalakkan kerjasama yang lebih erat dan mempercepatkan penggunaan penyelesaian kewangan transformatif di seluruh industri.

Pindaan berkenaan bertujuan untuk memperkukuh peranan BDCB FinTech Regulatory Sandbox sebagai pemangkin inovasi dalam sektor kewangan. Sandbox berkenaan menyediakan persekitaran berstruktur untuk peserta menguji penyelesaian inovatif dalam parameter yang ditetapkan, dengan disokong oleh perlindungan yang bersesuaian serta pengawasan kawal selia.

Ini membolehkan inovasi dijalankan secara bertanggungjawab sambil melindungi kepentingan pengguna, memelihara kestabilan pasaran dan memastikan pematuhan kawal selia.

Di samping itu, pindaan berkenaan memperkenalkan beberapa penambahbaikan untuk memberikan kejelasan tentang kesesuaian penyelesaian yang dicadangkan yang layak untuk diuji dalam Sandbox. Kemas kini juga telah dibuat pada borang permohonan agar selaras dengan piawaian dan keperluan kawal selia semasa.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang garis panduan mengenai FinTech Regulatory Sandbox, termasuk proses permohonan dan keperluan penyertaan, sila layari laman sesawang BDCB di www.bdc.gov.bn.



Projek pembinaan 5 buah rumah bantuan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan majlis tersebut. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (atas dan kanan).

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

TUNGKU, Jumaat, 22 Mei. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) merupakan wadah amal jariah dan derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama ahli keluarga baginda sebagai tanda pemedulian dan kasih sayang baginda terhadap rakyat, di samping menyumbang ke arah pembentukan masyarakat Negara Brunei Darussalam (NBD) yang sejahtera dan makmur.

Sehubungan dengan itu, YSHHB pagi tadi mengadakan Majlis Memulakan Tiang bagi Projek Pembinaan Rumah Bantuan di bawah Skim Bantuan Perumahan YSHHB bagi tahun

2025 hingga 2026.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan majlis berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Majlis memulakan tiang bagi projek pembinaan rumah berkenaan menandakan bermulanya projek pembinaan bagi lima buah rumah bantuan, iaitu empat buah rumah di Daerah Brunei dan Muara (DBM), manakala sebuah rumah lagi di Daerah Belait.

Projek pembinaan rumah bantuan merupakan salah satu sumbangan YSHHB dalam menyediakan tempat kediaman yang lebih selamat, selesa dan

sempurna kepada golongan yang kurang berkemampuan, termasuk mereka yang sebelum ini tinggal dalam keadaan rumah yang daif dan tidak selamat untuk didiami.

Penyediaan bantuan perumahan berkenaan juga adalah selaras dengan tujuan penubuhan YSHHB dalam bidang kebajikan, serta mendukung salah satu Matlamat Strategik YSHHB, iaitu mengimbangi pemedulian keperluan asasi di samping tempat tinggal yang sempurna bukan sahaja menjadi perlindungan fizikal, malah merupakan asas penting dalam membina kehidupan keluarga yang lebih teratur, sihat dan sejahtera.

Majlis pada hari berkenaan berlangsung di tapak pembinaan bagi dua buah rumah bantuan YSHHB, iaitu di Lot LTS16/2025 dan Lot LTS17/2025, simpang 185-82-51, Kampung Katok, Jalan Tungku, Mukim Gadong 'A', DBM.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai,

diikuti dengan laungan azan dan selawat oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba, Gadong, Awang Mohammad Adham bin Hashim.

Majlis diteruskan dengan upacara memulakan tiang bagi pembinaan rumah bantuan yang didahului oleh tetamu kehormat. Majlis berakhir dengan bacaan Doa Selamat.

Projek pembinaan rumah bantuan berkenaan dijangka siap sepenuhnya pada Oktober 2026. Reka bentuk rumah bantuan YSHHB menentang konsep yang lebih moden serta selaras dengan perkembangan teknologi semasa dalam pembinaan rumah kos rendah. Selain itu, kaedah

pembinaannya juga membolehkan projek disiapkan dalam tempoh yang lebih singkat.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan juga Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan YSHHB; Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan, Dayang Dr. Nor Imthian binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB; Ahli-ahli Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB; pegawai-pegawai kerajaan yang berkenaan, pegawai-pegawai kanan YSHHB; serta pihak syarikat kontraktor pembinaan.

KEMENTERIAN PERTAHANAN BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 Mei. - Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahليل khusus buat paduka ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim. Majlis yang diadakan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB

Ke-65 berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, hari ini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof. Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan anggota Kementerian Pertahanan.

Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahليل beramai-ramai telah dipimpin oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Letenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar, diikuti bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis ini merupakan antara pengisian keagamaan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahليل sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-65.

ABDB Ke-65, dengan acara kemuncaknya yang dijadualkan berlangsung pada Ahad, 31 Mei 2026.

Penganjuran majlis seumpama ini bukan sahaja memperkukuhkan nilai kerohanian dalam kalangan warga ABDB, malah turut menjadi

wadah untuk memohon keberkatan, keamanan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam.

Forum memperkukuh sistem pendidikan, responsif terhadap perkembangan global



>> Muka 1

Tema EWF pada tahun ini ialah 'Pendidikan Untuk Masa Depan Bersama : Keamanan (Peace), Bumi (Planet), Tujuan (Purpose) dan Laluan (Pathways)'.

Forum tersebut dirasmikan oleh Setiausaha Negara bagi Pendidikan dan Menteri bagi Wanita dan Kesaksamaan,

Jabatan Pendidikan, UK, The Rt Hon Bridget Phillipson MP, di mana The Rt Hon Bridget Phillipson MP, menegaskan pentingnya pendidikan awal dan inklusif bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas dan ketidakupayaan.

The Rt Hon Bridget Phillipson MP turut mengumumkan penganjuran International Special Educational Needs and Disabilities

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan



YANG Berhormat Menteri Pendidikan bergambar ramai bersama rombongan Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam (kiri sekali). Manakala gambar kiri, Yang Berhormat bergambar bersama Setiausaha Negara bagi Pendidikan dan Menteri bagi Wanita dan Kesaksamaan, Jabatan Pendidikan, United Kingdom (UK), The Rt Hon Bridget Phillipson MP.

responsif terhadap perkembangan global selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Forum tersebut turut memberikan peluang kepada NBD untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik negara dalam bidang pendidikan serta memperluaskan jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan antarabangsa.

Turut menyertai rombongan Yang Berhormat Menteri Pendidikan ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Dayang Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu serta beberapa pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan dan Unit Penuntut-Penuntut, London, UK.

(SEND) Alliance pada tahun 2027 yang merupakan gabungan negara yang akan berhimpun menerusi siri sidang kemuncak bagi merangka hala tuju bersama untuk masa hadapan.

Sepanjang forum tersebut, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menghadiri beberapa Sesi Plenari (Plenary Sessions) dan Selari (Parallel Sessions) yang memfokuskan kepada transformasi pendidikan, penggunaan teknologi dan kecerdasan buatan dalam pendidikan, pembangunan kemahiran masa hadapan, kesejahteraan pelajar serta penguatkuasaan sistem pendidikan yang inklusif dan mampan.

Di samping itu, Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga mengadakan beberapa sesi pertemuan dua hala bersama rakan sejawat dari Jabatan Pendidikan, UK antaranya Setiausaha Negara bagi Pendidikan dan Menteri bagi Wanita dan Kesaksamaan; Menteri Negara (Menteri bagi Piawaian Sekolah), Georgia Gould dan

Setiausaha Rendah Parlimen Negara (Menteri bagi Kanak-kanak dan Keluarga), Josh MacAlister dan wakil-wakil organisasi antarabangsa bagi membincangkan peluang kerjasama dalam bidang-bidang berkepentingan.

Penyertaan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam forum ini mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Pendidikan dalam memperkukuhkan sistem pendidikan negara agar kekal relevan, berdaya tahan dan



YANG Berhormat Menteri Pendidikan ketika mengadakan pertemuan bersama Setiausaha Rendah Parlimen Negara (Menteri bagi Kanak-kanak dan Keluarga), Josh MacAlister.

جاہلیت کا جی چولچا برونی دارالسلام

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

fb bruneiweather
ig @brunei.weather
whatsapp Weather Line 114
www.met.gov.bn

MOU PERKUKUH KERJASAMA DALAM BIDANG KESELAMATAN, KESIHATAN PEKERJAAN

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Na'il Haris
Haji Muhd. Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mei. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Kementerian Tenaga Kerja (Ministry of Manpower - MOM), Republik Singapura mengenai Program Penempatan Kerja pada majlis penandatanganan yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan penandatanganan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM)

dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Menteri yang Bertanggungjawab ke atas SHENA.

MoU berkenaan ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif SHENA, Awang Haji Muhsin bin Haji Ahmad, dan Pengarah Bahagian bagi Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Tenaga Kerja, Republik Singapura, Silas Sng.

Majlis Menandatangani MoU ini merupakan satu pencapaian

penting bagi SHENA kerana ia menandakan MoU pertama bersama rakan antarabangsa, sekali gus kerjasama pertama dengan Negara Anggota ASEAN dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

MoU ini mencerminkan komitmen bersama kedua-dua pihak untuk memperkukuh kerjasama, meningkatkan pembangunan keupayaan, memudahkan pemindahan kemahiran serta menggalakkan perkongsian amalan terbaik dalam memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

ON THE WORK ATTACHMENT PROGRAMM
2026 | BALAI KHAZANAH ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, selaku Menteri yang Bertanggungjawab ke atas SHENA hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan penandatanganan berkenaan.

>> Muka 9

Komited dalam melindungi, mengurus biodiversiti secara lestari

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

>> Muka 1

Demikian yang dikongsikan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dalam perutusan sempena Hari Biodiversiti Antarabangsa 2026 dengan tema 'Acting Locally For Global Impact'.

Jelas Yang Berhormat lagi, pada 2000, Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengisytiharkan 22 Mei sebagai Hari Biodiversiti Antarabangsa bagi meningkatkan pemahaman dan kesedaran tentang kepentingan biodiversiti serta mengukuhkan komitmen global ke arah melindungi dan mengurus biodiversiti secara lestari.

Sambutan berkenaan juga tambah Yang Berhormat, adalah bersempena termeterainya Konvensyen mengenai Kepelbagaian Biologi (Convention on Biological Diversity) pada 1992 serta menggariskan kepentingan usaha berterusan dan tanggungjawab bersama dalam memelihara biodiversiti di semua peringkat.

Tema Hari Biodiversiti Antarabangsa pada tahun ini kata Yang Berhormat, 'Acting Locally for Global Impact' menekankan betapa pentingnya tindakan bersama dalam kalangan masyarakat bagi menangani cabaran alam sekitar di peringkat global.

"Ia mengingatkan kita bahawa usaha memelihara biodiversiti bermula daripada komuniti dan persekitaran kita sendiri melalui amalan harian, tadbir urus yang baik serta rasa tanggungjawab bersama dalam memelihara sumber semula jadi.

"Dalam masa yang sama, tema ini juga membawa mesej bahawa matlamat global termasuk ketahanan iklim dan pemulihan ekosistem hanya akan dapat dicapai apabila usaha dan tindakan dalam masyarakat terus diperkukuh, disokong dan diperluaskan secara berterusan.

"Negara Brunei Darussalam (NBD) yang terletak di Pulau Borneo sememangnya dikurniakan dengan khazanah alam semula jadi yang kaya, termasuk mempunyai hutan hujan tropika yang luas, hutan paya bakau, kawasan tanah lembap, sungai dan ekosistem marin yang pelbagai," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata dengan keluasan hutan kira-kira 72.1 peratus daripada

keluasan tanah negara, ekosistem berkenaan menjadi habitat kepada ribuan spesies flora dan fauna. Selain kepentingan ekologi, aset semula jadi berkenaan turut memberikan pelbagai manfaat dari segi ekonomi dan budaya.

NBD tambah Yang Berhormat lagi, sebagai sebuah negara Parti kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD) akan terus melaksanakan tanggungjawabnya dalam memelihara biodiversiti, antaranya melalui Dasar Biodiversiti Kebangsaan dan Pelan Tindakan Strategik (NBPSPA) 2024 hingga 2030 yang berperanan sebagai kerangka kebangsaan dalam menterjemahkan komitmen biodiversiti global kepada tindakan yang lebih berkesan di negara ini.

Selaras dengan Kerangka Biodiversiti Global Kunming-Montreal (KMGBF) melalui pendekatan senegara Whole-of-Nation Approach ujar Yang Berhormat lagi, dasar berkenaan menggariskan beberapa keutamaan termasuk memperkukuh tadbir urus biodiversiti, menggalakkan pengurusan sumber secara lestari, meningkatkan kesedaran awam mengenai alam sekitar dan pengetahuan saintifik, serta memperkukuh penglibatan pelbagai pihak berkepentingan.

"Melalui usaha yang bersepadu ini, inisiatif pemuliharaan bukan sahaja dapat memastikan kelestarian sumber semula jadi negara, malah turut menyokong kesejahteraan rakyat, ketahanan alam sekitar dan pertumbuhan ekonomi selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

"Selaku agensi peneraju dalam usaha pemuliharaan biodiversiti, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan terus melaksanakan pelbagai langkah berdasarkan peruntukan undang-undang serta dasar sedia ada seperti Akta Hutan (Penggali 46), Akta Perlindungan Hidupan Liar (Penggali 102) dan Dasar Perhutanan Negara termasuk rondaan hutan secara berterusan bagi membanteras aktiviti pembalakan haram, pemburuan haram serta pencerobohan kawasan hutan simpan.

"Selain itu, spesies hidupan liar yang tersenarai di bawah Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam (CITES) turut dilindungi melalui peruntukan undang-undang negara, khususnya di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar (Penggali

102), selaras dengan komitmen NBD dalam memastikan pemeliharaan spesies terancam sentiasa terjamin.

"Menyedari kepentingan biodiversiti, aktiviti pembalakan di kawasan hutan paya gambut adalah tidak dibenarkan bagi memastikan perlindungan dan kelestariannya untuk jangka masa panjang. Bagi menyokong komitmen ini, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan perlindungan berterusan terhadap ekosistem tersebut, antaranya melalui pewartaan kawasan-kawasan tertentu sebagai hutan simpan, pemantauan ekosistem secara berterusan, pelaksanaan penyelidikan saintifik serta program kesedaran awam bagi meningkatkan kefahaman mengenai kepentingan pemuliharaan hutan di NBD," kata Yang Berhormat lagi.

Dalam perutusan berkenaan, Yang Berhormat turut menjelaskan sebagai tambahan kepada inisiatif pemuliharaan tersebut, Jabatan Perhutanan dengan kerjasama agensi penguatkuasaan lain seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, terus giat melaksanakan rondaan hutan secara berkala dan bersepadu bagi memantau serta menangani sebarang aktiviti haram, termasuk pembalakan haram, pemburuan haram, dan pencerobohan ke kawasan hutan simpan.

Pada 2025 kata Yang Berhormat, sebanyak 538 rondaan telah dijalankan, merangkumi pemantauan darat, sungai, dan udara oleh renjer hutan. Usaha berterusan berkenaan mencerminkan komitmen kukuh kerajaan dalam memperkukuh keupayaan penguatkuasaan serta memastikan perlindungan, pemuliharaan, dan kelestarian jangka panjang sumber hutan negara demi manfaat generasi kini dan akan datang.

Walaupun pelbagai usaha terus diperkukuh bagi melindungi biodiversiti di peringkat kebangsaan jelas Yang Berhormat lagi, biodiversiti masih berdepan pelbagai tekanan dan cabaran yang semakin meningkat akibat perubahan iklim, kemerosotan habitat, pencemaran, serta penggunaan sumber yang tidak lestari serta cabaran alam sekitar yang lain.

Tambah Yang Berhormat lagi, bagi menangani cabaran-cabaran berkenaan memerlukan kerjasama yang kukuh dan rasa tanggungjawab bersama daripada semua pihak, kerana setiap usaha, walaupun kecil, mampu membawa perubahan yang bermakna dan berkekalan. Langkah-langkah seperti melindungi kawasan hutan, memulihkan hutan paya bakau, mengurangkan sisa

buangan, menggalakkan pertanian dan perikanan lestari, memperkukuh pendidikan alam sekitar, serta menyokong inisiatif pemuliharaan berasaskan komuniti dapat memberikan impak positif yang besar terhadap pemuliharaan biodiversiti dan ketahanan ekosistem.

Penglibatan golongan belia kata Yang Berhormat, juga amat penting dalam membentuk masa depan yang lebih mampan. Dengan memperkasa generasi muda melalui kesedaran alam sekitar, pengetahuan saintifik, alat inovasi digital, serta peluang penglibatan aktif, kita dapat melahirkan pemimpin masa depan yang akan terus memperjuangkan pemuliharaan biodiversiti dan kehidupan mampan.


Oleh itu tambah Yang Berhormat, institusi pendidikan, organisasi belia dan kumpulan komuniti mempunyai peranan penting dalam memupuk sikap bertanggungjawab terhadap alam sekitar serta meningkatkan penghargaan terhadap nilai biodiversiti.

"Sempena Hari Biodiversiti

Antarabangsa 2026, marilah kita memperteguhkan semula usaha dan tanggungjawab bersama dalam melindungi dan memelihara warisan semula jadi kita. Biodiversiti bukan sahaja merupakan khazanah negara yang amat bernilai, malah turut memainkan peranan penting dalam menyokong kesejahteraan manusia, daya tahan ekonomi, kestabilan iklim dan keseimbangan ekologi.

"Pemeliharaannya adalah asas penting untuk memastikan generasi akan datang mewarisi sebuah bumi yang sihat, produktif dan mampan. Melalui kerjasama di peringkat tempatan dan usaha secara kolektif, kita mampu membentuk persekitaran yang lebih sihat, ekosistem yang lebih kukuh, serta masa depan yang lebih mampan untuk generasi akan datang.

"Setiap usaha, walau sekecil mana pun, akan tetap memberikan sumbangan yang bermakna kepada misi global dalam memulihara kehidupan di bumi demi kesejahteraan bersama," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.



KE ARAH PENDEKATAN PENGUATKUASAAN TADBIR URUS PROAKTIF



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, selaku Menteri yang Bertanggungjawab ke atas Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) berucap pada Forum Keselamatan 2026 sempena Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2026.

>> Muka 1

Tambahan pula, kemudaratan berkaitan pekerjaan dianggarkan mengakibatkan kerugian ekonomi berjumlah hampir lima peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global setiap tahun.

Perkara tersebut digariskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri

Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Menteri yang Bertanggungjawab ke atas Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) semasa Forum Keselamatan 2026 sempena Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2026 bertempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

"Di negara kita sendiri, data SHENA bagi tahun 2025 menunjukkan bahawa meskipun terdapat langkah dan usaha berterusan dilaksanakan dalam peraturan dan penguatkuasaan, industri pembinaan sahaja yang menyumbang sebanyak 44 peratus daripada kecederaan di tempat kerja yang dilaporkan. Pada tahun yang sama, kadar kematian di tempat kerja adalah pada 2.25 bagi setiap 100,000 pekerja. Angka-angka ini bukan sekadar statistik; ia merupakan peringatan bahawa nyawa, keluarga dan daya tahan ekonomi Negara Brunei Darussalam dipertaruhkan," ujar Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II lagi.

Yang Berhormat menambah, semasa pelancaran Bulan Keselamatan, mereka telah

menekankan risiko psikososial sebagai satu keutamaan operasi.

Pada hari ini, Yang Berhormat ingin menyeru semua majikan dan tenaga kerja, selaku rakan kongsi sosial, untuk meneliti 'Faktor Manusia' serta hubungannya yang mendalam dengan kepimpinan, tadbir urus dan sistem pengurusan dalam pencegahan insiden dan kematian di tempat kerja.

Menurut Yang Berhormat, kajian menunjukkan bahawa tingkah laku masih menjadi punca utama bagi kebanyakan kejadian.

Oleh itu, tekan Yang Berhormat, sebagai pemimpin dan pengamal, mereka perlu melangkaui pematuhan di peringkat luaran dan mula menangani budaya organisasi serta sistem pengurusan yang mungkin secara tidak sengaja melemahkan amalan keselamatan ataupun menggalakkan jalan pintas.

Tambah Yang Berhormat, mengurus risiko adalah satu pelaburan strategik, dan organisasi yang mengutamakan keselamatan dan kesihatan pekerjaan secara menyeluruh lazimnya akan memperoleh pulangan yang signifikan melalui pengurangan kadar ketidakhadiran pekerja

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Na'il Haris Haji Muhd. Nikman

serta peningkatan produktiviti. Sebaliknya, mengabaikan risiko akan menjurus kepada ketidakstabilan operasi dan gangguan kewangan.

"SHENA kekal teguh dalam komitmennya untuk beralih daripada pendekatan penguatkuasaan reaktif kepada tadbir urus yang proaktif. Walau bagaimanapun, keberkesanan peraturan adalah bergantung kepada kesediaan industri untuk menambah baik, menyesuaikan diri dan berinovasi. Forum ini diwujudkan untuk pertukaran amalan terbaik teknikal serta penelitian terhadap rangka kerja semasa. Dalam kita melangkah ke arah Wawasan Brunei 2035, matlamat kita tetap jelas: tenaga kerja yang berdaya tahan bukan sahaja dilindungi daripada bahaya yang nyata, seperti jentera dan jatuh dari tempat tinggi, tetapi juga daripada kegagalan sistematik dalam pengurusan keselamatan serta kelemahan kawalan risiko," ujar Yang Berhormat lagi.

Rangka kerja keselamatan kebangsaan kita, terang Yang Berhormat, tidak boleh dibina secara bersendirian, sebaliknya ia mestilah dibina atas dasar kerjasama yang erat.

Oleh itu, Yang Berhormat amat menggalakkan semua pemimpin industri, pengamal keselamatan

dan kesihatan, para pendidik, serta tenaga kerja yang hadir untuk melihat keselamatan bukan sebagai satu perbelanjaan, tetapi sebagai tonggak kecemerlangan operasi dan kematangan organisasi.

Jelas Yang Berhormat, perbincangan hari ini bukan sahaja harus menekankan kejayaan, tetapi juga mengambil pengajaran daripada cabaran kolektif yang telah dihadapi.

Menurut Yang Berhormat, mereka mesti menyedari bahawa setiap kegagalan keselamatan menyediakan data kritikal untuk mencegah bencana pada masa hadapan kerana ini menjadikan perkongsian amalan terbaik yang telus sebagai satu peluang strategik untuk membina daya tahan.

"Dengan perasmian Forum Keselamatan 2026, marilah kita memanfaatkan platform ini untuk beralih daripada kesedaran umum kepada pelaksanaan strategi yang jelas. Objektif kita hari ini adalah untuk memastikan piawaian yang kita tetapkan bukan sahaja tertulis di atas kertas, tetapi diamalkan sepenuhnya, demi menjamin masa depan yang lebih selamat bagi setiap tenaga kerja di Negara Brunei Darussalam," ujar Yang Berhormat lagi.

Kesejahteraan psikososial penting dalam mewujudkan tempat kerja berdaya tahan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mei. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) telah memperingati Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2026 melalui penganjuran Forum Keselamatan 2026 yang diadakan di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Majlis Pembukaan Forum tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Menteri yang Bertanggungjawab ke atas SHENA.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri (Keselamatan dan



PEMBENTANGAN disampaikan oleh Penasihat, Emerging Journey (EJ) Asia Sdn. Bhd., Malaysia, Dato Dr. Haji Mohd. Fadzilah Kamsah.

Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah SHENA; Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah; dan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Terdahulu, Ketua Pegawai Eksekutif, SHENA, Awang Haji Muhsin bin Haji Ahmad, dalam ucapan alu-aluannya antara lain menyatakan, di SHENA, mereka berpegang teguh kepada prinsip bahawa budaya Kemudaratan Sifar (Zero Harm) bukanlah sekadar aspirasi, malah satu matlamat yang realistik dan perlu dicapai.

Meskipun SHENA masih di peringkat awal penubuhan jelasnya, mereka sedang membangunkan landasan strategik untuk mengadaptasi konsep Kemudaratan Sifar secara progresif sebagai visi keselamatan kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) bermula tahun 2031, di mana langkah ini adalah selaras dengan amalan terbaik global serta mendokong aspirasi kebangsaan di bawah Wawasan Brunei 2035.

Majlis kemudian diteruskan dengan ucapan perasmian oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, diikuti dengan pembentangan ucaptama bertajuk 'From Emotional Stability to Organisational Strength: Building Psychosocial Resilience at Work' telah disampaikan oleh

Penasihat, Emerging Journey (EJ) Asia Sdn. Bhd., Malaysia, Dato Dr. Haji Mohd. Fadzilah Kamsah.

Beliau dalam pembentangan tersebut antara lain mengongsikan pandangan berharga mengenai daya tahan emosi, kepimpinan dan kesejahteraan di tempat kerja.

Diadakan bersempena Bulan Keselamatan 2026, forum tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan di tempat kerja.

Forum ini telah menghimpunkan lebih daripada 200 peserta yang terdiri daripada wakil agensi kerajaan, badan berkanun, pihak berkepentingan industri, para profesional Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (HSE), ahli akademik serta organisasi sektor swasta.

Selaras dengan tema Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2026, iaitu 'Persekitaran Kerja Psikososial yang Baik: Laluan ke Arah Pekerja Sejahtera dan Organisasi Kukuh', forum ini mengetengahkan kepentingan kesejahteraan psikososial dalam mewujudkan tempat kerja yang selamat, sihat dan berdaya tahan.

Ia turut menjadi platform bagi dialog dan perkongsian ilmu mengenai kesejahteraan mental di tempat kerja, tanggungjawab kepimpinan, pengurusan risiko psikososial, serta daya tahan organisasi.

Forum ini turut menampilkan tiga sesi panel yang memfokuskan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, selaku Menteri yang Bertanggungjawab ke atas SHENA hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Majlis Pembukaan Forum tersebut.

kepada persekitaran kerja psikososial, komitmen kepimpinan dalam membentuk tempat kerja yang selamat dan sihat, serta pendekatan praktikal untuk menguruskan risiko psikososial.

Penceramah dan ahli panel terdiri daripada wakil International Labour Organization (ILO), Ministry of Manpower Singapura, dan Malaysian Industrial Safety and Health Association (MiSHA), serta pakar tempatan.

Selain sesi forum, beberapa pameran turut disertai oleh Jabatan Buruh, SHENA, Industry HSE Group (IHSEg), Occupational Safety and Health Workers Association (OSHWA), dan Health Promotion Centre (HPC) yang mengetengahkan pelbagai inisiatif berkaitan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan psikososial di tempat kerja.

Program ini juga menampilkan

Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Poster Digital sebagai sebahagian daripada aktiviti Bulan Keselamatan 2026.

Pertandingan tersebut mempamerkan poster-poster terpilih yang merangkumi topik seperti isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesihatan mental dan bahaya psikososial di tempat kerja, *hygiene* industri dan keselamatan bahan kimia, serta budaya keselamatan dan Behaviour-Based Safety (BBS).

Melalui penganjuran Forum Keselamatan 2026 ini, SHENA menegaskan komitmen berterusan untuk memperkukuh budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan di NBD, di samping menggalakkan organisasi untuk mengamalkan pendekatan yang lebih proaktif dan holistik dalam mengurus risiko psikososial serta mempromosikan kesejahteraan pekerja.

MEMPERTINGKAT KERJASAMA EKONOMI, PERDAGANGAN, PELABURAN

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said



BERLIN, REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN, Rabu, 20 Mei. - Sempena Keberangkatan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Persekutuan Jerman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd.

Amin Liew bin Abdullah bersama delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mengadakan mesyuarat bersama wakil-wakil perniagaan dari German SME Association (BVMW), yang terdiri daripada syarikat-syarikat dalam sektor tenaga, kejuruteraan, teknologi perindustrian, pembuatan dan bahan-bahan termaju.

Delegasi perniagaan Jerman tersebut diketuai oleh Andreas Jahn dari Der Mittelstand selaku Presiden BVMW dan dihadiri oleh Stefan Grund dari Schneider

Electric GmbH, Klaus Bönnemann dari Knauf AG, Lutz Klinkner dari Rubitherm GmbH, Andreas Böhlke dari Hans Böhlke Elektroinstallationen GmbH, Klaus Rollenhagen dari Gauff GmbH & Co. Engineering KG serta Rüdiger Ackermann dari Schill & Seilacher GmbH.

Mesyuarat yang diadakan di Berlin tersebut memberi tumpuan kepada peluang-peluang di NBD dan Republik Persekutuan Jerman untuk meningkatkan kerjasama ekonomi, perdagangan dan pelaburan, terutamanya dalam

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa mengadakan mesyuarat bersama wakil-wakil perniagaan dari German SME Association (BVMW) (atas dan kiri).

bidang tenaga boleh diperbaharui, pembangunan perindustrian lestari, ekonomi digital, logistik, infrastruktur dan teknologi termaju.

NBD mengalu-alukan penyertaan daripada syarikat-syarikat Jerman dalam meneroka peluang pelaburan dan perniagaan di negara ini. Bagi menyokong usaha tersebut, satu lawatan perdagangan ke NBD dijadualkan untuk diadakan pada

bulan Ogos tahun ini. Perbincangan tersebut mencerminkan hasrat yang semakin meningkat dalam kalangan syarikat-syarikat dari Republik Persekutuan Jerman untuk meneroka potensi kerjasama dan peluang pelaburan di NBD, di samping memperkukuh lagi hubungan ekonomi antara NBD dan Republik Persekutuan Jerman.

Memperluaskan usaha peluang pelaburan, perdagangan untuk manfaat bersama



SEKITAR sesi perbincangan di antara Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bersama The Honourable Michael Schumann, Pengerusi Federal Association for Economic Development and Foreign Trade (BWA) dan delegasi BWA, di Berlin, Republik Persekutuan Jerman (atas dan atas kanan).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERLIN, REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN, Rabu, 20 Mei. - Sempena Keberangkatan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Persekutuan Jerman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, bersama delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mengadakan sesi perbincangan bersama The Honourable Michael Schumann, Pengerusi Federal Association for

Economic Development and Foreign Trade (BWA) dan delegasi BWA, di Berlin, Republik Persekutuan Jerman.

Turut hadir ialah Urs Unkauf dari BWA Global Economic Network; Björn Heidrich dari ELTEC Green GmbH; dan Andreas Hube dari SenV Holdings AG.

Mesyuarat berkenaan tertumpu kepada peluang-peluang untuk mempertingkatkan kerjasama ekonomi, perdagangan, dan pelaburan antara NBD dan Republik Persekutuan Jerman, khususnya dalam bidang tenaga boleh diperbaharui, pembangunan industri mampan, ekonomi digital, logistik, infrastruktur, dan teknologi maju.

Perbincangan tersebut juga menekankan kedudukan strategik

NBD sebagai hab bagi akses kepada pasaran ASEAN serta kepentingan memperkukuh kerjasama antara institusi dan syarikat dari NBD dan Republik Persekutuan Jerman.

Perjumpaan tersebut mencerminkan komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memperluas lagi usaha-usaha peluang pelaburan dan perdagangan, serta kerjasama yang saling menguntungkan antara NBD dan Republik Persekutuan Jerman.

Perbincangan ini telah menghasilkan dialog berstruktur antara institusi-institusi perniagaan NBD dan Republik Persekutuan Jerman, serta akan menjadi wadah perbincangan pelaburan secara tersasar antara NBD dan Republik Persekutuan Jerman.



NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan ke-Pengguna



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa hadir pada majlis tersebut.

DOA KESYUKURAN SEMPENA PENUBUHAN JABATAN PENJARA KE-72

GADONG, Khamis, 21 Mei. - Jabatan Penjara mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-72 tahun yang berlangsung petang tadi bertempat di Balai Ibadat Kampung Mata-Mata, Gadong, di sini.

Hadir ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdullah Rahman.

Atur cara dimulakan dengan Bacaan Surah Yaa Siin yang diketuai oleh Awang Ahmad Khairulanam bin Haji Abdullah, yang kemudiannya

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

mengetuai bacaan Doa Kesyukuran; dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Acara diteruskan lagi dengan penyampaian sumbangan wakaf berupa satu unit Meja Penceramah Produk Insaf kepada Ketua Kampung Mata-Mata, Awang Md. Yassin bin Haji Omar, selaku Penasihat AJK Takmir Balai Ibadat Kampung Mata-Mata, Gadong. Turut hadir pada majlis tersebut

ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap, dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap.

Juga hadir, Pemangku Pengarah Penjara, Awang Bahrin bin Haji Mohammad Yassin; serta ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara.

Tingkatkan inovasi, kemajuan teknologi, pembangunan potensi insan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

TUNGU LINK, Rabu, 20 Mei. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) menganjurkan satu Taklimat Khas bertajuk 'Pioneers of the Sky : A Conversation on Innovation and Human Potential' di Dewan Kuliah 2, Kompleks Perpustakaan, UTB, di sini.

Ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan universiti untuk menyemarakkan inovasi,

kemajuan teknologi dan pembangunan potensi insan dalam kalangan pelajar serta masyarakat umum.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin serta Pengerusi Piper Aircraft, Inc.

Majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman yang antara lain menjelaskan bahawa inovasi dan kemajuan teknologi didorong oleh potensi insan, kerjasama serta keberanian untuk meneroka sempadan baharu.

Acara seperti itu katanya, memberi inspirasi kepada para pelajar untuk berfikir secara kritis, berani bermimpi, dan menyumbang secara bermakna kepada masa depan sains, kejuruteraan dan teknologi aeroangkasa.

Menyentuh mengenai tema sesi berkenaan, Naib Canselor UTB menjelaskan dalam dunia yang berkembang pesat, di mana penerbangan, teknologi angkasa lepas dan keterhubungan global terus mengubah cara kita hidup, berkomunikasi serta menyelesaikan cabaran yang kompleks.

Menurutnya, daripada teknologi satelit yang membolehkan navigasi dan ramalan cuaca kepada kemajuan dalam bidang kejuruteraan dan mobiliti mampan, impak inovasi aeroangkasa merangkumi setiap aspek masyarakat moden.

Ucapan pembukaan turut disampaikan oleh Ketua Operasi, Bahagian Pelaburan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Pengiran Noreen Afiza binti Pengiran Dato Paduka Haji Md. Zain yang juga selaku Pengarah Piper Aircraft, Inc. dan Piper Aircraft Asia Sdn. Bhd.

Sesi taklimat tersebut menampilkan beberapa penceramah terkemuka daripada industri penerbangan dan aeroangkasa. Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Piper Aircraft, Inc., John Calcagno berkongsi pandangan mengenai hala tuju masa depan industri penerbangan, inovasi dalam penerbangan am serta kepimpinan dalam memacu kemajuan teknologi aeroangkasa.

Sementara itu, Pegawai Bersara Tentera Laut Amerika Syarikat dan bekas angkasawan NASA, Kapten Winston Scott mengongsikan pengalaman beliau dalam misi angkasa lepas, perjalanan beliau menjadi seorang angkasawan, serta impak penerokaan angkasa



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Pengerusi Piper Aircraft, Inc. hadir selaku tetamu kehormat pada Taklimat Khas bertajuk 'Pioneers of the Sky : A Conversation on Innovation and Human Potential' (atas). Sementara gambar bawah, sekitar majlis tersebut.

terhadap masyarakat moden.

Beliau turut menekankan bagaimana teknologi angkasa terus menyumbang kepada kemajuan dalam komunikasi global, ramalan cuaca, sistem navigasi dan penemuan saintifik.

Turut menyertai sesi tersebut ialah Timbalan Ketua Program Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan, UTB, Pengiran Dr. Noor Muneerah binti Pengiran Haji Jeludin yang berkongsi pandangan mengenai pendidikan kejuruteraan, inovasi serta kepentingan melahirkan bakat masa hadapan yang bersedia menghadapi cabaran dalam bidang sains dan teknologi.

Beliau sebelum ini telah mengikuti program latihan industri di Piper

Aircraft, Inc. pada tahun 2023, sekali gus mencerminkan kerjasama berterusan antara UTB dan syarikat tersebut dalam menyediakan pendedahan industri serta peluang pembelajaran berasaskan pengalaman kepada ahli akademik dan pelajar universiti.

Acara diteruskan dengan sesi soal jawab, memberikan peluang kepada para peserta untuk berinteraksi secara langsung dengan para penceramah serta memperoleh pemahaman yang lebih mendalam mengenai sektor penerbangan dan aeroangkasa. Sesi tersebut diakhiri dengan penyampaian cenderamata penghargaan kepada para penceramah sebagai tanda penghargaan atas sumbangan dan penyertaan mereka.

>> Muka 6

Terdahulu, dalam ucapannya, Awang Haji Muhsin menekankan bahawa Republik Singapura diiktiraf di peringkat antarabangsa kerana kematangan dan tadbir urus yang kukuh dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan, termasuk sistem penguatkuasaan dan pemantauan yang mantap yang telah menyumbang kepada pembudayaan keselamatan yang kukuh.

Beliau turut menyatakan bahawa SHENA berhasrat untuk menimba pengalaman dan mengadaptasi amalan terbaik daripada Republik Singapura dalam usaha Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk terus maju mencapai visi sebagai sebuah negara yang selamat untuk bekerja dan didiami.

Tambahnya, kerjasama ini amat bertepatan dengan pelancaran Dasar Kebangsaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) NBD pada 28 April 2026 yang mengutamakan pendekatan Whole-of-Nation dalam memperkukuhkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Beliau menekankan bahawa kerjasama strategik dan jalinan perkongsian, seperti MoU ini, amat penting dalam menyokong pelaksanaan serta kelestarian Dasar KKP Kebangsaan.

Sementara itu, Silas Sng dalam ucapannya menekankan hubungan erat dan sekian lama terjalin antara NBD dan Republik Singapura dalam usaha mempertingkatkan standard keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Beliau turut menyatakan bahawa MoU tersebut mencerminkan komitmen bersama antara SHENA dan OSHD dalam memperkukuhkan kerjasama menerusi Program Penempatan Kerja, yang menyediakan peluang kepada pegawai dari kedua-dua organisasi untuk bertukar pengetahuan, pengalaman serta amalan terbaik dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

MoU ini juga dijangka dapat memperkukuh rangkaian profesional serta membuka peluang kerjasama masa hadapan antara kedua-dua pihak, khususnya dalam bidang pembangunan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, khidmat nasihat serta pembangunan kapasiti kepimpinan.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Timbalan Menteri (Keselamatan dan Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah SHENA; Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD, Tuan Yang Terutama Yip Wei Kiat; Ahli-ahli Lembaga Pengarah SHENA serta pegawai-pegawai kanan daripada kedua-dua pihak.



MANFAATKAN TEKNOLOGI BAHARU, DUKUNG INOVASI DIGITAL



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir pada majlis tersebut dan seterusnya bergambar ramai bersama-sama Menteri-menteri ASEAN, penggubal dasar serantau, pemimpin industri dan pihak berkepentingan teknologi yang menghadiri sidang kemuncak tersebut (atas dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

REPUBLIK SINGAPURA, Rabu, 20 Mei. - Pasukan ΣHAI dari Negara Brunei Darussalam, yang diwakili oleh Ummi Salwa Suhaime dan Hein Minn Tun @ Salman dari Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatulk Bolkiah (PAPRSB HIS), Universiti Brunei Darussalam, mencapai kejayaan penting di peringkat serantau apabila dinobatkan sebagai juara keseluruhan dalam AI Ready ASEAN Youth Challenge 2026 yang julung kali diadakan bersempena ATxSummit 2026 di Republik Singapura, dengan platform penjagaan demensia berasaskan AI yang inovatif dikenali sebagai Sahabat-Care.

AI Ready ASEAN Youth Challenge merupakan pertandingan ideasi serantau yang bertujuan untuk memperkasakan belia di seluruh Asia Tenggara membangunkan penyelesaian

berasaskan Kecerdasan Buatan (AI) bagi menangani cabaran sosial dalam komuniti masing-masing.

Dianjurkan oleh AI Singapore dan Yayasan ASEAN, dengan sokongan daripada Google.org dan Penguasa Pembangunan Infokom dan Media (IMDA) Singapura, inisiatif ini merupakan sebahagian daripada program AI Ready ASEAN yang lebih luas bertujuan untuk melengkapkan 5.5 juta orang dengan literasi dan keupayaan asas AI.

Diadakan di bawah tema 'AI untuk ASEAN Inklusif dan Mampan', cabaran ini menarik lebih 600 penyertaan daripada belia yang mewakili semua Negara Anggota ASEAN.

Selepas proses pemilihan yang sangat kompetitif, 11 projek finalis telah disenarai pendek merangkumi sektor termasuk penjagaan kesihatan, pendidikan,



kemasukan sosial dan pertanian.

Pasukan ΣHAI dari NBD meraih tempat pertama, diikuti oleh Kemboja di tempat kedua dan Republik Kesatuan Myanmar di tempat ketiga, dengan ketiga-tiga pasukan diiktiraf atas penyelesaian inovatif dipacu AI yang selaras dengan fokus cabaran mengenai pengetahuan, kemahiran dan pembelajaran, kemajuan saintifik dan komuniti yang lebih kukuh.

Hadiah tiga teratas disampaikan oleh Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam, semasa Majlis Makan Malam Gala Pembukaan ATxSummit 2026 yang diadakan di Gardens by the Bay.

Turut hadir ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, bersama-sama Menteri-menteri ASEAN, penggubal dasar serantau, pemimpin industri dan pihak berkepentingan teknologi yang menghadiri sidang kemuncak

tersebut.

Projek pemenang Pasukan ΣHAI, Sahabat-Care, dibangunkan dengan merujuk kepada peningkatan kes demensia di seluruh ASEAN, didorong oleh populasi yang menua dan jangka hayat yang lebih panjang, yang terus memberi tekanan yang semakin meningkat kepada keluarga dan sistem penjagaan kesihatan.

Cabaran ini akan terus diperhebatkan oleh sokongan penjaga yang terhad dan kekurangan alat yang disahkan secara digital untuk pengesanan awal demensia.

Platform ini menggunakan teknologi AI multimodal melalui analisis pertuturan, bahasa, video dan audio untuk menjana penilaian risiko kognitif longitudinal, panduan penjagaan bilingual peribadi dikuasakan oleh Model Bahasa Besar (LLM), serta ringkasan klinikal berstruktur untuk menyokong intervensi awal dan pemantauan berterusan.

Berkongsi inspirasi di sebalik projek ini, Pasukan ΣHAI berkata: "Melalui Sahabat-Care, kami ingin menangani cabaran pengesanan demensia dan sokongan penjaga yang semakin meningkat di Asia Tenggara. Platform ini telah membantu kami meneroka bagaimana AI dapat menyokong penjaga dengan pandangan yang lebih tepat pada masanya, panduan peribadi dan pembuatan keputusan yang lebih baik untuk penjagaan warga emas".

Pencapaian ini mencerminkan keupayaan belia NBD yang semakin meningkat dalam memanfaatkan teknologi baharu muncul untuk mendorong inovasi yang memberi impak, sambil menekankan kepentingan pelaburan berterusan dalam inovasi digital, penyelidikan dan pembangunan bakat sedia masa depan ke arah membina masa depan digital yang berdaya tahan dan inklusif untuk kedua-dua negara dan komuniti ASEAN yang lebih luas.



BELAIT, Jumaat, 22 Mei. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah meraikan tiga lagi anggota ABDB yang baharu memeluk agama Islam dalam satu majlis yang berlangsung di Surau Ar-Rahmah, Perkhemahan Lumut, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan. Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB, pegawai-pegawai kanan, pegawai - pegawai, anggota-anggota ABDB dan ahli keluarga anggota-anggota yang diraikan.

Turut diundang sebagai jemputan khas ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Ketua Perkembangan Da'wah, PDI, Pemangku Penghulu Mukim Gadong 'A' dan Ketua Kampung Kawasan 3, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Tungku dan Ketua Kampung Kawasan 1, Rancangan Perumahan Negara Meragang.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Al-Mu'minun, ayat 1 hingga 11 yang dibacakan oleh Lans Koperah Haji Muhammad Fahmi 'Izzuddin bin Mudim Awang Haji Tamin.

Acara diteruskan dengan

ABDB raikan 3 saudara baharu



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pengislaman yang diadakan di Surau Ar-Rahmah, Perkhemahan Lumut (atas). Manakala gambar kiri, Pemerintah ABDB menyampaikan cenderamata kepada penerima.

laungan Asmaul Husna dan Selawat Tafrijiyyah, diikuti dengan Dikir Marhaban serta taburan bunga rampai sebagai simbol kesyukuran dan kegembiraan dalam meraikan saudara-saudara baharu yang diraikan.

Sebagai tanda penghargaan dan kenang-kenangan bagi memperingati Majlis Pengislaman tersebut, Pemerintah ABDB telah menyampaikan cenderamata kepada Lans Koperah Muhammad Dazren bin Dahlan dari Rejimen Pengawal Diraja, Tentera Darat

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Diraja Brunei (TDDB); Soldadu Muhammad Nur Amizal bin Abdullah Anggang dari Batalion Ketiga TDDB dan Laskar Muda Muhammad Darryl bin Jimmay, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dari Skuadron Bantu, TLDB.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, diikuti dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Selawat

Qiyam, Surah Al-Asr, Tasbih Kifarah serta doa memohon keampunan dan disudahi dengan sesi bergambar ramai.

Majlis ini diungkuhkan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan warga ABDB serta memberikan sokongan moral dan kerohanian kepada saudara-saudara baharu ABDB dalam mengharungi fasa baharu kehidupan mereka.

LAWATAN KERJA MEMPERTINGKATKAN KERJASAMA DUA HALA MELALUI PELBAGAI INISIATIF

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



RIYADH, KERAJAAN ARAB SAUDI, Khamis, 21 Mei. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, baru-baru ini telah mengakhiri lawatan kerja selama tiga hari ke Riyadh, Kerajaan Arab Saudi, bermula dari 17 hingga 19 Mei

2026, yang telah memperkukuh lagi hubungan rapat dan persaudaraan antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Arab Saudi.

Yang Berhormat telah mengadakan perjumpaan dua hala bersama His Royal Highness Prince Abdulaziz Bin Turki bin Faisal Al Saud bagi

membincangkan pelaksanaan Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama dalam bidang belia dan sukan yang telah ditandatangani pada 6 November 2025.

Kedua-dua belah pihak menyatakan komitmen yang kukuh untuk terus mempertingkatkan kerjasama dua hala melalui pelbagai inisiatif yang bermakna dan berimpak tinggi, khususnya dalam bidang pembangunan sukan, program pertukaran belia, pembangunan kapasiti, serta perkongsian kepakaran profesional dan amalan terbaik.

Semasa lawatan berkenaan, Yang Berhormat dan delegasi juga berkesempatan melawat beberapa kemudahan utama sukan, kebudayaan dan warisan di Riyadh bagi meninjau perkembangan pesat negara berkenaan serta usaha-usaha pembangunan sukan dan pemeliharaan warisan budayanya yang kaya.

Lawatan berkenaan merangkumi King Fahad Sports City, Muzium Kebangsaan Arab Saudi, Regional Training Centre (Sports) di Princess Noura University, serta kawasan bersejarah Diriyah yang



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa lawatan kerja selama tiga hari ke Riyadh, Kerajaan Arab Saudi, bermula dari 17 hingga 19 Mei 2026 (atas dan kiri).

merupakan Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Turut mengiringi Yang Berhormat semasa lawatan berkenaan, Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid; Setiausaha

Tetap (Kemasyarakatan) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; serta pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kedutaan Besar NBD di Arab Saudi.

Memantapkan penglibatan akademik, penyelidikan serantau



MIRI, Jumaat, 22 Mei. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) terus memperkukuh penglibatan akademik dan penyelidikan serantaunya melalui Lawatan Kerja ke Curtin University Malaysia Kampus Miri dan Sarawak BioValley Centre, baru-baru ini.

Lawatan tersebut susulan daripada Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara UBD dan Curtin Malaysia pada 7 April 2025, yang menandakan satu pencapaian penting dalam memperkukuh kerjasama akademik dan penyelidikan antara kedua-dua institusi.

Penglibatan ini memberi peluang kepada kedua-dua universiti untuk meneroka dengan lebih lanjut bidang praktikal yang mempunyai kepentingan bersama, khususnya dalam penyelidikan, inovasi, pembangunan pelajar dan kerjasama serantau.

Delegasi UBD terdiri daripada barisan kepimpinan kanan diketuai oleh Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle dan dialu-alukan oleh Timbalan Pro Naib Canselor Curtin Malaysia, Profesor Dr. Tuong

Thuy-Vu. Program dimulakan dengan ucapan alu-aluan di Bilik Mesyuarat Majlis Curtin oleh Profesor Dr. Tuong Thuy-Vu dan Dr. Hazri.

Profesor Dr. Tuong Thuy-Vu menekankan matlamat bersama antara kedua-dua institusi dengan menyatakan sebagai universiti yang berpangkalan di Pulau Borneo, kita berkongsi banyak aspirasi yang sama dalam memajukan pendidikan, penyelidikan, inovasi dan pembangunan mampan demi manfaat komuniti serta rantau yang lebih luas.

Dr. Hazri pula menekankan potensi besar untuk kerjasama dalam penyelidikan antara disiplin, daya tahan serantau, ekosistem inovasi dan bidang tematik lain yang berkepentingan bersama.

Beliau menambah, ini merupakan bidang di mana institusi kita boleh saling melengkapi kepakaran masing-masing dan membangunkan kerjasama bermakna yang menyokong pembangunan kakitangan dan pelajar, sambil memberi sumbangan positif

kepada rantau ini.

Pembentangan kemudiannya disampaikan oleh Profesor Dr. Tuong Thuy-Vu, Penolong Naib Canselor (Penyelidikan, Inovasi dan Kelestarian) UBD, Dr. Haji Abdul Hanif bin Dato Paduka Haji Mahadi serta Penolong Naib Canselor (Penglibatan Global) UBD, Dr. Joyce Teo Siew Yean. Pembentangan tersebut mengetengahkan kekuatan institusi masing-masing, keutamaan penyelidikan, minat akademik dan potensi bidang kerjasama masa hadapan.

Perbincangan tertumpu kepada pelbagai bidang termasuk kelestarian, tenaga bersih, penyelidikan gunaan, biodiversiti, sains dan kejuruteraan. Kedua-dua universiti turut meneroka peluang penglibatan mobiliti pelajar seperti program pertukaran, khidmat masyarakat, latihan industri dan program jangka pendek.

Selain itu, mesyuarat turut menyentuh perkongsian ilmu dalam bidang kerjasama industri, pengkomersialan hasil penyelidikan dan inisiatif penyelidikan bersama. Selepas mesyuarat, delegasi melawat



DELEGASI Universiti Brunei Darussalam (UBD) terdiri daripada barisan kepimpinan kanan diketuai oleh Naib Canselor UBD (atas dan kiri).

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam**

beberapa kemudahan pengajaran dan penyelidikan di kampus, termasuk makmal di Fakulti Kejuruteraan Kimia.

Semasa lawatan, delegasi bertemu dengan para pelajar dan meninjau projek-projek yang sedang dijalankan, termasuk aplikasi kecerdasan buatan untuk pengesanan keretakan struktur dan sistem berasaskan sensor bagi penilaian postur manusia. Delegasi juga melawat tapak ujian hidrogen Curtin Malaysia dan kemudahan akuakultur termasuk projek udang kara air tawarnya.

Lawatan diteruskan di Sarawak BioValley Centre, di mana delegasi diperkenalkan kepada kemudahan pemprosesan bio berskala perintis dan pemprosesan fito milik pusat tersebut serta makmal analisis bahan.

Lawatan itu memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai infrastruktur penyelidikan pusat berkenaan, termasuk keupayaan teknikal, kemudahan dan peralatannya, di samping mengenal pasti peluang

kerjasama analitikal dan penyumberan luar bagi kerja penyelidikan tertentu.

Penglibatan ini dijangka membuka peluang baharu kepada pelajar UBD melalui program pertukaran, latihan industri, pembelajaran berasaskan pengalaman dan pendedahan kepada persekitaran penyelidikan gunaan. Ia juga mewujudkan ruang kepada para penyelidik dan tenaga akademik untuk menjalankan penyelidikan bersama, pertukaran ilmu dan inisiatif kerjasama masa depan bersama Curtin Malaysia dan Sarawak BioValley Centre.

Secara keseluruhannya, Lawatan Kerja ini menjadi platform bermakna dalam memperkukuh lagi kerjasama antara UBD dan Curtin Malaysia sebagai dua universiti terkemuka di Pulau Borneo. Penglibatan ini juga menyokong usaha pengantarabangsaaan UBD serta mengukuhkan perannya sebagai universiti serantau yang komited terhadap kerjasama berimpak dan mampan.

MENINGKATKAN KEFAHAMAN MENGENAI SENI TULISAN KHAT

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman



MERAGANG, Khamis, 21 Mei. - Tulisan khat merupakan salah satu seni warisan penting dalam peradaban Islam.

Seni berkenaan merujuk kepada garisan-garisan yang membentuk tulisan indah yang terikat dengan kaedah dan peraturan tertentu hasil kajian serta penetapan para pakar

dalam bidang seni khat.

Justeru, pendedahan mengenai seni tulisan khat amat penting khususnya bagi para Muslimah yang mengikuti Kelas Bimbingan Muslimah di seluruh negara kerana penyertaan dalam bengkel seumpamanya bukan sahaja dapat menambah pengetahuan,

malah turut memberi kemahiran dalam penulisan dan penghayatan terhadap seni khat Islam.

Sehubungan itu, Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Az-Zakireen Meragang pagi tadi mengadakan Majlis Penyampaian Peraduan Menulis Seni Khat yang diadakan di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang, isteri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Norazimah binti Haji Ramlee.

Peraduan Khat Riq'ah berkenaan dimenangi oleh Pengiran Hajah Naini binti Pengiran Haji Bakar dari Masjid Universiti Brunei Darussalam, manakala di tempat kedua pula disandang oleh Dayang Syaza Nuwairah binti Samsul dari Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Kampung Katimahir, sementara tempat ketiga dimenangi oleh Dayang Kaipah binti Abdul Rahman dari Masjid Kampung Perpindahan Mata-mata, Gadong.

Pertandingan berkenaan antara



ISTERI Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Norazimah binti Haji Ramlee hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (atas). Manakala gambar kiri, antara yang menyertai pertandingan tersebut.

lain bertujuan untuk meningkatkan kefahaman mengenai seni tulisan khat sebagai salah satu cabang kesenian Islam, di samping mencungkil bakat, memupuk minat serta memperkasa kemahiran Muslimah dalam bidang penulisan

khat. Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat majlis turut berkesempatan menyaksikan pameran hasil karya para peserta yang memenangi pertandingan khat berkenaan.

Amalan membaca perkasa ilmu pengetahuan, memperluaskan pemikiran

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mei. - Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia ialah sebuah acara tahunan yang diadakan pada 23 April oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (UNESCO) untuk menggalakkan *reading publishing* dan hak cipta.

Tarikh yang dipilih oleh UNESCO sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia adalah bertujuan untuk memberi penghormatan kepada tokoh-tokoh sasterawan terkenal seperti William Shakespeare, Miguel Cervantes dan Inca Garcilaso de la Vega yang meninggal pada tarikh tersebut.

Oleh itu, tarikh ini telah ditetapkan untuk pertama kalinya pada 1995.

Di samping itu, Negara Brunei Darussalam juga tidak terkecuali untuk memperingati Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia ini kerana negara kita sendiri juga ada melahirkan tokoh-tokoh penulis terkenal.

Pelbagai aktiviti telah diungkuhkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan badan kerajaan antaranya seperti Pesta Buku Sedunia yang diadakan setiap tahun.

Sehubungan itu, Sekolah Menengah Awang Semaun turut mengadakan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia dengan bertemakan 'Bersama Menggalakkan Budaya Membaca'

bertempat di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Awang Semaun, di sini.

Penghulu Mukim Zon 1 Sungai Kebun, Awang Muhammad Azli bin Salim selaku tetamu kehormat majlis dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata, membaca buku merupakan satu amalan yang sangat penting dalam kehidupan kita.

Tambahnya, dalam kesibukan harian, kita perlu meluangkan masa untuk membaca kerana melalui pembacaan, kita dapat menambahkan ilmu pengetahuan, memperluaskan pemikiran dan memahami dunia dengan lebih baik.

Dalam ucapannya, beliau turut menggalakkan para pelajar agar sentiasa meluangkan masa untuk datang ke perpustakaan dan memanfaatkan kemudahan yang telah disediakan. Jadikan perpustakaan sebagai tempat untuk menimba ilmu dan menenangkan minda.

Tekannya, gunakan peluang untuk meminjam buku-buku yang menarik dan bermanfaat kerana setiap buku yang dibaca pasti memberi nilai dan pengajaran kepada kita.

Antara perisian sambutan termasuk 'Character Parade' oleh pelajar-pelajar, guru-guru dan kakitangan Sekolah Menengah

Awang Semaun; *storytelling* bertajuk 'Cerita Si Babar Gajah Damit' oleh DJ Izan; lakonan drama bertajuk 'Awang Semaun'; dan kuiz.

Objektif program ini diadakan adalah bertujuan untuk memperingati Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia kepada semua warga sekolah, iaitu para pelajar, guru-guru dan kakitangan serta ibu bapa / penjaga; dan memberikan penghargaan kepada tokoh-tokoh dan para penulis serta mempromosikan budaya membaca, penerbitan dan hak cipta.

Selain itu, sebagai mekanisme untuk menyemarakkan dan mengamalkan amalan budaya membaca dan aplikasinya dalam kehidupan pelajar; memberi

peluang kepada pelajar untuk menyertai aktiviti-aktiviti pembudayaan ilmu yang dijalankan bagi meningkatkan nilai keintelektualan dalam kalangan mereka; dan menyokong dalam meningkatkan kemahiran literasi abad ke-21 dengan calak Brunei.

Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia bakal menjadi acara tahunan sekolah demi memperingati betapa berharganya sesebuah buku dan menghormati tokoh-tokoh terkenal.

Setiap tahun, lebih daripada 100 buah negara merayakan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia dengan pelbagai aktiviti yang melibatkan promosi galakan membaca, kegiatan penerbitan dan perbukuan dan perlindungan harta intelek melalui hak cipta.

Oleh sebab itu, Jabatan Sekolah-Sekolah melalui Unit Pemantauan Perpustakaan Sekolah (UPPS) menyarankan agar Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia turut disambut di peringkat sekolah rendah, menengah dan pusat tingkatan enam pada setiap tahun untuk menyemarakkan semangat membaca dalam kalangan masyarakat sekolah khususnya pelajar.

Pada tahun ini, para Pustakawan Sekolah Menengah Awang Semaun beserta komiti pelajar 'Reading Hubs' (Student Ambassador), Jabatan Bahasa Inggeris dan Drama, Jabatan Bahasa Melayu, Kesusasteraan Melayu dan MIB berhasrat untuk mengadakan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang melibatkan seluruh warga sekolah.



PENGHULU Mukim Zon 1 Sungai Kebun, Awang Muhammad Azli bin Salim selaku tetamu kehormat majlis.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Tingkatkan Kesedaran Pencegahan Penyakit Buah Pinggang'. Tarikh Tutup : 27 Mei 2026
- 'Kesedaran Awam terhadap Bahaya Buli'. Tarikh Tutup : 3 Jun 2026
- 'Amalan Membaca, Kunci Kejayaan'. Tarikh Tutup : 10 Jun 2026

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MEMPERKUKUH EKOSISTEM HALAL, KEPELBAGAIAN INDUSTRI NBD



MOU tersebut ditandatangani oleh Rektor UNISSA bagi pihak UNISSA, manakala Pengerusi dan Pengarah Urusan Serikandi Group of Companies, Dr. Shaikh Khalid bin Shaikh Haji Ahmad menandatangani bagi pihak Serikandi Oilfield Services dan Ya-Nur Trading Company serta Pengarah Katering Onshore, Dayang Hajah Latifah binti Ambran menandatangani bagi pihak Serikandi Café & Restaurant (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mei. - Kumpulan Syarikat Serikandi Group of Companies melalui tiga anak syarikatnya iaitu Serikandi Oilfield Services Sdn. Bhd., Ya-Nur Trading Company dan Serikandi Café & Restaurant hari ini memeterai kerjasama strategik bersama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerusi pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU).

Kerjasama bersejarah ini menghubungkan pembelajaran akademik dengan aplikasi industri sebenar, khususnya dalam kepelbagaian industri dan pembangunan ekosistem halal Negara Brunei Darussalam (NBD) selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

MoU tersebut ditandatangani oleh Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal bagi pihak UNISSA, manakala Pengerusi dan Pengarah Urusan Serikandi Group of Companies, Dr. Shaikh Khalid bin Shaikh Haji Ahmad menandatangani bagi pihak Serikandi Oilfield Services dan Ya-Nur Trading Company serta Pengarah Katering Onshore, Dayang Hajah Latifah binti Ambran menandatangani bagi pihak Serikandi Café & Restaurant.

Teras utama MoU ini merangkumi lima tonggak strategik kerjasama yang direka untuk mengubah pengetahuan teori kepada kecemerlangan operasi. Kerjasama ini akan memudahkan program latihan industri pelbagai

sektor, memberikan pelajar UNISSA pengalaman latihan industri secara langsung dalam bidang katering lapangan minyak, katering darat dan operasi runcit.

Selain itu, kedua-dua institusi akan bekerjasama dalam penyelidikan dan inovasi berkaitan pemahaman budaya halal dalam pelbagai persekitaran industri. Kerjasama ini juga menggalakkan pertukaran ilmu mengenai jawatankuasa audit halal dalaman, pematuhan halal dan kesedaran keselamatan makanan yang lebih maju.

Di samping itu, pembangunan kapasiti akan diperkukuhkan melalui sesi perkongsian industri termasuk pendedahan pelajar kepada operasi dapur industri, sekali gus mewujudkan laluan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

pembangunan kerjaya dan peluang pengambilan pekerja yang lebih tersusun bagi membina bakat tempatan yang berkualiti.

Dalam menyatakan penghargaan terhadap kerjasama ini, Rektor UNISSA menekankan nilai praktikal yang besar dibawa oleh kumpulan korporat tersebut kepada Fakulti Sains Halal dan Pelancongan Lestari.

Beliau menyatakan bahawa universiti menyediakan kerangka teori dan saintifik bagi sektor halal, manakala Serikandi dan anak-anak syarikatnya menawarkan realiti operasi yang tiada tandingan.

Beliau turut menegaskan bahawa daripada piawai ketat katering lapangan minyak hingga

kepada persekitaran pantas sektor runcit dan perkhidmatan makanan, kerjasama ini memberi peluang kepada pelajar dan penyelidik untuk memahami secara menyeluruh bagaimana integriti halal dipelihara di lapangan, sekali gus melahirkan graduan yang benar-benar bersedia untuk industri.

Majlis diakhiri dengan pertukaran cenderahati dan sesi bergambar ramai sebagai simbolik permulaan kerjasama jangka panjang yang bertujuan melahirkan bakat tempatan berkaliber tinggi, memperkukuhkan ekosistem halal NBD serta menyokong matlamat kepelbagaian ekonomi negara.

Bersatu padu tangani isu perubahan iklim



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan hadir pada Bengkel Serantau ASEAN mengenai Harga dan Pasaran Karbon yang berlangsung pada 20 hingga 21 Mei 2026, di The Rizqun International Hotel (atas dan kanan).

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hasif Matzin

GADONG, Rabu, 20 Mei. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri melalui Pejabat Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (Brunei Climate Change Office, BCCO) ingin memaklumkan bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menjadi tuan rumah bagi Bengkel Serantau ASEAN mengenai Harga dan Pasaran Karbon yang berlangsung

pada 20 hingga 21 Mei 2026, di The Rizqun International Hotel, Gadong, di sini.

Dalam ucapan pembukaan pada bengkel tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, menekankan kepentingan bagi menangani isu perubahan iklim melalui kerjasama serantau dan antarabangsa.

Beliau juga menyampaikan penghargaan kepada pihak Kesatuan Eropah (European Union - EU) dalam menyokong kebolehan Negara-negara Anggota ASEAN (ASEAN Member States - AMS) dalam menangani perubahan iklim.



Penganjuran bengkel ini juga merupakan hasil kerjasama di antara EU melalui Technical Assistance Facility to the Green Team Europe Initiative (TAF-GTEI) bersama dengan NBD melalui BCCO.

TAF-GTEI merupakan inisiatif pihak EU bagi menyokong AMS dalam menangani isu perubahan iklim, pemeliharaan sumber-sumber utama dan alam sekitar secara efektif, pembangunan sistem permakanan yang mampan dan penubuhan tenaga bersih.

Bengkel ini telah menghimpunkan pegawai-pegawai dari ASEAN Working Group on Climate Change, pihak pegawai-pegawai kerajaan dan swasta tempatan; dan pakar-pakar

teknikal dari luar negeri bagi berkongsi pengalaman, pengetahuan teknikal serta amalan-amalan terbaik dalam meningkatkan kebolehan Negara-negara ASEAN untuk mengambil bahagian dalam pemasaran karbon antarabangsa dan juga memperoleh kewangan bagi menyokong projek-projek yang menangani perubahan iklim.

Penganjuran bengkel ini juga dijangka akan menyokong usaha negara dalam memperkukuhkan kapasiti dan kebolehan bagi menyalurkan kewangan kepada projek-projek yang menangani perubahan iklim selaras dengan matlamat pengurangan pelepasan gas rumah hijau seperti yang gariskan dalam Nationally Determined Contribution (NDC)

negara. Melalui bengkel ini, NBD juga berpeluang untuk terus memperkukuhkan kerjasama serantau dalam bidang perubahan iklim bersama dengan rakan AMS dan juga Kesatuan Eropah selaku Penyelaras ASEAN-EU dari tahun 2024 hingga 2027.

Sehubungan dengan itu, penganjuran bengkel ini mencerminkan komitmen negara dalam memperkukuhkan kerjasama serantau dan antarabangsa dalam menangani isu perubahan iklim, di samping meningkatkan pembangunan kapasiti teknikal negara-negara di serantau ASEAN dalam menangani perubahan iklim melalui dasar Pertukaran Karbon dan penyaluran kewangan.



Sila Imbas Untuk
Khutbah Lengkap



جياتن حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MENYUCIKAN HATI, MERAIH QALBUN SALIM

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 04 Zulhijjah 1447H / 22 Mei 2026M

CARA MENGGAPAI QALBUN SALIM:

- 1) **"Hablum minallah" الله**
Menjaga hubungan dengan Allah SWT
- 2) **Hidupkan budaya membaca al-Qur'an**
- 3) **Perbanyakkan zikir dan istighfar**

4) **Jaga adab melalui lidah dan di dalam Media Sosial**

5) **"Hablum minannas" 人人**
Menjaga hubungan sesama manusia

6) **Jauhi sumber-sumber yang merosakkan hati**



HATI MANUSIA BOLEH BERADA DALAM BEBERAPA KEADAAN:

- 1) **Qalbun Salim**
Hati yang bersih
- 2) **Qalbun Maridh**
Hati yang sakit
- 3) **Qalbun Mayyit**
Hati yang mati



HATI GELAP BUKAN KERANA DOSA BESAR SAHAJA, TETAPI KERANA DOSA LIDAH

- Mengumpat
- Memfitnah
- Merendahkan orang
- Menyebarkan aib
- Menulis tanpa ilmu dan tabayyun





BERTAKWALAH kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala telah mengurniakan kepada kita tubuh badan yang sempurna, lengkap dengan segala nikmat yang tidak ternilai. Namun, di antara semua anggota badan, hati adalah yang paling besar peranannya kerana ia merupakan pusat segala rasa, niat dan tindakan. Sesungguhnya hati menjadi penentu kepada baik atau buruknya perjalanan hidup seseorang serta menjadi cerminan sebenar siapa diri kita di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Walaupun manusia sering menilai seseorang berdasarkan paras rupa, pakaian, pangkat atau kemewahan yang dimiliki, namun Allah Subhanahu Wata'ala tidak menilai kita berdasarkan apa yang zahir di mata manusia. Penilaian Allah Subhanahu Wata'ala jauh lebih bermakna kerana Dia melihat apa yang tersembunyi di dalam hati. Di situlah tempat jatuhnya pandangan Allah Subhanahu Wata'ala yang paling utama. Hati kitalah yang mencerminkan siapa diri kita yang sebenar di sisi-Nya.

Apa yang dilihat oleh Allah Subhanahu Wata'ala bukanlah semata-mata perbuatan yang zahir tetapi juga apa yang tersembunyi di sebalik setiap perbuatan seperti niat yang ikhlas dan kejujuran yang tulus. Inilah isi hati yang menjadi ukuran di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Maka jagalah hati kita dan sucikanlah ia dengan keikhlasan kerana di situlah terletak nilai sebenar seorang hamba di sisi Tuhannya. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa paras dan harta kalian tetapi Allah melihat kepada hati dan amal kalian". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Ramai manusia pada hari ini nampak sihat tubuh badannya, berjaya dalam kehidupan dan dipuji serta disanjung di mata manusia. Namun, tanpa disedari hati mereka sedang menanggung sakit yang parah, menjadi keras dan semakin jauh daripada cahaya iman serta petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya hati yang dibaikan dan tidak disucikan daripada dosa akan perlahan-lahan diliputi kegelapan sehingga akhirnya mati. Ketika itu, ayat-ayat Al-Quran tidak lagi menyentuh jiwa, ibadah tidak lagi terasa manis dan hati tidak lagi bergetar

Menyucikan hati, meraih Qalibun Salim

apabila disebut nama Allah Subhanahu Wata'ala. Inilah akibatnya apabila hati dibiarkan lalai, dibelenggu sifat *mazmumah* dan tidak dimuhasabah dari semasa ke semasa.

Sebagai umat Islam, kita hendaklah sentiasa berusaha menjaga hati dengan sebaik-baiknya. Siramilah ia dengan zikir, bacaan Al-Quran dan taubat yang tulus. Jangan sesekali kita biarkan hati dikuasai oleh tipu daya dunia yang sementara kerana apabila hati rosak, maka seluruh kehidupan kita akan mudah terpesong daripada jalan yang benar. Namun, andai hati itu bersih, tenang dan disinari cahaya iman, maka seluruh anggota badan juga akan tunduk kepada kebaikan dan digunakan untuk melaksanakan amal soleh yang direcai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Nukman bin Basyir Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sesungguhnya di dalam diri manusia itu ada seketul daging. Apabila daging itu baik, maka baiklah seluruh anggota. Dan apabila daging itu rosak, maka rosaklah seluruh anggota, ketahuilah itulah hati". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Para ulama menjelaskan bahawa hati manusia boleh berada dalam beberapa keadaan :

Pertama : Qalibun Salim iaitu hati yang bersih dan selamat, iaitu selamat daripada syirik, selamat daripada segala bentuk kekotoran, nafsu dan syahwat, selamat daripada hasad dengki, selamat daripada dendam yang membakar dan selamat daripada kecintaan dunia yang melalaikan. Hati ini tenang ketika melakukan ketaatan, cepat kembali ketika tersilap dan lapang ketika memaafkan.

Kedua : Qalibun Maridh iaitu hati yang sakit. Hati ini masih mengenal Allah Subhanahu Wata'ala tetapi mudah kalah dengan nafsu. Kadang-kadang ia rajin beribadah, kadang-kadang ia lalai, kadang-kadang ia ikhlas, kadang-kadang ia mencari pujian, kadang-kadang ia memaafkan dan kadang-kadang ia menyimpan dendam. Hati yang sakit ini, boleh menjadi parah jika tidak dirawat dengan ilmu, taubat, zikir dan mujahadah.

Ketiga : Qalibun Mayyit iaitu hati yang mati. Hati ini keras dan jauh daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Ia tidak lagi terasa manisnya iman, tidak takut kepada dosa, tidak bergetar dengan Al-Quran, tidak tersentuh dengan nasihat dan tidak gentar dengan amaran Allah Subhanahu Wata'ala. Inilah hati yang paling berbahaya kerana ia membutuhkan kebenaran.

Memiliki Qalibun Salim merupakan impian setiap umat Islam. Namun, persoalannya ialah bagaimana kita membina Qalibun Salim? Sesungguhnya untuk menggapai Qalibun Salim, kita mestilah berusaha dengan sungguh-sungguh untuk menjaga dan memelihara :

Pertama : Hablum Minallah iaitu menjaga hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala terutamanya dengan memelihara sembahyang dan mengerjakan tepat pada waktunya. Sembahyang adalah tiang agama dan mengawal hati. Jangan jadikan sembahyang sekadar rutin harian tetapi jadikan sembahyang sebagai tempat mengadu dan memohon kekuatan. Selain itu adalah dengan sentiasa mengikuti segala perintah-Nya, meninggalkan segala larangan-Nya serta melakukan amal soleh dan amal kebajikan.

Kedua : Hidupkan budaya membaca Al-Quran. Al-Quran ialah ubat hati. Maka baca, *tababbur* dan amalkan membaca Al-Quran, jika tidak mampu banyak, istiqamahlah walaupun sedikit tetapi berterusan.

Ketiga : Perbanyakkan zikir dan istighfar. Zikir berfungsi menenangkan hati yang resah dan istighfar pula membersihkan noda. Zikir juga melatih kita mengawal emosi, terutama marah, iri hati dan keluh kesah.

Keempat : Jaga adab lidah dan media sosial. Banyak hati gelap bukan kerana dosa besar sahaja tetapi kerana dosa lidah seperti mengumpat, memfitnah, merendahkan orang, menyebarkan aib dan menulis tanpa ilmu dan *tabayun*. Jika mahu Qalibun Salim, jagalah lidah dan tulisan.

Kelima : Hablum Minannas iaitu menjaga hubungan sesama manusia. Kita dituntut untuk sentiasa memelihara ukhuwah dan menjalin hubungan silaturahmi khususnya dengan ahli keluarga, saudara-mara, jiran tetangga, sahabat handai, rakan sekerja dan sesiapa sahaja di sekeliling kita. Bersikap baiklah sesama insan dengan mengamalkan sikap tolong-menolong dalam perkara kebaikan, membantu mereka yang ditimpa kesusahan serta menghiusi diri dengan akhlak mulia dalam setiap tutur kata dan tingkah laku.

Keenam : Jauhi sumber-sumber yang merosakkan hati, maka tinggalkan maksiat yang berulang-ulang, hiburan dan pergaulan yang menarik kepada dosa serta harta yang diperoleh secara syubhah. Hati tidak akan selamat jika makanan, pendapatan dan gaya hidup tidak dijaga.

Terdapat sebuah doa yang sangat indah

dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, yang merangkumi pelbagai aspek penting dalam kehidupan seorang Muslim. Doa ini menyentuh keteguhan dalam beragama, rasa syukur yang mendalam, akhlak yang mulia dan kebersihan hati. Antara doa yang diajarkan oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam kepada seorang sahabatnya, Syadad bin Aus Radiallahuanhu iaitu sebagai simpanan akhirat yang jauh lebih bernilai daripada segala harta dunia adalah hadis daripada Syadad bin Aus Radiallahuanhu, bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Wahai Syadad bin Aus! Jika kamu melihat manusia sibuk menimbun emas dan perak, maka simpanlah olehmu kalimah-kalimah ini sebagai simpanan (yang lebih baik)".

Maksudnya : "Ya Allah, aku memohon kepada-Mu ketabahan hati dalam menghadapi semua urusan dan tekad yang kuat dalam mencari kebenaran dan aku memohon kepada-Mu untuk sentiasa mensyukuri nikmat-Mu dan aku memohon kepada-Mu hati yang selamat, lisan yang sentiasa jujur dan aku memohon kepada-Mu daripada kebaikan yang Engkau ketahui dan aku minta perlindungan daripada keburukan yang Engkau ketahui dan aku memohon ampun-Mu terhadap segala kesalahan yang Engkau ketahui. Sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui segala yang ghaib". (Hadis Riwayat An-Nasaie)

Sebagai umat Islam, marilah kita meluangkan masa untuk bermuhasabah dan merenung hakikat diri yang sebenar. Hati kita adalah tempat jatuhnya pandangan Allah Subhanahu Wata'ala dan dari hatilah terpancar segala kebaikan atau bermulanya keburukan. Justeru, kita hendaklah sentiasa berusaha menyucikan hati daripada dosa dan penyakit hati yang membinasakan jiwa.

Akhirnya, mudah-mudahan dengan usaha ikhlas untuk menyucikan hati dan menjauhkan diri daripada melakukan perkara yang sia-sia, kita tergolong dalam kalangan hamba yang memiliki Qalibun Salim dan sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan mencintai rasul-Nya. *Amin Ya Rabbal Alamin*.

Tafsirnya : "Sesungguhnya orang-orang yang (benar-benar) beriman itu ialah mereka yang apabila disebut nama Allah gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, bertambah (kuat) iman mereka dan hanya kepada Tuhan mereka sahajalah mereka bertawakal". (Surah Al-Anfal, ayat 2)

APA yang dilihat oleh Allah Subhanahu Wata'ala bukanlah semata-mata perbuatan yang zahir tetapi juga apa yang tersembunyi di sebalik setiap perbuatan seperti niat yang ikhlas dan kejujuran yang tulus. Inilah isi hati yang menjadi ukuran di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Maka jagalah hati kita dan sucikanlah ia dengan keikhlasan kerana di situlah terletak nilai sebenar seorang hamba di sisi Tuhannya. Daripada

Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa paras dan harta kalian tetapi Allah melihat kepada hati dan amal kalian". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Ramai manusia pada hari ini nampak sihat tubuh badannya, berjaya dalam kehidupan dan dipuji serta disanjung di mata manusia. Namun, tanpa disedari hati mereka sedang menanggung sakit yang parah, menjadi keras dan semakin jauh daripada cahaya iman serta petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya hati yang dibaikan dan tidak disucikan daripada dosa akan perlahan-lahan diliputi kegelapan sehingga akhirnya mati. Ketika itu, ayat-ayat Al-Quran tidak lagi menyentuh jiwa, ibadah tidak lagi terasa manis dan hati tidak lagi bergetar apabila disebut nama Allah Subhanahu Wata'ala. Inilah akibatnya apabila hati dibiarkan lalai, dibelenggu sifat mazmumah dan tidak dimuhasabah dari semasa ke semasa.

2 PENGHULU MUKIM, 9 KETUA KAMPUNG TERIMA SIJIL LANTIKAN



SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Sijil Penghulu-penghulu Mukim Ketua-ketua Kampung Daerah Belait dan seterusnya bergambar ramai (kanan dan atas).

KUALA BELAIT, Rabu, 20 Mei. - Penghulu mukim dan ketua kampung merupakan barisan hadapan kerajaan yang berperanan sebagai 'mata, telinga dan lidah' kerajaan demi memastikan kesejahteraan, keselamatan dan kebajikan penduduk sentiasa terpelihara.

Peranan ini bukan sahaja bersifat penyampaian maklumat bahkan melibatkan keupayaan mengenai pasti isu menyelaraskan tindakan serta memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan sampai kepada rakyat dengan berkesan.

Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal

Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Abdul Walid bin Haji Metassan selaku tetamu kehormat berucap demikian semasa Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Sijil Penghulu-penghulu Mukim Ketua-ketua Kampung Daerah Belait yang berlangsung di Dewan Intisar, Jabatan Daerah Belait, hari ini.

"Seiring dengan perubahan dan keperluan semasa peranan penghulu Mukim dan Ketua Kampung semakin penting selaras dengan pelaksanaan Skim Perkhidmatan yang baharu yang menekankan peningkatan kewibawaan, kualiti, kepimpinan dan keberkesanan institusi sebagai

teras kepimpinan di peringkat akar umbi," jelasnya.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa oleh Ketua Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lorong Tengah Seria, Kawasan 1, Awang Muhammad Syaiful Faizal bin Angas.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil lantikan kepada dua penghulu mukim dan sembilan ketua kampung iaitu Penghulu Mukim Sukang; Penghulu Mukim Seria; Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lorong Tiga Selatan Seria, Mukim Seria; Ketua Kampung Pandan 'C', Mukim Kuala Belait; Ketua Kampung

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Merangking, Mukim Bukit Sawat; Ketua Kampung Pekan Kuala Belait 'B', Mukim Kuala Belait; Ketua Kampung Pandan 'D', Mukim Kuala Belait; Ketua Kampung Mumong 'A', Mukim Kuala Belait; Ketua Kampung RPN Panaga Kawasan 'B', Mukim Seria; Ketua Kampung RPN Lumut Kawasan 3, Mukim Liang dan Ketua Kampung RPN Lumut Kawasan 2, Mukim Liang yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Majlis diteruskan lagi dengan bacaan dan penandatanganan ikrar, diikuti dengan ucapan daripada Penghulu Mukim Seria, Awang Mohammad Zairul Halfi bin Talip, selaku wakil

penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung yang dilantik. Majlis diakhiri dengan perasmian papan-papan tanda rumah Penghulu Mukim Seria dan Penghulu Mukim Sukang oleh tetamu kehormat.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat dan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat; pegawai-pegawai dari KHEDN, penghulu - penghulu mukim, ketua-ketua kampung serta Ketua Rumah panjang Daerah Belait.

Warisan budaya medium diplomasi mempererat persefahaman negara antarabangsa



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

PERSEKUTUAN RUSIA, Rabu, 20 Mei 2026. - Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, menghadiri Kongres Menteri - menteri Kebudayaan Negara-negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) yang berlangsung pada 13 dan 14 Mei yang lalu, bertempat di Kazan, Republik Tatarstan, Persekutuan Rusia.

Kongres tersebut menghimpunkan wakil daripada 28 buah negara serta tiga organisasi antarabangsa bagi memperkukuh kerjasama

kebudayaan, pertukaran ilmu dan pembangunan hubungan strategik antara negara-negara anggota OIC dan Persekutuan Rusia.

Sepanjang kongres berlangsung, perbincangan memberi tumpuan kepada beberapa agenda utama termasuk dialog kebudayaan sebagai medium memperkukuh persefahaman sejagat, usaha pemeliharaan warisan budaya, serta pembangunan industri kreatif dan seni kontemporari sebagai pemangkin kemajuan ekonomi dan sosial.

Pemilihan Kazan sebagai penganjur turut



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menghadiri Kongres Menteri-menteri Kebudayaan Negara-negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) yang berlangsung pada 13 dan 14 Mei bertempat di Kazan, Republik Tatarstan, Persekutuan Rusia (atas dan atas kiri).

mengetengahkan peranannya sebagai Ibu Kota Kebudayaan Dunia Islam, sekali gus mencerminkan sumbangan signifikan Republik Tatarstan dalam mempromosikan kepelbagaian budaya, toleransi, dan keharmonian sejagat.

Forum berkenaan turut menekankan kepentingan pemeliharaan warisan sejarah dan budaya dunia secara berterusan.

Dalam hubungan ini, Persekutuan Rusia berkongsi pencapaiannya dalam mengurus lebih 162,000 objek warisan berdaftar termasuk 33 Tapak Warisan Dunia UNESCO yang mencerminkan komitmen negara tersebut terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan warisan budaya untuk generasi akan datang.

Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS turut menegaskan bahawa

kebudayaan dan warisan bukan sekadar mencerminkan identiti sesebuah negara, malah berperanan sebagai aset strategik yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi serta memperkukuh industri kreatif.

Beliau turut menekankan bahawa kebudayaan berperanan sebagai medium diplomasi dan jambatan dalam mempererat persefahaman negara antarabangsa.

USAHA BERTERUSAN MELAHIRKAN GENERASI CELIK AL-QURAN



SETIAUSAHA Tetap (Protokol, Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar kanan, para pelajar yang diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran.



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

TUNGKU LINK, Jumaat, 22 Mei. - Dalam usaha menyemarakkan budaya membaca Al-Quran serta melahirkan generasi celik Al-Quran yang berpegang teguh kepada ajaran Islam, Sekolah Ugama Antarabangsa Jerudong petang tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 72 murid Darjah VI bertempat di Art

Centre, Sekolah Antarabangsa Jerudong.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 40 peserta terdiri daripada murid lelaki, manakala 32 orang lagi ialah murid perempuan yang telah berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Protokol,

Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Awang Haji Muhammad Fakhri bin Haji Mohd. Taib.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam.

Acara kemudian diteruskan dengan bacaan Takhtim serta Doa Khatam yang dipimpin oleh Awang Haji Muhammad Wafiq Qawiem bin

Haji Muhammad Fakhri.

Majlis diteruskan lagi dengan penyampaian sijil kepada para peserta khatam yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Acara turut diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Penganjuran Majlis Khatam Al-Quran di sekolah-sekolah agama di negara ini merupakan antara usaha berterusan dalam mendukung

hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran yang menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai amalan dalam kehidupan seharian.

Di samping itu, majlis seumpama berkenaan juga mencerminkan komitmen Jabatan Pengajian Islam dalam memperkukuh syiar Islam serta membentuk generasi yang berilmu, berakhlak mulia dan berpegang teguh kepada ajaran Islam.

Memacu inovasi merentas pelbagai disiplin



NAIB Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) hadir selaku tetamu kehormat pada UTB TechExpo 40 (atas kanan). Manakala gambar atas, ekspo tersebut dianjurkan oleh School of Computing and Informatics sempena Ulang Tahun Ke-40 UTB.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUNGKU, Khamis, 21 Mei. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) pagi tadi menganjurkan UTB TechExpo 40 yang mempamerkan projek-projek pelajar.

Ekspo tersebut dianjurkan oleh School of Computing and Informatics (SCI) sempena Ulang Tahun Ke-40 UTB, bertempat di Dewan Serbaguna dan Bangunan Fakulti Kejuruteraan universiti berkenaan bermula hari ini hingga 22 Mei 2026.

Sebanyak 369 projek pelajar daripada pelbagai fakulti dan sekolah dipamerkan sepanjang pameran dua hari itu yang melibatkan projek daripada Fakulti Kejuruteraan, UTB School of Business, SCI, School of Applied Sciences and Mathematics, School of Design serta Centre for Communication, Teaching and Learning.

Dengan tema 'Converging Talents, Advancing Frontiers', pameran ini meraikan kerjasama,

keaktiviti dan inovasi dalam kalangan pelajar merentas pelbagai disiplin.

Ia menentang projek-projek yang menunjukkan penyelesaian masalah, kemajuan teknologi dan aplikasi dunia sebenar, sekali gus mencerminkan dedikasi, semangat dan komitmen pelajar dalam memperbaiki kehidupan harian melalui inovasi.

Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan ekspo tersebut ialah Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Turut hadir ialah Pegawai-pegawai Kanan UTB, para jemputan daripada organisasi kerajaan, institusi pengajian tinggi, sekolah dan rakan industri serta kakitangan dan pelajar universiti.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti ucapan alu-aluan oleh Dekan SCI dan Pengerusi UTB TechExpo 40, Dr. Haji Sharul

Tazrajiman bin Haji Tajuddin.

Beliau menjelaskan pameran tersebut menjadi salah satu bukti paling jelas tentang apa yang telah dibina oleh UTB iaitu sebuah komuniti pemikir, pencipta dan penyelesaian masalah yang bersedia menghadapi cabaran dunia.

"Apabila individu bergabung tenaga, apabila disiplin bertemu, dan apabila semangat bertemu tujuan, sempadan bukan lagi sesuatu yang perlu ditakuti, sebaliknya menjadi horizon untuk ditakluki, dan apa yang dipamerkan hari ini adalah bukti nyata gabungan bakat dan penerokaan sempadan baharu," ujar beliau.

Projek-projek yang dihasilkan tambahnya, bukan sekadar memenuhi keperluan akademik, tetapi merupakan lambang cita-cita dan bukti bahawa kreativiti berkembang melalui pembelajaran yang tersusun.

Pengerusi UTB TechExpo 40 juga turut menyatakan penghargaan kepada rakan industri, penaja, kolaborator dan tetamu yang hadir, kerana

kehadiran mereka membuktikan bahawa hasil kerja pelajar UTB relevan dengan cabaran dan peluang sebenar di luar dunia akademik.

Penghargaan juga diberikan kepada para penyarah, penyelia dan kakitangan atas dedikasi mereka dalam membimbing dan memberi inspirasi kepada pelajar sehingga menjayakan acara tersebut.

Tetamu kehormat kemudian merasmikan UTB TechExpo 40, diikuti dengan tayangan persembahan multimedia.

Sebagai sebahagian daripada sambutan UTB TechExpo 40, satu majlis khas penyampaian Anugerah Harta Intelek (IP) turut diadakan bagi mengiktiraf pencapaian cemerlang dan sumbangan inovatif sembilan penyelidik dan pencipta UTB, yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Anugerah tersebut menghargai individu yang berjaya memperoleh pendaftaran harta intelek dalam bidang seperti hak cipta, rahsia perdagangan dan paten reka bentuk industri.

Antara inovasi yang diiktiraf termasuk kemajuan dalam Kecerdasan Buatan, pengurusan

air pintar, inovasi makanan lestari, alat pembelajaran psikomotor, teknologi penderiaan jauh dan aplikasi pembelajaran pengukuhan (*reinforcement learning*).

Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen berterusan UTB dalam memupuk budaya kecemerlangan penyelidikan, kreativiti dan inovasi yang menyumbang kepada pembangunan negara dan kemajuan teknologi.

Acara tersebut diakhiri dengan lawatan ke pameran TechExpo 40.

Antara fakulti dan sekolah yang mengambil bahagian terdiri Fakulti Kejuruteraan mempamerkan jumlah projek tertinggi dengan 132 pameran, diikuti UTB School of Business dengan 86 projek dan SCI dengan 78 projek.

School of Applied Sciences and Mathematics menentang 41 projek, manakala School of Design mempamerkan 29 projek.

Selain itu, Centre for Communication, Teaching and Learning turut mempamerkan tiga projek.

Orang ramai dijemput untuk mengundi Projek Terbaik sepanjang tempoh pameran, dengan para pemenang akan diumumkan semasa majlis Excellence Awards (MAC).



TADBIR URUS KUKUH KUNCI KETAHANAN ORGANISASI



Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mei. - Dengan tema 'Governance in Crisis : Risk, Reputation and Board Accountability', Corporate Governance Forum yang dianjurkan oleh Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) antara lain membincangkan cabaran yang semakin meningkat yang dihadapi oleh lembaga pengarah dan pemimpin kanan dalam membuat keputusan secara

berkesan ketika berdepan krisis. Program ini direka untuk memperkukuh pemahaman mengenai evolusi risiko dan pengurusan krisis dalam persekitaran perniagaan masa kini, di mana ancaman siber, pelanggaran etika, kegagalan audit serta isu berkaitan reputasi boleh berlaku dengan pantas dan memberi kesan yang meluas.

Forum tahun ini dikendalikan bersama Institute of Singapore Chartered Accountants (ISCA) Singapore sebagai Rakan Kongsi Pendidikan dan diadakan di Radisson Hotel, Bandar Seri Begawan. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Dayang Hajah Noorrafidah binti Sulaiman.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif BILIF, Awang Afero Eswandy Mohamad, yang antara lain menyatakan bahawa tadbir urus yang baik tidak diuji semasa situasi stabil, tetapi semasa menghadapi kesukaran.

Beliau turut menegaskan bahawa tadbir urus yang kukuh membantu organisasi untuk kekal tenang, membuat keputusan dan bertindak dengan berkesan dan jelas pada saat-saat kritikal.

Sementara itu, Dayang Hajah Noorrafidah dalam ucapannya menekankan bahawa tadbir urus kini melangkaui pematuhan peraturan dan memainkan peranan penting dalam kedayatahan organisasi, kepimpinan strategik serta mengekalkan kepercayaan pihak berkepentingan ketika krisis.

Beliau menggariskan keperluan untuk lembaga pengarah dan pemimpin kanan untuk kekal tangkas, bertanggungjawab dan berpandangan ke hadapan dalam menangani risiko baharu seperti keselamatan siber, Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence), ketidakpastian geopolitik dan risiko reputasi.

Sesi sebelah pagi menampilkan pembentangan bertajuk 'Lessons from 2025 : When Corporate Governance Failed' yang disampaikan oleh Profesor (Practice) Perakaunan, National University of Singapore (NUS), Mak Yuen Teen.

Acara diikuti dengan sesi panel 'Corporate Governance Breakdowns – Audit, Control and Accountability' disampaikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Group Treasurer and Institutional Banking, Baiduri Bank Berhad, Pengiran Azaleen bin Pengiran Dato Haji Mustapha; mantan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Securities Commission Malaysia (SC), Dato' Dr. Nik Ramlah Nik Mohmood dan Profesor Mak Yuen Teen sebagai ahli panel.

Sesi tersebut dikendalikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Urusan, Pengawalseliaan dan Penyeliaan 1, BDCB, Dayang Hajah Nuralia binti Haji Abdul Rahim.



PEMANGKU Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank, Dayang Hajah Noorrafidah binti Sulaiman hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri), manakala gambar atas dan bawah kiri, sekitar forum berkenaan.

Sesi petang pula menampilkan dua pembentangan, yang pertama bertajuk 'Delivering Sustainability : Board Decision That Drives Outcomes' disampaikan oleh Josette Soh, Rakan kongsi di Deloitte Southeast Asia Sustainability & Climate Advisory & Assurance dan ahli ISCA Sustainability Reporting Standards SubCommittee.

Pembentangan kedua, bertajuk 'Data Privacy Protection : What It Means for Brunei Board', pula disampaikan oleh Pengurus Dasar PDP, Authority of Infocommunications Technology Industry for Brunei Darussalam (AITI), Dayang Farah Atiyah binti Haji Zainal Abidin.

Program diikuti dengan sesi panel bertajuk 'Governance Under Pressure : Reputation, Cyber and Ethics' dengan Penolong Ketua Eksekutif, Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI), Awang Norshahrul Nizam bin Othman, dan Pengurus Kanan Pelaburan, Darussalam Assets Sdn. Bhd., Dayangku Dewi Sarwani binti Pengiran Haji Sarpuddin, sebagai ahli panel.

Sesi dikendalikan oleh Profesor UBD School of Business and Economics (UBDSBE) Universiti Brunei Darussalam, Dr. Awang Haji Mohd. Nabil Almunawar. Program diakhiri dengan sesi dialog bertajuk 'Path Towards Directorship' yang dikendalikan oleh Ketua Perkembangan Profesional, BILIF, Dayang Ida Nazrena binti Haji Bujang.

Ahli-ahli panel terdiri daripada Ketua Pegawai Sumber Manusia, Jerudong Park Medical Centre (JPMC), Awang Mohammad Salehin bin Haji Basir dan Ketua Pegawai Operasi, ISCA Academy, Zoey Xie.

BILIF, sebagai sebuah pusat kecemerlangan bagi industri kewangan di negara ini, sentiasa giat menjalankan misinya untuk membentuk pemimpin, pakar dan pemacu inovasi masa depan terutama dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan melalui program dan acara bertaraf antarabangsa. Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati melalui laman sesawang BILIF di www.bilif.com.bn atau akaun Instagram @BILIF.bn.



Syarikat dibenarkan kendali khidmat umrah

BIL	NAMA SYARIKAT	TEMPOH KEBENARAN	PAKEJ HAJI	PAKEJ UMRAH		
				VISA UMRAH	VISA PELANCONG ARAB SAUDI	
1	DARUSSALAM SERVICES SDN. BHD.	3 TAHUN	✓	✓	✓	
2	STRAITS CENTRAL AGENCIES (B) SDN. BHD.		✓	✓	✓	
3	CONTINENTAL YACHTING SDN. BHD.		✓	✓	✓	
4	RAUDAH AL-AMIN SDN. BHD.		✓	✓	✓	
5	TITIAN TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		1446H	✓	✓	✓
6	AT-TAQWA TRAVEL TOURS SDN. BHD.		HJRAH	✓	✓	✓
7	DAR EL EHSAN TRAVEL SDN. BHD.		HINGGA	✓	✓	✓
8	AL-HIJRAH TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		1448H	✓	✓	✓
9	BALURIH TRAVEL SDN. BHD.			✓	✓	✓
10	AS-SAFA TRAVEL & TOURS SDN. BHD.			✓	✓	✓

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mei. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji (JUH) sukacita memaklumkan bahawa sebuah lagi agensi pelancongan telah diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi Tahun 2026 Masihi, iaitu Al-Mateen Travel and Tours Sdn. Bhd.

Dengan kebenaran yang diberikan tersebut, jumlah agensi pelancongan yang dibenarkan untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi Tahun 2026M kini meningkat kepada 36 agensi pelancongan.

Agensi-agensi berkenaan adalah Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB), Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. (SCA),

Continental Yachting Sdn. Bhd., Raudah Al-Amin Sdn. Bhd. (RAA), Titian Travel & Tours Sdn. Bhd., At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd., Dar El-Ehsan Travel & Tours Sdn. Bhd. (DEE), Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd. (AHTTSB) dan Balurih Travel Sdn. Bhd.

Seterusnya, As-Safa Travel & Tours Sdn. Bhd., Al-Abraj Travel & Tours Sdn. Bhd., Al-Hajjat Travel & Travels Agency Sdn. Bhd., Al-Hambra Travel & Tours Sdn. Bhd., Al-Haramain Bil Iman Travel & Tours Sdn. Bhd., Al Kheira Travel and Tours Sdn. Bhd., Al-Miqat Travel & Tours Sdn. Bhd., Al Qobul Travel & Tours Sdn. Bhd., An-Nur Al-Khayr Travel & Tours Sdn. Bhd. dan AZ Back to Nature Travel and Tours Sdn. Bhd.

Kemudian, Az-Zain Travel & Tours Sdn. Bhd., Darul Rahman Travel Sdn. Bhd., El-Abqari Travel

and Tours Sdn. Bhd., Firdaus Al-Munawwarah Travel Services Sdn. Bhd., Ghufuran Travel and Tours Sdn. Bhd., Hafiz Bru Travel and Tours Sdn. Bhd., Hayya Travel and Tours Sdn. Bhd., Humaira Travel Centre (Borneo) Sdn. Bhd. dan Humzaik Travel and Tours Sdn. Bhd.

Syarikat yang diberikan kebenaran termasuk Hurriyah Travel Services Sdn. Bhd., Ikhlas Global Tours Sdn. Bhd., Lamisa International Tours and Travels Sdn. Bhd., Maduli Travel Agency, PGGMB Travel Service Sdn. Bhd., Simply Umrah (B) Travel and Tours Sdn. Bhd., Al-Khaif Travel and Tours Sdn. Bhd. dan Al-Mateen Travel and Tours Sdn. Bhd.

Sehubungan itu, orang ramai yang berhasrat untuk menunaikan ibadat umrah adalah disarankan agar membuat urusan serta berhubung terus dengan agensi-agensi pelancongan yang telah diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan berkenaan.

Dalam masa yang sama, JUH, KHEU ingin mengingatkan agensi-agensi pelancongan yang tidak mempunyai kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Haji dan Pakej Umrah (Visa Umrah dan Visa Pelancong Arab Saudi) adalah tidak dibenarkan untuk mengendalikan Pakej Umrah termasuk membuat sebarang iklan atau tawaran berkaitan dengannya.

Maklumat mengenai senarai

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BIL	NAMA SYARIKAT	TEMPOH KEBENARAN	PAKEJ HAJI	PAKEJ UMRAH	
				VISA UMRAH	VISA PELANCONG ARAB SAUDI
11	AL-ABRAJ TRAVEL & TOURS SDN. BHD.	1 TAHUN	✗	✗	✓
12	AL-HAJAT TOURS & TRAVELS AGENCY SDN. BHD.		✗	✗	✓
13	AL-HAMBRA TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
14	AL-HARAMAIN BIL IMAN TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
15	AL KHEIRA TRAVEL AND TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
16	AL-MIQAT TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
17	AL QOBUL TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
18	AN-NUR AL-KHAYR TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
19	AZ BACK TO NATURE TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
20	AZ-ZAIN TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
21	DARUL RAHMAN TRAVEL SDN. BHD.	2026M	✗	✗	✓
22	EL-ABQARI TRAVEL SERVICES SDN. BHD.		✗	✗	✓

BIL	NAMA SYARIKAT	TEMPOH KEBENARAN	PAKEJ HAJI	PAKEJ UMRAH		
				VISA UMRAH	VISA PELANCONG ARAB SAUDI	
23	FIRDAUS AL-MUNAWWARAH TRAVEL SERVICES SDN. BHD.	1 TAHUN	✗	✗	✓	
24	GHUFRAN TRAVEL AND TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓	
25	HAFIZ BRU TRAVEL AND TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓	
26	HAYYA TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓	
27	HUMAIRA TRAVEL CENTRE (BORNEO) SDN. BHD.		✗	✗	✓	
28	HUMZAIK TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓	
29	HURRIYAH TRAVEL SERVICES SDN. BHD.		✗	✗	✓	
30	IKHLAS GLOBAL TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓	
31	LAMISA INTERNATIONAL TOURS & TRAVELS SDN. BHD.		2026M	✗	✗	✓
32	MADULI TRAVEL AGENCY SDN. BHD.			✗	✗	✓
33	PGGMB TRAVEL SERVICES SDN. BHD.	✗		✗	✓	
34	SIMPLY UMRAH (B) TRAVEL & TOURS SDN. BHD.	✗		✗	✓	
35	AL-KHAIF TRAVEL & TOURS SDN BHD	✗		✗	✓	
36	AL-MATEEN TRAVEL & TOURS SDN BHD	✗		✗	✓	

terkini agensi-agensi pelancongan yang dibenarkan untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Haji dan Pakej Umrah (Visa Umrah dan Visa Pelancong Arab Saudi) bolehlah disemak melalui laman sesawang rasmi

KHEU, www.mora.gov.bn atau Instagram [KHEU.Brunei](https://www.instagram.com/KHEU.Brunei) atau menghubungi JUH melalui talian +673 2384478 atau e-mel juh.kheu@mora.gov.bn bagi mendapatkan maklumat lanjut.



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Bilangan Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2026 / 1505

Tajuk Sebut Harga:
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect Muscat, Oman

Bilangan Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2026 / 1605

Tajuk Sebut Harga:
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect Amman, Jordan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
27 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



PUSAT LATIHAN KESENIAN DAN PERTUKANGAN TANGAN BRUNEI

Sebut Harga Bagi Membekalkan Barang Keperluan Pusat Latihan Kesenian Dan Pertukangan Tangan Brunei

Bilangan Rujukan Sebut Harga :
25 / PLKPTB / 34 / 2026 / 1
Membekalkan Kain Cotton Watermark (Motif Bunga Putar)

Nama Barang :
Kain Cotton Watermark (Motif Bunga Putar)

Jumlah Kain Yang Dipohonkan :
200 Meter

Tarikh Penutupan Sebut Harga:
Selasa,
Jam 2.00 Petang,
23 Jun 2026



JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran
JDT / UTS / HK-80 / 2026 / 12

Tajuk Tawaran
Jamuan Bagi Penuntut-Penuntut Sekolah Yang Menyertai Acara Pengibaran Bendera Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80 Tahun 2026

Yuran Tawaran
BND5.00

Tarikh Tutup :
Isnin,
15 Jun 2026



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan dan Nama Dokumen Sebut Harga:
06 / DBP / SH / 2026-2027
Jamuan Pesta Buku Brunei 2026

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Nama Dokumen Sebut Harga:
07 / DBP / SH / 2026-2027
Jamuan Sambutan Bulan Bahasa 2026

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa,
2 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
(24) INFO / PK / K / 7 (2026-2027)
Membekalkan Perkhidmatan Pembekalan Jamuan Secara Berkontrak Selama Satu (1) Tahun

Yuran :
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Khamis,
28 Mei 2026,
Jam 8.00 Pagi



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SAT,SUPMMB / 2026 - 2027
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping)
Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Arab Temburong Dan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammed Bolkihah

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUBT / 2026 - 2027
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Bokok, Temburong

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
16 Zulhijah 1447H /
3 Jun 2026M
Jam 2.00 Petang



JABATAN AUDIT JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
AUD / BPK / UE / Q&T / 2026-2027 / 04

Keja-Kerja Membekal, Membuka Dan Memasang Cermin Di Dalam Tandas Laki-Laki Dan Perempuan (Dalam Bilik Besar) Dari Tingkat 1 Hingga Tingkat 6 Blok 'B' Dan Tingkat 1 Blok 'C' Dan Belakang Kantin Di Jabatan Audit, Bangunan Bahirah, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Keterangan Tawaran:

- To replace the existing toilet mirror including remove the existing damaged mirror and disposed off site;-
 - Overall size : 1,820mm(L) x 1,000mm(H) – Male toilet (level 1- 6, Block B anda toilet behind canteen)
 - Overall size : 3,045mm(L) x 1,000mm(H) – Female toilet (level 1- 6, Block B anda toilet behind canteen)
- To supply and install new toilet mirror c/w aluminium framing, overall size:-
 - Overall size :- 630mm(L) x 800mm(H) Male toilet (level 1- 6, Block B anda toilet behind canteen)

Jumlah :
7 pcs

Jumlah :
7 pcs

Jumlah :
7 pcs

Jumlah :
7 pcs



Bilangan Sebut Harga :
9 / MEI / KKBS / BKBN / 1.40 / 26

Tajuk Sebut Harga:
Perkhidmatan Penyewaan Alat Perhubungan (Walkie Talkie) Bagi Penggunaan Program Projek Rintis Program Khidmat Bakti Negara Bagi Tempoh Enam (6) Bulan Di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara, Batu Apoi, Temburong

Tarikh Tutup :
Khamis,
28 Mei 2026



Jumlah :
18 pcs

b. Overall size :- 630mm(L) x 800mm(H) Female toilet (level 1- 6, Block B and a toilet behind canteen)

Jumlah :
18 pcs

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
2 Jun 2026
Jam 2.00
Petang



JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0008 / 2026
Supply And Delivery Of Laboratory Consumables For Aquatic Animal Health And Laboratory Services Centre, Department Of Fisheries

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0009 / 2026
Supply And Delivery Of Polymerase Chain Reaction Test Kits For Detection And Quantification Of Shrimp Viruses

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0008 / 2026
Supply And Delivery Of Lab Chemicals And Media For Aquatic Animal Health And Laboratory Services Centre Diagnostic Test

Yuran Sebut Harga (Setiap Satu Tajuk) :
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
11 Jun 2026
Jam 2.00 Petang




**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Perintah Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah
Syariah 2005

Saman Gantian
Dalam Mahkamah
Rendah Syariah
Di Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam

Saman No. :
BM / MRS / MAL-A / P012A /
0950 / 12-2025

Kes Induk :
BM / MRS / MAL-B / P002A /
0949 / 12-2025

Antara

Siti Naqiah binti
Muhammad Sam'oun
- Plaintiff / Pemohon

Dan

Muhammad Sam'oun bin
Abdullah @Samniang Sakserm
- Defendan / Responden

Kepada : Muhammad Sam'oun
bin Abdullah @Samniang
Sakserm - No. Kad Pintar :
R 053457, [Thailand],
Beralamat

[Alamat Terakhir]:-
162/2, Naphu Udon,
Thailand

Kamu adalah dengan ini
disaman supaya hadir secara
sendiri atau melalui Peguam
Syarie kamu di hadapan
**Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara**
pada Rabu,
16 Zulhijah 1447H bersamaan /
3 Jun 2026M
pada jam 9.00 Pagi untuk
menjawab tuntutan terhadap
kamu oleh plaintiff yang
dinamakan di atas,
bagi **Wali Hakim kerana Wali
Tidak Dapat Dikesan.**

Sila ambil perhatian bahawa jika
kamu ingkar hadir di mahkamah
pada hari dan masa yang
ditetapkan, Mahkamah boleh
meneruskan untuk mendengarkan
dan memutuskan kes tanpa
kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa
jika kamu ingin membela diri
terhadap tuntutan tersebut,
kamu hendaklah memfailkan di
Mahkamah ini dan menyampaikan
kepada Plaintiff suatu pembelaan
dalam Borang yang ditetapkan
sebelum tarikh yang disebut di


**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Tawaran Bilangan :
JDBM / QSTOR / 002 / 2026
Tawaran Sebut Harga Bagi
Membekalkan Alat-Alat Tulis
Selama Satu Tahun
Bagi Jabatan Daerah Brunei dan
Muara Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup :
Selasa,
9 Jun 2026



atas atau hadir di Mahkamah
pada tarikh itu.

Bertarikh :
19 Syawal 1447H /
8 April 2026M

**Meterai
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam**


**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

01 / BBS / SH / BKA /
2026 - 2027

Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan
Bangunan Banglo Rumah
Persinggahan Kerajaan,
Jalan Maulana, Kuala Belait

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong yang
berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam

Kelas :
I dan II

Kategori :
KA01 dan B01

02 / BBS / SH / BKA /
2026 - 2027

Kerja-Kerja Pengubahsuaian
Pada Ruang Bilik Dalam Pejabat
Kaunter Perkhidmatan Di Tingkat
Bawah, Bangunan Utama Jabatan
Bandaran Kuala Belait dan Seria,
Jalan Mckerron, Kuala Belait

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong yang
berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam

Kelas :
I dan II

Kategori :
KA01 dan B01

03 / BBS / SH / BKA /
2026 - 2027

Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan
Tandas Awam Pentas Taman
Persiaran Jalan Sungai,
Kuala Belait

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong yang
berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam

Kelas :
I dan II

Kategori :
KA01 dan B01

**Yuran Tawaran
BND5.00
(Tidak dikembalikan)**

Tarikh Tutup:
Selasa,
26 Mei 2026


KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran :**

(36) PSD / QTN / 2026 –
(PHARM)

Subscription To Medicine
Information Database For
Department Of Pharmaceutical
Services

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran :**

(09) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS /
2026 / OT

Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Of
Tabletop Sterilizer, For Operating
Theatre, RIPAS Hospital

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00



**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran :**

(37) PSD / QTN / 2026 / ESTET –
(RIPASH)

Supply, Fabrication And
Installation Of Aluminium
Assembly Point Signage At Raja
Isteri Pengiran Anak Saleha
Hospital

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran :**

BME / A2K / (1654) / 2026 / HTD
(B8)

To Repair And Supply Spare Parts
For Two (2) Units Of Electric Bed,
Brand: Hillrom, Model: HR-405 At
Ward 31 WCC RIPAS Hospital

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran :**

322 / CPC / 2026 / IKLAN /
HEALTH

Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning One
(1) Unit Of Spirometer Machine
For Occupational Health Division,
Department Of Environmental

Health Services,
Ministry Of Health

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran :**

PPM / PROC / 2026 /
<50K/025(MIC) - IKN

To Supply And Deliver Gram Stain
Reagents For National Clinical
Microbiology Reference
Laboratory, Department Of
Laboratory Services,
Ministry Of Health For A Period Of
Five (5) Years Usage (Clustering)

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran :**

DSS / AQ / PROC / B50K /
2026-2027 / 007 (ADM)

To Supply And Deliver Purified
Helium For Department Of
Scientific Services,
Ministry Of Health

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran :**

(38) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

To Supply And Deliver Of Waiting
Chair For Suri Seri Begawan
(SSB) Hospital, Ministry Of Health

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran :**

(39) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
To Supply And Deliver Of 23g
Anterior Vitrectomy For Eye Clinic,
Suri Seri Begawan (SSB)
Hospital, Ministry Of Health

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran :**

BME / A2K / (1656) / 2026 / HTD
(A12)

The Provision Of Maintenance
Services For Primedic
Defibrillators In Ministry Of
Health For One (1) Year

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran :**

(40) PSD / QTN / 2026 –
(ESTETMOH)

To Carried Out Urgent Works For
Airconditioning System And Pump
At Clinical Molecular Diagnostics
Laboratory For Infectious
Diseases (CMDLID),
Ministry Of Health

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran :**

(41) PSD / QTN / 2026 –
(PHARM)

Request To Purchase 7 Units Of
Controlled Drug (CD) Cabinet For
Health Centres Pharmacy

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran :**

(42) PSD / QTN / 2026 – (JDP)
Pembekalan Perisian Adobe
Creative Cloud All Apps
Subscription Plan (Renewal
License) Bagi Tempoh 1 Tahun

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran :**

(43) PSD / QTN / 2026 – (JDP)
Bekalan Dan Penghantaran
(Supply And Delivery) Pembelian
Kerusi Pejabat Untuk Bilik
Mesyuarat Jabatan Dasar Dan
Perancangan

**Bayaran
Yuran Tawaran :**
BND5.00

**Tarikh
Tutup Tawaran :**

Sabtu
23 Mei 2026



**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / SH / NASI BERPEK / K / 01 / 2026**

Menyediakan Nasi Berpek (Ayam / Daging dan Sayur) Atau Mee Dan Ayam Goreng Berserta Air Minuman Botol Kecil Bagi Latihan dan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / SH / KUEH BUFFET / K / 02 / 2026**

Menyediakan / Membekalkan 3 Jenis Kuih Berserta 1 Botol Kecil Air Putih dan 1 Kotak Minuman Manis Secara Bufet Semasa Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei Muara (Bagi Penuntut Pengibar Bendera dan Hadrah (Served)) - 3,500 Orang

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / SH / BUFFET / K / 03 / 2026**

Menyediakan / Membekalkan Jamuan Berserta Minuman Panas / Minuman Botol Semasa Latihan dan Semasa Persiapan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara. (Bagi Petugas-petugas dan Ahli-ahli Jawatankuasa dan Penuntut-penuntut Latihan)

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / SH / BUFFET / K / 04 / 2026**

Menyediakan / Membekalkan Jamuan Secara Dome Berserta Minuman Panas Dan Air Mineral Semasa Latihan dan Semasa Persiapan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara (Bagi Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi)

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / SH / BUFFET / K / 05 / 2026**

Membekalkan Dan Menyediakan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara, Bandar Seri Begawan - Bertempat Di Bangunan Sekretariat Jabatan Perdana Menteri, (Minuman Pagi (Refreshment) Bagi VVIP - 130 Orang)

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / SH / BUFFET / K / 06 / 2026**

Membekalkan dan Menyediakan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat

dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara, Bandar Seri Begawan - Dewan An-Naura Kompleks, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Santap Tengah Hari (Lunch) Untuk VVIP Bagi Meja Utama (Served)) - 36 Orang

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / SH / BUFFET / K / 07 / 2026**

Membekalkan dan Menyediakan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara, Bandar Seri Begawan - Dewan An-Naura Kompleks, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Santap Tengah Hari (Lunch) Untuk VIP dan Jemputan Khas Bahagian 'A' (Served)) - 300 Orang

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / SH / BUFFET / K / 08 / 2026**

Membekalkan dan Menyediakan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara, Bandar Seri Begawan - Dewan An-Naura Kompleks, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Santap Tengah Hari (Lunch) Untuk VIP dan Jemputan Khas Bahagian 'B' (Served)) - 300 Orang

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / SH / BUFFET / K / 09 / 2026**

Membekalkan dan Menyediakan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara, Bandar Seri Begawan - Dewan An-Naura Kompleks, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah - Untuk Para Jemputan (Dome Services) - 1,000 Orang

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / SH / BUFFET / K / 10 / 2026**

Membekalkan dan Menyediakan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara (Ketua-ketua Jabatan, Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung Serta Ahli Jawatankuasa Tertinggi - 5,500 Orang)

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / SH / BUFFET / K / 11 / 2026**

Membekalkan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara - (Ahli Jawatankuasa, Urus Setia, Pegawai Serta Kakitangan Keselamatan, Media Masa Serta Pemandu-pemandu) - 600 Orang



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Tawaran Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwai
Dalam Negeri**

Bilangan Sebut Harga :
JDB / 5.1 / JAMUAN MEJA
UTAMA / F / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Tawaran Menyediakan Santapan Pagi Untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Berserta Kerabat Diraja Seramai 7 Orang Dan Jamuan Tengah Hari Untuk Meja Utama Seramai 49 Orang Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli Dan Ramah Mesra Dengan Rakyat Dan Penduduk Daerah Belait Tahun 2026

Bilangan Sebut Harga :
JDB / 5.2 / JAMUAN VIP / F / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Tawaran Menyediakan Santapan Pagi Untuk VIP Seramai 60 Orang Di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Belait Dan Jamuan Tengah Hari Untuk VIP Seramai 356 Orang Di Dewan Santap Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli Dan Ramah Mesra Dengan Rakyat Dan Penduduk Daerah Belait Tahun 2026

Bilangan Sebut Harga :
JDB / 5.3 / KEK PUJA USIA / F / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Tawaran Menyediakan Kek Puja Usia Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli Dan Ramah Mesra Dengan Rakyat Dan Penduduk Daerah Belait Tahun 2026

Bilangan Sebut Harga :
JDB / 5.4 / MAKANAN SECARA
BERPEK / F / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Tawaran Menyediakan Makanan Secara Bungkusan (Berpek) Berserta Air Mineral Botol Kecil Bagi Acara Latihan Dan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli Dan Ramah Mesra Dengan Rakyat

Tarikh Tutup :
Selasa,
26 Mei 2026



Dan Penduduk Daerah Belait
Tahun 2026

Bilangan Sebut Harga :
JDB / 5.5 / MAKANAN SECARA
BUFFET / F / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Tawaran Menyediakan Makanan Secara Bufet Bagi Acara Latihan Dan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli Dan Ramah Mesra Dengan Rakyat Dan Penduduk Daerah Belait Tahun 2026

Bilangan Sebut Harga :
JDB / 5.6 / AIR MINERAL / F / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Tawaran Membekalkan Air Mineral Botol Kecil Bagi Acara Latihan Dan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli Dan Ramah Mesra Dengan Rakyat Dan Penduduk Daerah Belait Tahun 2026

Bilangan Sebut Harga :
JDB / 5.7 / JAMUAN JEMPUTAN
LUAR SANTAP / F / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Tawaran Menyediakan Jamuan Tengah Hari Untuk Jemputan Seramai 250 Orang Di Luar Dewan Santap Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli Dan Ramah Mesra Dengan Rakyat Dan Penduduk Daerah Belait Tahun 2026

Bilangan Sebut Harga :
JDB / 5.8 / MBP (BERPEK) DAN
MBF (BUFFET) / F / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Tawaran Menyediakan Makanan Secara Bungkusan (Berpek) Dan Secara Bufet Bagi Acara Persembahan Pentas Malam Perayaan Dan Acara Sampingan Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80 Bagi Daerah Belait Tahun 2026

Yuran Tawaran:
BND 5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
26 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran:**
29 April 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa
19 Mei 2026
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
26 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 20 / 2026

Nama Projek:
Pengurusan Berintegrasi bagi
Kerja-Kerja Pemeliharaan Rutin
Dan Perabot Keselamatan
Jalan Raya Di Lebuhraya
Tutong - Belait.

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen :
Tidak Ada



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan dan
Tajuk Tawaran:**
JKP / LTK / 2026-2027 / 06
To Supply And Deliver
One (1) Unit Brand New
Multipurpose Vehicle For
Tourism Development
Department

Tarikh Tutup Tawaran:
Sabtu,
9 Jun 2026,
Jam 2.00 Petang





**INSTITUT PENDIDIKAN
TEKNIKAL BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Iklan Jawatan-Jawatan Kosong
Dalam Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam**

**Pengiklanan Jawatan Menurut
Peraturan 7 (A) Gaji Hari**

**Iklan Adalah Dibukakan Kepada
Orang Ramai**

**Pegawai Pendidikan (PG.3)
Institut Pendidikan
Teknikal Brunei
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Iklan:
11 Mei 2026**

**Tarikh Tutup Permohonan:
25 Mei 2026**

**Bilangan Iklan:
2026 / TP / II / PP**

**Sebarang pertanyaan boleh
dikemukakan kepada Institut
Pendidikan Teknikal Brunei
seperti berikut:**

**Bahagian :
Unit Pengambilan,
Bahagian Sumber Manusia**

Alamat :
Kaunter Human Resource &
Administration,
Tingkat I,
Bahagian Sumber Manusia,
Ibu Pejabat IBTE

**E-mel :
recruitment@ibte.edu.bn**

**No Tel :
+673 2425555**

Permohonan adalah
secara online di
laman sesawang:
<https://recruitment.ibte.edu.bn>



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga :**

RTB / K / 16 / 26-27
Unit Realiti TV: Perkhidmatan
Penggambaran Dan Pos Produksi
(Penyuntingan) Rancangan TV
(13 Episode X 60 Minit)

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga :**

RTB / K / 17 / 26-27
Perkhidmatan Penggambaran
Dan Penyuntingan Drama Bersiri
(13 EP X 30 Min) Dan Episod
Aidilfitri (1 EP X 60 Min),
Unit Drama TV)

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga :**

RTB / K / 18 / 26-27
Perkhidmatan Penggambaran
Dan Penyuntingan Dua (2)
Drama Ramadan Bersiri Dan
Hari Raya Aidilfitri 2027,
Unit Drama TV

Bayaran Yuran :

BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :

BND5.00
(Jika perlu dan tidak
dikembalikan) (Hardcopy)

Tarikh Tutup :

Rabu,
27 Mei 2026,
jam 2.00 Petang



**JABATAN PERTANIAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

JPt / SH / 14 / 2026-2027

To Supply And Deliver Of General
Pest Control Services For
Veterinary Laboratory Services
For 12 Months

JPt / SH / 15 / 2026-2027

Relocation Of Existing USTNT
Laboratory Equipments To New
Laboratory In Brunei Agricultural
Research Centre,
Kilanas

JPt / SH / 16 / 2026-2027

Perkhidmatan Analisa Mikrobiologi
Dan Kimia Bagi Produk Makanan
Di Bawah Program Pemantauan
Produk Agrimakanan
(Keselamatan Makanan)

JPt / SH17 / 2026-2027

Flood Simulation Research At
KKP Tungku A

JPt / SH / 18 / 2026-2027

Kerja-Kerja Mengganti Cold
Storage Unit 1 Di Stor Pusat
Pertanian Mulaut Jabatan
Pertanian Dan Agrimakanan

Yuran Sebut Harga:

BND7.00

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**

Khamis
4 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**

**Bilangan dan
Tajuk Tawaran:**

UBD / E8 / 001 / 2026 – (T)
Renovation Works For
Inspiring Hub And Innovate Lab,
Universiti Brunei Darussalam

Kelas:

II dan Keatas

Kategori:

B01 & E01

Yuran Tawaran:

BND35.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup :

Selasa
26 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



**PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Dan
Tajuk Tawaran:**

PPN / 12 / 3 / HR / 2026 / 4 / 1
Consultancy Service To Develop
Attorney General's Chambers
(AGC) Strategic Plan

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa
26 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan
Sebut Harga:
09 / JMM / S / 12 / 91
(2026 / 2027)**

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract (36 Months) For
Grass Cutting & Upkeeping Works
At Muzium Daerah Belait, Kuala
Belait, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**

Khamis
4 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**Bilangan
Sebut Harga:
10 / JMM / S / 12 / 91
(2026 / 2027)**

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Projek Term
Contract (24 Months) For
Maintenance Of Lift At Muzium
Brunei Kota Batu,
Jabatan Muzium-Muzium,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Khamis
4 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
JKP / LTK / 2025 – 2026 / 14 (R)

Tajuk Sebut Harga:
Provision Of Managed Services
For The Operations Of Brunei
Tourism Information Centres

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**

Selasa,
26 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
1.1 / BBS / SH / BPL / 2026-2027
Supply And Delivery Of
Cleaning Materials

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
2.1 / BBS / SH / BPL / 2026-2027
Supply And Delivery Of Hardware
Items For Jabatan Bandaran
Kuala Belait And Seria

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa
26 Mei 2026





**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
05 / BBS / BPPK / 2026 - 2027
Chopping, Uprooting,
Site Cleaning And Disposal
Of Trees In Kuala Belait And
Seria Municipal Area

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
06 / BBS / BPPK / 2026 - 2027
Trees Trimming In
Kuala Belait
Municipal Areas

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa
26 Mei 2026



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 14 / 26 - 27
Pembekalan Medal dan
Lanyard Untuk Sukan
RTB 2026

Bayaran Yuran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :
BND5.00
(jika perlu dan
tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup :
Rabu,
27 Mei 2026,
jam 2.00 Petang



**JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong
Yang Berdaftar Di Negara
Brunei Darussalam**

Bilangan :
02 / 2026 / 2027

Tajuk Tawaran :
Pembekalan Dan Penghantaran
Toner Dan Ink Cartridge Bagi
Tempoh Satu (01) Tahun Secara
Berkontrak Bagi Jabatan
Perancang Bandar dan Desa
Tahun Kewangan 2026 / 2027

Bilangan :
03 / 2026 / 2027

Tajuk Tawaran :
Pembekalan Dan Penghantaran
Alat Tulis Bagi Tempoh Satu (01)
Tahun Secara Berkontrak Bagi
Jabatan Perancang Bandar dan
Desa Tahun Kewangan 2026 /
2027

**Tarikh Tutup dan
Tempat Penghantaran:**
Sabtu,
6 Jun 2026,
sebelum jam 2.00 Petang

**Yuran Tawaran
(E-Dokumen):**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)



**JABATAN BANDARAN TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JBT / S / 04 / 2026 - 2027
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja
'Supply, Installation And
Maintenance Of Decorative
Lightings' At Jalan Enche Awang
Pekan Tutong

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JBT / S / 05 / 2026 - 2027
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja
Membaiki Kerosakan Kecil Dan



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN
HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Dibukakan Kepada Pemborong -
Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Negara Brunei
Darussalam**

**Bilangan Tawaran Dan
Keterangan Projek :**
03 / BBS / SH / 2026 - 2027
Drainage Cleaning Works At
Jalan Maulana
(Opposite Dewan Santap),
Kuala Belait

**Bilangan Tawaran Dan
Keterangan Projek :**
04 / BBS / SH / 2026 - 2027
Complete Removal Of Four (4)
High Mast Lighting
Power Distribution And Control
Systems At Padang Bandaran,
Jalan Sultan, Kuala Belait

Kategori :
E01 - Electrical Wiring Installation
(04 / BBS / SH / 2026-2027)

Kelas :
Kelas 1
(04 / BBS / SH / 2026-2027)

Yuran Tawaran :
BND5.00
(Non Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 26 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



Mencat Baru Blok D (JKR 926) Di
Kompleks Pasarneka Dan Tamu
Tutong

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JBT / S / 06 / 2026 - 2027
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja
Membina Tempat Pejalan Kaki
Bagi Kegunaan Orang Kelainan
Upaya [OKU] Dan Orang Ramai
Di Kompleks Pasarneka Dan
Tamu Tutong

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JBT / S / 07 / 2026 - 2027
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja
Membaiki Kerosakan Kecil Dan
Mencat Baru Blok (JKR 923) Di
Kompleks Pasarneka Dan Tamu
Tutong

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 10 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

**MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN**

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
1. Lengkapi Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. Lengkapi Kelulusan (Berpakaian / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Agg, gambar dan pengkhiran Pajis Kelulusan Pengkhiran Kelulusan PSCR) yang berkesan
4. Tandakan "U" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapi Maklumat (Jumlah / pengkhiran / Pengalaman Perkhidmatan Awam / latihan bahasa / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipertingkatkan di dalam skim iklan)

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PENGGAJAI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2026/MAY/04/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	01	7(A)	27 MEI 2026
2. PENGURUS SISTEM PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2026/MAY/01/KPI	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM	01	38(A)	27 MEI 2026
3. PEMERIKSA LUAR PERTANIAN JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN D.1-2 EB.3-4 (BAHAGIAN IV) 2026/MAY/01/KSSUP	KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	01	7(A)	01 JUN 2026
4. MEKANIK TINGKAT KEMENTERIAN KESIHATAN E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2026/MAY/01/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	03	7(A)	01 JUN 2026
5. PENOLONG PEGAWAI SUMBER MANUSIA JABATAN PERDANA MENTERI C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2026/MAY/04/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	03 JUN 2026

PERATURAN 7(A) LUAR BIDANG KUASA:

Dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. IMAM TINGKAT II JABATAN HAL EHWAL MASJID KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2026/MAY/05/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	7(A) LUAR BIDANG	30 MEI 2026
2. BILAL TINGKAT I JABATAN HAL EHWAL MASJID KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA D.3-4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2026/MAY/06/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	7(A) LUAR BIDANG	30 MEI 2026

SEBARANG PERTANYAAN BOLEH DIKEMUKAKAN MELALUI:
EMEL: Recruitment@mora.gov.bn

- PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG"
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
 3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PASTIKAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN PREMIS TERJAGA

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mei. - Kementerian Kesihatan mengambil maklum mengenai kebimbangan orang ramai berikutan laporan antarabangsa mengenai jangkitan Hantavirus dan isu kebersihan hostel pelajar yang tular di media sosial baru-baru ini.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah segera dengan menjalankan pemeriksaan ke atas premis yang terlibat.

Dari hasil lawatan dan pemeriksaan tersebut, beberapa tindakan telah diambil termasuk memberi nasihat dan saranan penambahbaikan kepada pihak pengurusan premis bagi memastikan langkah-langkah kawalan dan kebersihan dilaksanakan dengan segera.

Kementerian Kesihatan ingin menekankan bahawa kebersihan persekitaran dan kawalan haiwan perosak merupakan tanggungjawab bersama pelbagai pihak termasuk pihak pengurusan premis, pemilik bangunan, pengendali perniagaan serta orang ramai.

Langkah pencegahan awal adalah amat penting bagi mengelakkan infestasi tikus dan haiwan perosak kerana risiko bagi kesihatan awam adalah serius.

Kehadiran tikus dan haiwan perosak bukan sahaja menjejaskan kebersihan persekitaran, malah boleh meningkatkan risiko penularan penyakit melalui pencemaran najis, air kencing atau persekitaran yang tercemar.

Orang ramai disarankan untuk sentiasa menjaga kebersihan premis dan persekitaran masing-masing dengan memastikan perkara-perkara berikut dilaksanakan iaitu Mengelakkan pengumpulan barang atau sisa yang boleh menjadi tempat persembunyian tikus; Menutup ruang atau lubang yang boleh menjadi laluan haiwan perosak; Memastikan makanan dan sampah disimpan serta dilupuskan dengan sempurna; dan Mendapatkan khidmat kawalan haiwan perosak sekiranya terdapat tanda-tanda infestasi tikus.

Selain itu, orang ramai juga

dinasihatkan supaya mengelakkan sentuhan langsung dengan tikus dan haiwan perosak termasuk najis atau air kencing haiwan tersebut.

Kawasan yang tercemar hendaklah dibersihkan menggunakan bahan disinfeksi yang bersesuaian.

Orang ramai adalah juga disarankan untuk terus berwaspada serta mengamalkan langkah-langkah kebersihan dan sanitasi yang baik sebagai sebahagian daripada usaha bersama dalam melindungi kesihatan awam dan kesejahteraan rakyat di Negara Brunei Darussalam.

Pihak Kementerian Kesihatan akan terus mempergiatkan pemantauan dan bekerjasama rapat dengan agensi-agensi yang berkaitan bagi memastikan tahap kebersihan dan pemantauan persekitaran secara berterusan dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Nasihat Kesihatan Kementerian Kesihatan di 148 atau layari laman sesawang rasmi Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn.

Risiko penularan virus Bundibugyo di NBD rendah

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mei. - Wilayah Ituri, Republik Demokratik Congo (DRC) kini dilanda wabak virus Bundibugyo (BVD), iaitu sejenis penyakit Ebola. Wabak ini juga telah dikesan di Uganda dan Kinshasa, RDC.

Setakat 16 Mei 2026, sebanyak 246 kes disyaki, 80 kematian dan lapan kes disahkan telah dilaporkan di beberapa kawasan terjejas di Wilayah Ituri.

Berikutan dengan itu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan wabak ini sebagai Public Health Emergency of International Concern (PHEIC) di bawah International Health Regulations (2005) pada 17 Mei 2026, iaitu keadaan belum diklasifikasikan sebagai kecemasan pandemik dan masih di tahap rendah.

Penilaian risiko penularan penyakit virus Bundibugyo (BVD) ke Negara Brunei Darussalam adalah di tahap rendah.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian Kesihatan menyarankan orang ramai dan para pelancong untuk mengelakkan perjalanan yang tidak penting ke kawasan terjejas di DRC dan Uganda; Mendapatkan rawatan perubatan segera sekiranya mengalami gejala dalam tempoh 21 hari selepas pulang dari kawasan terjejas; Memaklumkan sejarah perjalanan kepada petugas kesihatan; dan Terus mengamalkan kebersihan tangan seperti mencuci tangan dengan sabun dan air atau menggunakan pembersih tangan berasaskan alkohol.

Untuk maklumat orang ramai, gejala awal termasuk demam, sakit kepala yang teruk, keletihan, sakit otot, sakit tekak dan hilang selera makan.

Apabila penyakit semakin serius, pesakit boleh mengalami muntah, cirit-birit, ruam kulit, komplikasi pendarahan, kegagalan organ, dan dalam kes yang teruk, kematian.

Virus Bundibugyo berjangkit melalui kontak langsung dengan darah atau cecair badan individu atau haiwan yang dijangkiti.

Penyakit ini tidak merebak melalui udara dan hanya boleh menjangkiti orang lain selepas gejala mula timbul.

Pada ketika ini, belum ada vaksin atau rawatan khusus yang diluluskan bagi virus Bundibugyo, akan tetapi rawatan awal dan penjagaan sokongan boleh membantu meningkatkan peluang untuk sembuh.

Pada masa ini, tiada sekatan perjalanan dikenakan kepada orang awam selain meningkatkan langkah berjaga-jaga dan kesedaran di kalangan pelancong.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi semasa serta memberikan maklumat terkini kepada orang ramai apabila diperlukan. Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau aplikasi BruHealth.



NOTIS REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) TO DESIGN, BUILD, FINANCE, OPERATE AND MAINTAIN A LAYBY DEVELOPMENT ON GOVERNMENT LAND AT KG IKAS, MUKIM KERIAM

RUJUKAN: KPN / DIL / RFP (01/2026)

BAYARAN YURAN TAWARAN / PEMBELIAN DOKUMEN RFP secara online :
BND1,000 (Tidak dikembalikan)

Kementerian Pembangunan menjemput pihak yang berminat untuk menghadapkan RFP mengenai perkara di atas.

Pihak yang berminat untuk membuat pembelian dokumen RFP adalah dikehendaki terlebih dahulu untuk menghantar e-mel kepada alamat e-mel : hasil.kewangan@mod.gov.bn. Keterangan dan maklumat terkini yang diperlukan seperti berikut:

1. Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran (Seksyen 16 dan Seksyen 17)/Form X
2. Alamat penuh syarikat
3. Alamat e-mel syarikat yang aktif
4. No. handfon syarikat yang aktif

- Tarikh penerimaan dokumen RFP **mula: 23 Mei 2026 (Sabtu)**
- Hari perkongsian maklumat RFP:
Tarikh: **30 Jun 2026 (Selasa)**
Tempat: **Bilik Mesyuarat Jong Sarat, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas**
Jam: **2.30 – 3.30 petang**
- Maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, sila hubungi Urusetia Jawatankuasa Pemantauan Program GLL melalui alamat e-mel: eol.dil@mod.gov.bn
- Tarikh RFP tutup: **1 September 2026 (Selasa) Jam 2.00 petang**

Dokumen RFP yang lengkap hendaklah dihantar kepada **Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat bawah, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Pembangunan, Berakas, Bandar Seri Begawan, BS3510** disimpan dalam sampul surat tertutup dengan tajuk: **REQUEST FOR PROPOSAL TO DESIGN, BUILD, FINANCE, OPERATE AND MAINTAIN A LAYBY DEVELOPMENT ON GOVERNMENT LAND AT KAMPUNG IKAS, MUKIM KERIAM**

Dokumen RFP yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.



Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) berperanan dalam memacu pembangunan ekonomi negara ke arah yang lebih berdaya tahan dan mampan. BEDB komited untuk memacu pertumbuhan melalui usaha menarik serta memudah cara pelaburan berimpak tinggi yang mewujudkan peluang pekerjaan dan memperluas peluang kepada perusahaan tempatan.

BEDB turut menyediakan sokongan dan kemudahan yang bersesuaian kepada perniagaan pelbagai skala bagi memacu inovasi dan pertumbuhan, di samping mempromosikan infrastruktur perindustrian yang bersesuaian bagi membolehkan perniagaan berkembang dalam persekitaran yang kondusif.

Berpandukan tiga fokus strategik: Memperkasa pertumbuhan sektor swasta, Mempertingkatkan penglibatan di peringkat antarabangsa, serta Memperkukuh keupayaan BEDB.

BEDB akan terus menerajui pembangunan ekonomi serta memperkukuh ekosistem perniagaan yang dinamik di Negara Brunei Darussalam.



IKLAN TAWARAN

Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei adalah dengan ini mempelawa pemborong-pemborong berlesen KA01 dan Kelas V ke atas yang berdaftar di Kementerian Pembangunan untuk menyertai tawaran berikut:

Infrastruktur & Utiliti Am di Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK)

Bilangan rujukan: **BTC 26 02 00**

Skop Kerja:

Reka bentuk dan pembinaan paip bekalan air mentah, paip bekalan air bersih, struktur pipe rack, lintasan gantri, dan jalan penyelenggaraan di SPARK.

Tatacara Tawaran:

1. Setiap pemborong yang berminat untuk menyertai tawaran ini hendaklah menghantar permohonan melalui e-mel ke tender.secretary@bedb.gov.bn dengan tajuk: **REQUEST FOR TENDER DOCUMENTS – Common Infrastructure & Utilities at SPARK [BTC 26 02 00]**.
2. Dokumen tawaran akan dihantar melalui e-mel setelah pendaftaran diterima.
3. Tarikh taklimat tawaran akan dimaklumkan kepada pemborong yang berdaftar.
4. Sebarang komunikasi dan pertanyaan berkaitan dengan tawaran ini hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Tender melalui e-mel: tender.secretary@bedb.gov.bn.

Butiran Penyerahan:

Cadangan tawaran hendaklah dihantar:

- Secara fizikal ke **Peti Tawaran** di Lobi Bangunan Pejabat Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, Anggerek Desa, Berakas dalam sampul surat tertutup beserta tajuk projek dan bilangan rujukan tawaran; dan
- Secara elektronik/digital melalui e-mel kepada tender.secretary@bedb.gov.bn. Semua dokumen hendaklah dilindungi dengan kata laluan. Dokumen yang tidak dilindungi dengan kata laluan tidak akan diterima. Kata laluan hendaklah dikongsikan kepada Setiausaha Tender pada tarikh tutup tawaran.

Tarikh Tutup Tawaran:

- Tarikh akhir penghantaran cadangan tawaran adalah **pada jam 3:00 petang, Jumaat, 3 Jul 2026**.
- Dokumen tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diterima.

Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei berhak untuk menerima atau menolak mana-mana atau semua tawaran dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kos yang ditanggung dalam penyediaan dokumen tawaran.

TINGKATKAN KEFAHAMAN PENGAJARAN, HIKMAH AIDILADHA

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



Program Tazkirah Aidiladha yang diadakan di Masjid As-Shaliheen (atas dan atas kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mei. - Dalam usaha memperkukuh serta meningkatkan kefahaman para jemaah mengenai pengajaran dan hikmah di sebalik peristiwa Aidiladha, di samping menyemai kesedaran tentang bahaya kecintaan yang berlebihan terhadap dunia sehingga boleh melaikan manusia daripada

mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) melalui Bahagian Imarah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid As-Shaliheen telah menganjurkan Program Tazkirah Aidiladha. Program berkenaan diadakan khusus bagi Ahli Jawatankuasa Takmir, para Muslimah serta jemaah Masjid As-Shaliheen

sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang diadakan di masjid berkenaan. Acara tersebut diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Aidiladha: Antara Cinta Dunia dan Panggilan Langit' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Kanan, JHEM, Kementerian Hal Ehwal Ugama,

Awang Haji Fansuri Sharimi@Mansur bin Mohamad Ali. Penganjuran program ini juga bertujuan untuk menggalakkan para hadirin agar terus meningkatkan keimanan, ketakwaan serta semangat pengorbanan dalam kehidupan seharian di samping memperkukuh ukhuwah dan

semangat kebersamaan dalam kalangan masyarakat setempat. Selain itu, program ini turut menjadi salah satu inisiatif dalam usaha mengimarahkan masjid melalui aktiviti keilmuan dan kerohanian, sekali gus memperkasa peranan masjid sebagai pusat penyebaran ilmu, pembinaan sahsiah dan pembangunan rohani umat Islam.

Tingkatkan pengetahuan dalam bidang penguatkuasaan narkotik



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mei. - Persatuan Alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Alumni serta Pejabat Pembangunan Kerjaya dan Jaringan Industri (OCeAN) telah menganjurkan program Eksplorasi Kerjaya 6.0 bertempat di Divisyen Pendidikan Pencegahan Dadah, Biro Kawalan Narkotik (BKN), baru-baru ini. Program berkenaan disertai oleh seramai 37 orang peserta iaitu terdiri daripada pelajar dan alumni UNISSA sebagai inisiatif memperluaskan pendedahan kerjaya serta memperkukuhkan hubungan strategik antara institusi pendidikan tinggi dan sektor pekerjaan. Penganjuran program ini bertujuan memberikan pengalaman pembelajaran secara langsung kepada para

peserta melalui pendedahan mengenai pengenalan dadah, jenis-jenis dadah, undang-undang berkaitan penyalahgunaan dadah serta pengajaran yang dapat diambil daripada perkongsian kisah bekas penagih dadah. Selain menambah pengetahuan dan kesedaran dalam aspek pencegahan dadah, program ini juga menjadi platform kepada para peserta untuk memahami dengan lebih mendalam keperluan industri, budaya kerja profesional serta kompetensi yang diperlukan dalam menghadapi cabaran dunia pekerjaan masa kini, khususnya dalam bidang penguatkuasaan narkotik. Sepanjang program berlangsung, para peserta berpeluang mengikuti sesi taklimat khas yang disampaikan oleh Pegawai Narkotik, Pengiran

Wisma Dino bin Pengiran Hamdan, berkaitan mengenai peranan organisasi, skop perkhidmatan, perkembangan semasa serta prospek kerjaya yang ditawarkan. Sesi berkenaan turut menyediakan ruang interaksi dua hala melalui sesi soal jawab, sekali gus memberi peluang kepada para peserta untuk memperoleh perkongsian pengalaman, nasihat berkaitan kerjaya dan kehidupan secara menyeluruh, serta panduan secara langsung yang disampaikan melalui pengalaman pegawai. Selain itu, para peserta turut dibawa meninjau beberapa bahagian utama organisasi bagi menyaksikan pameran berkaitan dadah serta bahan-bahan tegahan. Program diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati dan sijil penghargaan sebagai tanda apresiasi kepada pihak BKN, khususnya Divisyen Pendidikan



PERSATUAN Alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Alumni serta Pejabat Pembangunan Kerjaya dan Jaringan Industri (OCeAN) menganjurkan program Eksplorasi Kerjaya 6.0 (atas, kiri dan bawah).

Pencegahan Dadah, atas kerjasama dan kesediaan menerima lawatan delegasi UNISSA. Melalui penganjuran program seperti ini, diharapkan para peserta dapat meningkatkan pengetahuan, memperluas jaringan (*network*), serta membina keyakinan diri dan tahap kebolehpasaran dalam merancang hala tuju kerjaya masing-masing. Program ini juga diharap dapat

meningkatkan kesedaran mengenai bahaya dadah, di samping memberi penekanan terhadap pembinaan masyarakat yang sejahtera, harmoni dan berdaya maju. Secara tidak langsung, ia turut mencerminkan komitmen berterusan UNISSA dalam melahirkan graduan yang holistik, kompetitif dan berdaya saing, selaras dengan keperluan pembangunan negara.



Suntik semangat patriotisme, sifat perpaduan pelajar

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



BELAIT, Khamis, 21 Mei. – Jabatan Penerangan melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi

Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas

berkaitan ASEAN kepada para pelajar sekolah menengah di negara ini, dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Perdana Wazir bertempat di dewan serbaguna sekolah berkenaan.

Turut hadir pada taklimat berkenaan, Pengetua sekolah berkenaan, Awang Mohammad Shamry bin Haji Mohammad Sani; dan para tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail kepada 154 pelajar Tahun 7 dan Tahun 8.

Taklimat antara lain bertujuan untuk menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Para pelajar juga berkesempatan untuk mengikuti



TAKLIMAT Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail (kiri dan atas).

sesi Kuiz Kenali ASEAN dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh pengetua sekolah berkenaan.

Dalam hasrat untuk membarigakan mengenai ASEAN, ia juga usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan para pelajar untuk menghayati

fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Pada masa yang sama juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkinkan hala tuju negara satu masa nanti.

BENGGKEL PENDIDIKAN INKLUSIF PERKUKUH PENGETAHUAN, KEMAHIRAN GURU PENDIDIKAN KHAS



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mei. - Bengkel Pendidikan Inklusif yang dianjurkan oleh

Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyarakatan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

(KUPU SB) dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Inklusiviti dan Komuniti Orang Kurang Upaya (CIRCLE), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia, berakhir pagi tadi dengan majlis

SERAMAI 50 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan serta pelajar Institusi Pengajian Tinggi menyertai bengkel selama dua hari yang meliputi lima sesi.

penyampaian sijil.

Penyampaian Sijil disempurnakan oleh Dekan Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyarakatan, KUPU SB, Profesor Madya Dr. Muhammad Zahiri bin Awang Mat.

Seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan serta pelajar Institusi Pengajian Tinggi menyertai bengkel selama dua hari itu yang meliputi lima sesi iaitu, Falsafah Pendidikan Islam & Pendidikan Inklusif; Membina Guru Rahmah dalam Bilik Darjah

Pelbagai Keupayaan; Reka Bentuk Pengajaran Inklusif Berasaskan UDL dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam; Kemahiran Sosial, Regulasi Emosi & Adab Islami bagi Pelajar OKU High-Functioning; Pentaksiran Inklusif & Sokongan Akademik Murid OKU dalam Pendidikan Islam; dan Transisi Pendidikan - Dari Sekolah ke Pengajian Tinggi & Kehidupan Berdikari dalam Perspektif Pendidikan Islam.

Bengkel yang julung-julung kali diadakan ini diharap dapat menjadi wadah yang berkesan dalam memperkukuh pengetahuan, kemahiran dan profesionalisme khususnya guru Pendidikan Khas.

Melalui perkongsian pengalaman, latihan praktikal dan kolaborasi yang terancang, peserta bukan sahaja memperoleh manfaat akademik, malah dapat membina sikap empati, kefahaman mendalam dan kesedaran terhadap kepentingan Pendidikan Inklusif.

Bengkel dalami seni Dikir Brunei

Oleh : Nurdiyana Rajami
Foto : Ihsan Pusat Pembangunan Belia



BENGGKEL Dikir Brunei yang disertai oleh warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di pusat berkenaan.

TANAH JAMBU, Rabu, 20 Mei. - Pusat Pembangunan Belia (PPB) di bawah Bahagian Kerohanian dan Keagamaan hari ini telah menganjurkan Bengkel Dikir Brunei yang telah disertai oleh warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bertempat di pusat berkenaan, di sini.

Bengkel yang dilaksanakan selama dua hari bermula 20 hingga 21 Mei 2026 tersebut antara lain

adalah sebagai usaha memelihara dan memperkembangkan warisan budaya bangsa.

Menerusi bengkel yang disampaikan oleh Ketua Kampung Kasat, Awang Haji E'riffin bin Awang Haji Mohd. Yusof itu telah memberi peluang kepada para peserta mendalami keindahan seni Dikir Brunei dan memahami teknik tradisional serta menghayati nilai-nilai murni yang terkandung dalam seni warisan tersebut.

Dengan adanya bengkel ini, PPB berharap ia dapat menjantik minat seluruh lapisan masyarakat Melayu Islam khususnya termasuklah juga golongan generasi muda di Negara Brunei Darussalam untuk lebih menghargai dan meneruskan amalan dikir sebagai sebahagian daripada identiti budaya Brunei.

BUSTARI BERJAYA DITEMUI, DITANGKAP

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memaklumkan bahawa orang yang dikehendaki bagi kes kematian di Kampung Junjongan telah berjaya ditemui dan ditangkap.

Orang yang dikehendaki, Bustari, telah berjaya ditangkap pada 20 Mei 2026, pukul 12.15 pagi di sebuah hotel di Limbang, Sarawak.

Kejayaan mengesan dan menahan orang yang dikehendaki

ini adalah hasil bantuan maklumat daripada orang ramai yang tampil memberikan maklumat berkaitan individu tersebut.

Kejayaan penangkapan ini juga adalah hasil koordinasi serta kerjasama erat di antara Unit Siasatan Khas (USK), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), PPDB bersama Ibu Pejabat Polis Daerah Limbang, Polis Diraja Malaysia (PDRM).

PPDB turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan

ucapan terima kasih kepada orang ramai atas kerjasama serta maklumat yang diberikan dan juga kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Limbang, PDRM atas kerjasama, bantuan dan komitmen yang diberikan dalam usaha mengesan serta menahan individu yang terlibat.

ORANG yang dikehendaki, Bustari berjaya ditangkap pada 20 Mei 2026, pukul 12.15 pagi di sebuah hotel di Limbang, Sarawak.



Pembukaan laluan masuk ke ADTP



PEMBINAAN jalan susur baharu yang menghubungkan Jalan Perdana Menteri ke Anggerek Desa Technology Park (ADTP) telah siap dilaksanakan dan dibuka untuk akses awam bermula pada Khamis, 21 Mei 2026, pukul 9.00 pagi.

Siaran Akhbar dan Foto : Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mei. - Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dengan sukacitanya memaklumkan kepada orang ramai bahawa pembinaan jalan susur baharu yang menghubungkan Jalan Perdana Menteri ke Anggerek Desa Technology Park (ADTP) telah siap dilaksanakan dan dibuka untuk akses awam bermula pada Khamis, 21 Mei 2026, pukul 9.00 pagi.

Pembukaan jalan susur ini merupakan langkah penting dalam meningkatkan ketersambungan ke ADTP, dengan menyediakan akses masuk dan keluar yang terus dan khusus bagi pengguna jalan raya di Jalan Perdana Menteri.

Pembukaan jalan susur ini merupakan satu langkah penting

dalam meningkatkan kesalinghubungan ke kawasan ADTP, dengan menyediakan akses yang lebih langsung dan khusus kepada pengguna jalan raya yang melalui Jalan Perdana Menteri untuk memasuki kawasan ADTP.

Ini dihasratkan dapat membantu melancarkan aliran trafik ke kawasan tersebut serta memberikan akses yang lebih mudah dan selesa kepada penyewa, pelawat dan orang ramai yang berurusan di kawasan ADTP.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk sentiasa berhati-hati apabila menghampiri dan menggunakan jalan susur baharu ini, mematuhi semua papan tanda lalu lintas serta memandu mengikut had laju yang ditetapkan.

7 kesalahan didapati semasa Operasi Usai



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mei. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Usai 120 / 2026 di kawasan Kampung Kiulap pada 13 Mei 2026, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, Penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan

restoran telah mendapati sebanyak tujuh kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan terhadap beberapa pekerja iaitu Bab 39(2), majikan tidak membayar kerja lebih masa; Bab 63, majikan tidak memberikan cuti rehat; Bab 64, bekerja pada hari rehat; Bab 65, pekerja bekerja melebihi jam yang ditetapkan; Bab 70, majikan gagal




BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Usai 120 / 2026 di kawasan Kampung Kiulap (kiri dan bawah kiri).

memberikan cuti hari kelepasan awam yang diwartakan; Bab 71, majikan gagal memberikan cuti tahunan berbayar kepada pekerja-pekerja dan Bab 82, alat pertolongan cemas didapati tamat tempoh.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti majikan hendaklah membayar gaji kerja lebih masa jika pekerja bekerja melebihi lapan jam sehari atau bekerja melebihi 44 jam dalam seminggu.

Selain itu, bekerja pada hari rehat hendaklah dibayar ganda atau diganti cuti pada hari lain, memberikan cuti hari kelepasan awam yang diwartakan dan memberikan cuti tahunan berbayar setelah tiga bulan berkhidmat. Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1 Iklan jawatan kosong

2 Kalendar saya


3 Kedudukan permohonan

4 Aduan saya

2 Status Permohonan Kerja

Bahagian	Status	Libat Pusing
1	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	20
2	PROSES PERAKUAN	20
3	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	20
4	TIDAK HADIR	20
5	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	20
6	PEMOHON DITERIMA	20

3 Ujian Temu Duga



WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



Jasa jururawat, bidan disanjung tinggi

Oleh : Norliah Md. Zain

Foto : Jabatan Penerangan

JURURAWAT merupakan orang yang berperanan menjaga pesakit malah berperanan kritikal dalam menyelamatkan nyawa, mengekalkan kelangsungan sistem kesihatan dan melindungi komuniti serta meningkatkan hasil kesihatan di peringkat global. Tanpa jururawat, sistem kesihatan akan pincang kerana mereka memastikan setiap pesakit mendapat perhatian dan rawatan berterusan.

Manakala bidan pula meliputi penyediaan penjagaan penting sebelum, semasa dan selepas kelahiran, termasuk kontrasepsi, sokongan penyusuan susu ibu dan perkhidmatan kesihatan yang berterusan. Kadangkala bidanlah satu-satunya harapan kepada ibu mengandung semasa proses melahirkan.

Pendekatan ini terbukti memberikan hasil kesihatan yang lebih baik dan pengalaman yang lebih positif bagi keluarga kerana adanya kepercayaan yang dipupuk.

Oleh itu bagi memperingati jasa jururawat dan bidan, Hari Jururawat Antarabangsa atau International Nurses Day (IND) disambut pada 12 Mei, manakala Hari Bidan Antarabangsa atau International Day of Midwife (IDM) disambut pada 5 Mei. Sambutan ini diadakan sebagai tanda penghargaan terhadap jasa jururawat dan bidan yang menjadi tulang belakang sistem kesihatan negara.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), IND

dan IDM digabungkan dan diraikan serentak pada setiap 12 Mei dan ia dinamakan sebagai Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa atau International Nursing and Midwifery Day (INMD).

Tema sambutan bagi Hari Jururawat ialah 'Jururawat Kami. Masa Depan Kita. Jururawat Diperkasakan Menyelamatkan Nyawa' (Our Nurses. Our Future. Empowered Nurses Save Lives) dan 'Bidan : Menambah Sejuta Lagi Bidan' (Midwives : One Million More Midwives).

INMD memberi peluang kepada masyarakat untuk mengucapkan terima kasih atas dedikasi mereka; menyokong usaha meningkatkan kesejahteraan jururawat dan bidan serta menyedarkan orang ramai tentang cabaran profesion ini.

Jururawat dan bidan bukan sahaja menjaga pesakit tetapi juga menjadi penyokong emosi bagi pesakit dan keluarga. Selain itu mereka juga berperanan sebagai pendidik kesihatan serta memberi nasihat gaya hidup sihat.

Jururawat dan bidan juga berfungsi sebagai penghubung utama atau 'penterjemah' antara doktor dan pesakit terutama jika pesakit tidak memahami apa yang diterangkan oleh doktor.

Malah golongan inilah yang sentiasa berada di barisan hadapan ketika krisis kesihatan dan wabak yang mana ini dapat dilihat semasa wabak COVID-19 dahulu.

Peningkatan penjagaan kesihatan

Akibat peningkatan permintaan penjagaan

kesihatan, konflik dan perubahan iklim, seluruh dunia menghadapi krisis kekurangan tenaga jururawat.

Malah masyarakat kini lebih cakna tentang pencegahan penyakit, maka ia turut meningkatkan keperluan untuk jururawat komuniti.

Penggubal dasar dan pihak yang berkenaan perlu mengambil langkah tegas untuk membangunkan tenaga kerja kejururawatan dan bidan yang kukuh dan mampan di samping memperkasakan kebajikan mereka melalui persekitaran kerja yang selamat, adil, menyokong dan memberikan pengiktirafan yang sewajarnya.

Oleh itu NBD memperkasakan kelayakan dan kemahiran jururawat dan bidan ini melalui pelbagai institusi yang menawarkan kursus bidang kejururawatan dan perbidanan. Ini termasuk Institut Pendidikan Teknikal Brunei (Institute of Brunei Technical Education), Politeknik Brunei, Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkhiah, Universiti Brunei Darussalam dan Pusat Perubatan Jerudong Park, Kolej Sains Kesihatan (JPMC College of Health Sciences Sdn. Bhd. - JCHS). Kursus-kursus ini bertaraf sijil, diploma dan juga peringkat ijazah.

Meningkatkan kualiti

Sebagai komponen terbesar tenaga kerja kesihatan di Kementerian Kesihatan dengan jumlah sekitar 43 peratus, berbanding doktor sebanyak 13 peratus, jururawat memainkan peranan penting dalam memastikan kualiti dan keselamatan pesakit.

Jururawat dan bidan juga berperanan untuk mengesan dan memperbaiki kelemahan dalam sistem penjagaan kesihatan bagi mengurangkan ralat dan meningkatkan mutu perkhidmatan. Penjagaan yang rapi boleh menyelamatkan lebih banyak nyawa.

Mengutamakan kesejahteraan

Mengutamakan kesejahteraan jururawat dan bidan dapat mempertingkatkan kualiti penjagaan pesakit, mengekalkan jumlah jururawat dan bidan serta menjadikan sistem kesihatan negara menjadi lebih kukuh serta berdaya tahan. Profesion sebagai jururawat dan bidan merupakan kerjaya yang mulia dan memerlukan latihan pakar.

Jika kebajikan jururawat dan bidan diabaikan, ia boleh menyebabkan peningkatan ketidakhadiran kerja, tekanan dan kesilapan dalam tugas, yang akhirnya membebani sistem kesihatan negara.

Di sebalik senyuman mereka yang terselit keletihan, mereka terus saja komited memberikan perkhidmatan yang konsisten, boleh dipercayai dan berteraskan kepimpinan yang berkesan, dalam memastikan keselamatan pesakit serta keberkesanan penjagaan dan pemulihan.

Semoga adanya Sambutan INMD ini dapat menyuntik semangat baharu kepada semua jururawat dan bidan agar terus memberikan khidmat terbaik di NBD. Ini kerana mereka juga manusia biasa yang perlukan sokongan, empati, dan penghargaan tulus daripada kita semua.



SAHAM REPUBLIK RAKYAT CHINA DITUTUP LEBIH RENDAH



BEIJING, 21 Mei. - Saham Republik Rakyat China ditutup lebih rendah pada Khamis, dengan Indeks Komposit Shanghai penanda aras turun 2.04 peratus kepada 4,077.28 mata. Indeks Komponen Shenzhen ditutup 2.07 peratus lebih rendah pada 15,247.27 mata.

BURSA Saham Shenzhen, Wilayah Guangdong selatan Republik Rakyat China.

Jumlah dagangan gabungan kedua-dua indeks ini berjumlah 3.48 trilion yuan (kira-kira USD509.39 bilion), meningkat daripada 2.95 trilion yuan pada hari dagangan sebelumnya.

Saham berkaitan sektor penerbangan awam dan perbankan menerajui keuntungan, manakala saham dalam sektor semikonduktor dan cip memori menerajui kerugian.

Indeks ChiNext, yang menjejaki papan pertumbuhan perusahaan ala Nasdaq

China, susut 2.35 peratus untuk ditutup pada 3,829.78 mata pada Khamis.

Indeks Komposit STAR, yang mencerminkan prestasi saham di papan inovasi sains dan teknologi Republik Rakyat China, ditutup 4.42 peratus lebih rendah pada 2,101.72 mata pada Khamis. - ©XINHUA

Presiden Bolivia bakal rombak kabinet, tubuh majlis ekonomi dan sosial

LA PAZ, 21 Mei. - Presiden Bolivia, Rodrigo Paz pada Rabu mengumumkan akan melakukan rombakan kabinet dan menubuhkan majlis ekonomi dan sosial bagi menghimpunkan pelbagai sektor sosial dan wilayah di negara itu, lapor Xinhua.

Pengumuman itu merupakan usaha pertama kerajaan untuk melakukan penstrukturan semula politik sejak protes meletus pada penghujung April, dengan penunjuk perasaan menuntut peletakan jawatan presiden yang mula memegang jawatan pada November lepas.

"Saya ingin mengumumkan bahawa kami akan merombak kabinet, yang mesti mempunyai keupayaan untuk mendengar. Presiden tidak boleh berada di semua tempat, presiden tidak dapat menyelesaikan semua masalah, tetapi beliau mesti menangani semua masalah," kata Paz kepada pemberita dalam sidang media di ibu negara Bolivia, La Paz.

Beliau berkata matlamatnya adalah untuk membentuk kabinet yang "lebih tangkas, lebih mudah didekati dan bersedia mendengar," selain mempunyai keupayaan lebih besar

untuk berdialog serta menangani rungutan sosial yang terkumpul.

Majlis ekonomi dan sosial yang dicadangkan itu akan terdiri daripada wakil petani, kesatuan sekerja, pekerja sendiri, pekerja pengangkutan dan segmen sosial lain yang akan menyertai mesyuarat bulanan bersama kerajaan Bolivia.

Majlis itu akan ditugaskan untuk menilai pelaksanaan dasar awam, membahaskan pembaharuan yang dipromosikan presiden serta menangani maklumat salah mengenai langkah kerajaan. - ©BERNAMA

GSF 2.0 : Republik Indonesia sahkan 9 warga ditahan, kerjasama dengan negara rakan untuk maklumat

JAKARTA, 20 Mei. - Republik Indonesia bekerjasama dengan Jordan, Republik Turkiye dan beberapa negara lain yang warganya turut terlibat dalam misi Global Sumud Flotilla (GSF) 2.0 untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai warga mereka yang ditahan Israel. Menteri Luar Sugiono berkata penyelarasan itu perlu memandangkan Republik Indonesia tidak mempunyai hubungan diplomatik secara langsung dengan Tel Aviv.

"Oleh itu, kami sedang mendapatkan bantuan daripada rakan-rakan kami yang rakyatnya mengalami situasi yang sama, serta daripada rakan-rakan kami di Jordan dan Turkiye. "Setakat ini, maklumat yang kami terima masih terhad kerana komunikasi terbatas," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Sugiono menzahirkan harapan agar semua tahanan kekal dalam keadaan selamat dan sihat. Secara berasingan, Jurucakap

Kementerian Luar Yvonne Mewengkang mengesahkan kesemua sembilan warga Republik Indonesia yang menyertai misi kemanusiaan GSF 2.0 dilaporkan telah ditahan oleh pihak berkuasa Israel.

Beliau berkata kementerian akan memaksimumkan semua saluran dan langkah diplomatik untuk memastikan perlindungan penuh untuk peserta Republik Indonesia dan kepulauan mereka dengan selamat. - ©BERNAMA

Polis rampas lebih 30 senjata api, busur silang di kediaman penyerang Masjid San Diego

WASHINGTON, 20 Mei. - Polis pada Selasa memaklumkan bahawa mereka telah merampas lebih 30 senjata api dan satu busur silang dari kediaman yang dikaitkan dengan remaja bersenjata yang membunuh tiga individu di sebuah masjid di San Diego, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Ejen khas yang bertanggungjawab ke atas pejabat luar Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) di San Diego, Mark Remily berkata pihak berkuasa melaksanakan tiga waran geledah di kediaman yang dikaitkan dengan

suspekdan merampas pelbagai pistol, raifal, senapang patah, peluru, kelengkapan taktikal serta peranti elektronik dari dua lokasi berkenaan.

Remily berkata penyiasat menemukan bahan bertulis pada suspek selepas kejadian tembakan itu dan sedang berusaha mendapatkan waran tambahan bagi memeriksa peranti yang dirampas dari lokasi kejadian.

"Kami juga telah melaksanakan waran geledah terhadap peranti

elektronik yang dibawa suspek ketika kejadian dan sedang dalam proses mendapatkan waran tambahan bagi peranti yang ditemukan dalam kenderaan yang mereka gunakan.

"Kami masih meneliti peranti elektronik untuk mendapatkan jawapan, namun apa yang boleh saya katakan ialah mereka jelas mempunyai kebencian meluas terhadap ramai pihak," tambah beliau. Kejadian tembakan itu sedang disiasat sebagai jenayah kebencian. - ©BERNAMA

Ebola : Jordan larang kemasukan pengembara dari DR Congo, Uganda

AMMAN, 20 Mei. - Jordan pada Selasa mengumumkan larangan sementara terhadap kemasukan pengembara dari Republik Demokratik Congo (DRC) dan

Uganda susulan penularan virus Ebola di kedua-dua negara itu, lapor Xinhua.

Menurut kenyataan Kementerian Dalam Negeri

Jordan, warga Jordan dikecualikan daripada larangan itu, yang akan berkuat kuasa pada Rabu dan berlangsung selama 30 hari.

Zoo Republik Singapura sambut kelahiran Orang Utan Sumatera

REPUBLIK SINGAPURA, 21 Mei. - Zoo Republik Singapura menerima kehadiran seekor Orang Utan Sumatera jantan bernama Ayaan yang lahir pada 18 Mac 2026 menerusi pembedahan Caesarean selepas kehamilan berisiko tinggi yang rumit akibat placenta previa.

Ayaan ialah anak kepada Orang Utan Sumatera betina berusia 29 tahun bernama Chomel dan orang utan Sumatera jantan berusia 48 tahun bernama Charlie.

Mandai Wildlife Group dalam satu kenyataan pada Khamis memaklumkan prosedur itu dipercayai merupakan kes pertama seumpamanya yang direkodkan bagi orang utan, apabila kedua-dua ibu dan anak berjaya diselamatkan.

"Ayaan, yang namanya bermaksud rahmat, dan ibunya Chomel berada dalam keadaan baik.

"Selepas dua bulan menjalani pemulihan dan proses mengeratkan ikatan di bawah penjagaan di luar kawasan pameran, kedua-duanya kembali ke kawasan pameran orang utan dan boleh dilihat pengunjug," menurut kenyataan itu.

Menurut pengendali zoo itu, Charlie dan Chomel dipadankan atas saranan Program Pengurusan Spesies Persatuan Zoo dan Akuarium Asia Tenggara (SEAZA) bagi Orang Utan Sumatera, program pembiakan kerjasama serantau yang diselenggarakan bersama oleh Mandai Wildlife Group.

Walaupun beberapa usaha pemadanan dilakukan sejak 2018, tiada satu pun membawa kepada persenyawaan yang berjaya, menyebabkan pasukan itu beralih kepada kaedah pembiakan berbantu, menurut kenyataan itu.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Sains Hayat dan Ketua Pegawai Sains Hayat, Dr. Cheng Wen-Haur berkata kelahiran Ayaan adalah hasil perancangan teliti dan kerja berpasukan selama bertahun-tahun di sebalik tabir. - ©BERNAMA

Khutbah Hari Arafah akan diterjemah ke 35 bahasa, disiarkan secara maya

MAKKAH, 20 Mei. - Presiden Hal Ehwat Agama di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi mengumumkan khutbah Hari Arafah tahun ini akan diterjemahkan ke dalam 35 bahasa dan disiarkan melalui platform digital dan saluran gabungannya, lapor Agensi Akhbar Saudi (SPA).

Usaha itu bertujuan untuk menyampaikan tema khutbah kepada umat Islam di seluruh dunia dan menyampaikan mesej kesederhanaan Islam.

Presiden Hal Ehwat Agama di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi Sheikh Dr. Abdulrahman Al-Sudais berkata terjemahan itu mencerminkan komitmen Arab Saudi untuk berkhidmat kepada Islam dan umat Islam serta menonjolkan keprihatinan kepimpinan terhadap jemaah haji.

Ia juga membantu memaksimumkan impak global musim haji menerusi teknologi moden dan platform digital.

Al-Sudais menambah projek penterjemahan khutbah Arafah adalah antara inisiatif utama kepresidenan, dibangunkan dengan kepakaran bertahun-tahun dan menyumbang kepada memperkaya kandungan agama dalam pelbagai bahasa dunia.

Beliau menegaskan bahawa inisiatif itu membolehkan orang Islam yang bukan berbahasa Arab mendapat manfaat daripada mesej kerohanian dan kemanusiaan khutbah berkenaan.

Al-Sudais berkata kepresidenan telah menggerakkan keupayaan teknikal dan medianya, bersama-sama dengan pasukan khusus, untuk memastikan khutbah itu mencapai khalayak global seluas mungkin dengan profesionalisme tinggi dan standard kualiti termaju. - ©BERNAMA

Kenyataan itu menambah bahawa situasi berkenaan akan dipantau rapat selaras dengan perkembangan kesihatan global. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Selasa

menyuarakan "keimbangan mendalam" terhadap skala dan kadar penularan wabak Ebola yang melanda DRC, yang telah menyebabkan 136 kematian. - ©BERNAMA



UJIAN PENERBANGAN ROKET STARSHIP SPACEX DITANGGUH SAAT AKHIR

WASHINGTON, 22 Mei. - Ujian penerbangan ke-12 Starship milik SpaceX, sistem roket terbesar pernah dibina dibatalkan pada saat akhir Khamis, sehari selepas syarikat itu mencatat kerugian berbilion dolar menjelang rancangan penyenaaran sulungnya di pasaran saham, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Pengasas SpaceX, Elon Musk berkata dalam hantaran di platform media sosial X bahawa pin hidraulik yang menahan lengan menara

pada kedudukannya tidak tertarik keluar.

"Jika perkara itu dapat dibaiki malam ini, satu lagi percubaan pelancaran akan dibuat pada Jumaat," katanya.

Menurut SpaceX, ujian itu dijadual memperkenalkan kenderaan Starship dan Super Heavy generasi akan datang, dengan kedua-duanya dikuasakan

oleh evolusi seterusnya enjin Raptor.

Dalam pemfailan kepada Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Amerika Syarikat (SEC) pada Rabu, syarikat angkasa itu melaporkan kerugian bersih kira-kira USD4.94 bilion tahun lepas, berbanding hasil sebanyak USD18.67 bilion.

Tawaran awam permulaan (IPO)

syarikat dilaporkan disasarkan pada pertengahan Jun, selepas SpaceX pada mulanya membuat pemfailan secara sulit tanpa mendedahkan data kewangan.

Menurut pemfailan SEC itu, syarikat berkenaan melabur lebih USD15 bilion dalam program roket Starship.

SpaceX menjangkakan Starship akan memulakan penerbangan

komersial selepas ujian selesai pada separuh kedua tahun ini.

SpaceX berkata roket itu direka untuk mengurangkan kos pengangkutan ke angkasa dengan ketara dan juga akan digunakan untuk melancarkan satelit Starlink yang mampu menyediakan perkhidmatan Internet secara terus kepada telefon pintar. - ©BERNAMA

Aplikasi Nusuk takrif semula pengalaman haji, umrah untuk lebih 51 juta pengguna seluruh dunia

MAKKAH, 22 Mei. - Nusuk merupakan antara platform digital utama yang didedikasikan untuk meningkatkan perkhidmatan haji dan umrah serta memudahkan perjalanan jemaah dari seluruh dunia, lapor Agensi Berita Saudi (SPA).

Aplikasi yang dilancarkan Kementerian Haji dan Umrah itu merupakan sebahagian daripada usaha transformasi digital Arab Saudi bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih lancar, berkualiti tinggi dan tersusun.

Nusuk dibangunkan untuk menyatukan serta memudahkan perkhidmatan yang sebelum ini

disediakan oleh pelbagai entiti.

Ia kini menjadi platform komprehensif yang menghimpunkan perkhidmatan kawal selia, bimbingan, pendidikan dan pengayaan.

Platform berkenaan kini memberi perkhidmatan kepada lebih 51 juta pengguna di lebih 190 negara dan menawarkan lebih 130 perkhidmatan digital, sekali gus mencerminkan kedudukannya sebagai platform global yang memenuhi keperluan jutaan umat Islam di seluruh dunia.

Aplikasi itu menyediakan rangkaian perkhidmatan bersepadu bermula daripada peringkat perancangan perjalanan sehingga

selesai pelaksanaan ibadah.

Ia membolehkan pengguna mengeluarkan permit umrah dan ziarah, mengurus kemasukan ke Dua Masjid Suci serta menempah janji temu di Al-Rawdah Al-Sharifah.

Nusuk turut menawarkan perkhidmatan perjalanan termasuk tempahan hotel, pengaturan pengangkutan serta integrasi dengan tempahan perjalanan udara dan darat.

Platform itu juga menyediakan panduan di dalam masjid dan kawasan suci menerusi peta pintar yang membantu navigasi serta memantau pergerakan orang ramai,

sekali gus menyokong pengurusan lebih teratur, keselamatan dan pengalaman pengunjung yang lebih baik.

Peranan Nusuk turut merangkumi perkhidmatan pendidikan dan kesedaran.

Aplikasi itu menyediakan panduan terperinci langkah demi langkah untuk menunaikan ibadah, selain doa, waktu solat dan arah kiblat.

Dengan itu, aplikasi berkenaan berfungsi sebagai teman komprehensif kepada pengguna sepanjang semua peringkat perjalanan mereka, menggabungkan penyampaian perkhidmatan, pengurusan dan sokongan

kerohanian dalam satu pengalaman bersepadu.

Nusuk menyumbang kepada transformasi besar dalam pengalaman haji dan umrah dengan mengurangkan prosedur tradisional, meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan menambah baik pengurusan orang ramai.

Transformasi itu selari dengan wawasan Arab Saudi untuk meningkatkan pengalaman jemaah serta mutu perkhidmatan.

Melalui perkhidmatannya, aplikasi itu memperkukuh konsep perjalanan digital yang bersepadu berasaskan kemudahan, ketepatan dan keselesaan. - ©BERNAMA

Malaysia negara ketujuh paling dipercayai, bukti negara di landasan tepat

KUALA LUMPUR, 22 Mei. - Kedudukan Malaysia sebagai negara ketujuh paling dipercayai di dunia menerusi Edelman Trust Barometer 2026 membuktikan negara berada pada landasan tepat dalam memperkukuh keyakinan terhadap institusi, kestabilan sosial dan perpaduan nasional.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming berkata Indeks Kepercayaan keseluruhan Malaysia meningkat daripada 66 mata pada 2025 kepada 71 mata tahun ini, sekali gus meletakkan negara antara yang terbaik di dunia dari segi tahap kepercayaan rakyat terhadap kerajaan, perniagaan, media dan institusi bukan kerajaan.

Beliau berkata pencapaian itu

mencerminkan keyakinan rakyat serta masyarakat antarabangsa terhadap tadbir urus, hala tuju ekonomi dan komitmen Malaysia dalam memastikan pembangunan inklusif.

"Peingiktirafan ini bukan sekadar angka, sebaliknya mencerminkan keyakinan rakyat terhadap institusi dan kepimpinan negara. Ia membuktikan usaha Malaysia dalam memperkukuh tadbir urus, kestabilan ekonomi dan keharmonian sosial membuahkan hasil positif," katanya dalam kenyataan hari ini.

Nga berkata Kerajaan MADANI akan terus menegakkan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan dasar berteraskan rakyat bagi memastikan kepercayaan awam kekal menjadi asas kemajuan negara.

"Ketika banyak negara berdepan dengan peningkatan polarisasi dan ketidaktentuan, kedudukan Malaysia dalam kalangan negara paling dipercayai di dunia menunjukkan kekuatan kita dalam memelihara perpaduan dan kepelbagaian. Pencapaian ini milik seluruh rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata walaupun laporan itu turut mengetengahkan cabaran berkaitan perpecahan sosial dan penularan maklumat palsu, dapatan tersebut perlu dijadikan peringat kepada semua pihak untuk terus memupuk persefahaman, keterangkuman dan wacana awam yang bertanggungjawab demi memelihara keharmonian serta kemakmuran jangka panjang negara. - ©BERNAMA

Letupan di loji Hungary ragut satu nyawa - PM Magyar

MOSCOW, 22 Mei. - Letupan yang berlaku di loji syarikat minyak dan gas Hungary, MOL di Tiszaujvaros pada Jumaat, mengakibatkan seorang maut manakala beberapa yang lain cedera, kata Perdana Menteri Hungary, Peter Magyar, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Satu letupan berlaku di loji MOL di Tiszaujvaros. Seorang maut, beberapa lagi cedera parah," menurut Magyar di media sosial.

Beliau berkata Menteri Ekonomi dan Tenaga Hungary, István Kapitány serta Ketua Pegawai Eksekutif MOL Group, Zsolt Hernádi bergegas ke lokasi kejadian. - ©BERNAMA

Rondaan keselamatan Makkah tahan 4 individu promosi perkhidmatan haji palsu

MINA, 22 Mei. - Rondaan keselamatan di Makkah menahan empat pemastautin warga Indonesia kerana melakukan penipuan dengan memuat naik iklan mengelirukan di media sosial yang menawarkan perkhidmatan haji palsu, lapor Agensi Berita Saudi (SPA).

Pihak berkuasa memaklumkan kad haji palsu dan peralatan yang digunakan dalam kegiatan penipuan itu ditemukan dalam simpanan mereka. Kesemua suspek ditahan sebelum tindakan undang-undang diambil terhadap mereka dan kes dirujuk kepada Pendakwa Raya.

Keselamatan Awam menggesa semua pihak mematuhi peraturan dan arahan haji serta melaporkan pelanggaran dengan menghubungi 911 di Makkah, Madinah, Riyadh dan wilayah timur, serta 999 di semua wilayah lain di Arab Saudi. - ©BERNAMA

PBB beri amaran sistem kesihatan Gaza semakin kritikal

NEW YORK, 22 Mei. - Pejabat Penyelaras Hal Ehwil Kemanusiaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (OCHA) memberi amaran sistem penjagaan kesihatan di Semenanjung Gaza kini semakin kritikal susulan kekurangan bekalan penting, lapor Agensi Berita dan Maklumat Palestin (WAFA).

Dalam taklimat hariannya yang dikeluarkan pada Khamis, OCHA

berkata Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendokumentasikan 22 serangan terhadap kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan di Gaza, yang mengakibatkan korban atau menjejaskan pengangkutan perubatan serta kemudahan kesihatan.

Pejabat itu menambah rakan kemanusiaan melaporkan kesukaran berterusan untuk

mendapatkan akses kepada air, dengan menyatakan tiga daripada setiap empat keluarga kini bergantung kepada bekalan air yang dihantar menggunakan trak.

Pertubuhan bantuan ketika ini mengagihkan kira-kira 24,000 meter padu air setiap hari melalui kira-kira 2,000 pusat pengagihan. Bagaimanapun, OCHA memberi amaran bahawa operasi penghantaran air sangat

bergantung kepada penjana dan jentera yang berisiko rosak akibat kekurangan bahan penyelenggaraan dan pembaikan.

Secara berasingan, WHO berkata dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini, lebih satu pertiga permohonan permit pesakit untuk mendapatkan rawatan perubatan

di Baitulmuqaddis Timur sama ada ditolak atau ditangguhkan.

Pertubuhan itu memaklumkan kadar kelulusan berkenaan jauh lebih rendah berbanding sebelum perang bermula pada Oktober 2023, apabila lebih dua pertiga permohonan seumpama itu diluluskan. - ©BERNAMA



Kekal cergas, bertenaga di usia emas



Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Ihsan Zuraiyah Rahim

MENITI usia emas bukanlah penghalang untuk terus aktif dan menjalani kehidupan yang sihat. Malah, aktiviti senaman amat penting bagi warga emas kerana ia membantu mengekalkan kesihatan fizikal, mental dan emosi. Dalam era moden ini, kesedaran mengenai gaya hidup sihat semakin meningkat dan ramai warga emas mula menyedari bahawa bersenam bukan sekadar aktiviti riadah, tetapi satu keperluan untuk memastikan kualiti hidup yang lebih baik.

Apabila usia meningkat, tubuh manusia mengalami pelbagai perubahan seperti kehilangan kekuatan otot, pergerakan yang menjadi lebih perlahan atau terhad.

Oleh itu, senaman yang konsisten mampu membantu warga emas mengekalkan kecergasan tubuh badan.

Aktiviti seperti berjalan kaki, senaman regangan, berbasikal ringan dapat meningkatkan kekuatan otot dan keseimbangan badan. Ini penting bagi mengurangkan risiko jatuh yang sering berlaku dalam kalangan warga emas. Selain itu, senaman juga membantu melancarkan peredaran darah dan meningkatkan fungsi jantung.

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual Dayang Zuraiyah binti Haji Abdul Rahim yang merupakan seorang jurulatih Kelas Strength With Age di



Elite Alpha Fitness, beliau merupakan seorang *physiotherapist* sepenuh masa, berpengalaman dalam pemulihan, rawatan *non-pharmacological* dan preskripsi senaman bagi *osteoarthritis*, *sarcopenia*, geriatrik, sakit-sakit sendi seperti lutut, bahu, belakang yang merupakan sering dialami oleh warga emas dalam proses penuaan.

Dalam tempoh tujuh tahun menjadi *physiotherapist*, beliau turut menceburi bidang *neuro-rehab*, *musculoskeletal* dan *cancer & palliative rehab*.

Mengenai kelas Strength With Age ini, Dayang Zuraiyah menjelaskan, kelas ini adalah senaman berkumpul bagi peringkat umur 50 tahun ke atas dan setakat ini, peserta yang paling tua dalam kelas tersebut adalah berumur 70 tahun. Manakala keramaian dalam satu kelas ialah lapan hingga 15 orang.

Dengan memfokuskan kepada senaman membina kekuatan dan stamina, untuk mengurangkan pelbagai risiko kesihatan dalam proses penuaan, menurut Dayang Zuraiyah, kelas ini memberi peluang dan ruang kepada warga emas untuk bergiat aktif dalam aktiviti bersenam dan pada masa yang sama meningkatkan dan mengekalkan kecergasan, kekuatan fizikal dan kesihatan dalam kalangan warga emas agar terus produktif dalam aktiviti seharian.

Tambah beliau, kelas ini juga dapat mencegah kelemahan yang biasanya dialami dalam proses penuaan.

Tercetusnya mengadakan kelas senaman untuk warga emas ini, Dayang Zuraiyah mengongsikan, setelah beberapa tahun melihat pesakit di hospital, beliau mula berfikir bagaimana proses penuaan dan kehidupan ibu bapa beliau. Sebagai *physiotherapist*, beliau sememangnya mahu mereka masih kekal cergas dalam melakukan aktiviti harian.

Beliau juga mengongsikan, ibu beliau tidak pernah ke gim atau mengikuti mana-mana kelas senaman. Oleh sebab itu, beliau mula mengajak ibunya untuk melakukan latihan kekuatan dan angkat berat bersama ibu saudaranya juga.

"Disebabkan kurangnya

kehadiran warga emas di gim, saya mula merakam senaman mereka dan memuat naik ke TikTok sebagai diari kami dan juga untuk memberi inspirasi kepada warga emas di luar sana. Video TikTok pun tular dan ramai warga emas dan anak-anak mereka yang ingin ibu bapa mereka turut serta. Dari sana lah, teretusnya Kelas Strength With Age. Ibu dan ibu saudara saya masih lagi konsisten mengikuti kelas dan latihan saya sejak Julai 2025 sampai lah sekarang," tambah beliau lagi.

Antara aktiviti kecergasan yang dilakukan dalam kelas tersebut, Dayang Zuraiyah mengongsikan ialah Latihan kekuatan fungsional melalui latihan asas dan angkat berat, yang melibatkan bahagian atas dan bawah badan. Program ini akan dijalankan selama enam ke lapan minggu dan akan diulang semula setiap lapan minggu. Setiap program mempunyai matlamat yang berbeza, yang mana kelas ini memberi tumpuan kepada penguatan lutut yang menekankan kekuatan bahagian bawah badan dan program seterusnya akan memberi tumpuan kepada latihan *deadlift*.

Berkenaan dengan pendekatan yang digunakan untuk melatih warga emas, Dayang Zuraiyah mengongsikan, setiap kelas akan dibuat seperti kelas pengenalan dan beliau akan menerangkan jenis peralatan yang akan digunakan, untuk melihat keberatannya. Setiap senaman akan diterangkan bagaimana pergerakannya, meskipun mereka pernah buat pergerakan itu sebelumnya.

Jenis-jenis *equipment* yang digunakan adalah *free weights* seperti *dumbbell*, *kettlebell*, *bodyweight* dan juga *barbell*.

Dalam konteks penerimaan orang ramai terutama sekali warga emas, kebanyakan peserta sangat berminat dengan kelas disebabkan sokongan serta dukungan sosial antara satu dengan yang lain, lebih-lebih lagi para peserta dalam kalangan warga emas dan kebanyakan mereka juga tidak pernah ke gim atau menggunakan peralatan gim.

Dengan senaman ringan tersebut sedikit sebanyak dapat membantu mereka dalam aktiviti harian seperti mengangkat barang dan boleh berjalan lebih jauh tanpa

merasa sakit.

Dalam temu bual tersebut Dayang Zuraiyah mengongsikan kepentingan kelas kecergasan ini untuk warga emas di mana menurut beliau, mengangkat berat adalah satu senaman yang diperlukan untuk menguatkan otot dan membina sendi yang sihat. Keberatan peralatan itu tertakluk kemampuan individu.

"*Frailty* atau kelemahan memang tidak dapat dielakkan dalam proses penuaan dan ia adalah keadaan yang berpanjangan, akan tetapi keadaan ini dapat dielakkan menjadi lebih teruk. Warga emas yang lebih aktif dibuktikan mencegah risiko kelemahan sebanyak 41 peratus. Senaman menguatkan otot boleh membantu meningkatkan keseimbangan dan mencegah risiko terjatuh.

"Respons badan warga emas respons lebih kurang sama dengan umur yang lebih muda apabila melakukan senaman. Jadi, tidak ada istilah terlalu lambat untuk mulakan senaman bagi semua peringkat umur, lagi-lagi warga emas," jelas Dayang Zuraiyah.

Menurut The National Physical Activity Guidelines (NPAG) for Brunei Darussalam, keluaran Kementerian Kesihatan, saranan untuk aktiviti fizikal bagi individu adalah senaman stamina : 150 minit seminggu aktiviti intensiti yang sedang seperti berjalan (*brisk walking*), berbasikal, dengan senaman kekuatan otot dua kali seminggu.

Oleh itu, apa saja jenis pergerakan adalah bagus untuk kesihatan daripada tidak ada pergerakan langsung. Boleh mula dengan pergerakan yang selesa bagi sesetengah seperti bercucuk tanam, berjalan ke pasar, berjalan-jalan di taman dan sebagainya.

Menurut statistik Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), jangka hayat bagi rakyat Brunei dari 2021 ke 2024 telah meningkat dari 77.9 ke 79.1 tahun dan juga di seluruh dunia, bilangan orang berumur 80 tahun ke atas dijangka akan meningkat tiga kali ganda antara 2020 dan 2050. Jadi, jika warga emas yang ingin melanjutkan usia dengan lebih bermakna melalui aktiviti harian, tidak terlalu lambat untuk mulakan senaman ringan.



ePaper Pelita Brunei



KARNIVAL SUKAN PMUBD 2025 PUPUK SEMANGAT PERSAHABATAN, KERJA BERPASUKAN



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam selaku tetamu kehormat bergambar ramai pada Majlis Penutup Karnival Sukan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Brunei Darussalam 2025.

TUNGKU LINK, Rabu, 20 Mei. - Karnival Sukan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Brunei Darussalam (PMUBD) 2025 menutup tirainya,

menandakan kemuncak inisiatif yang diterajui pelajar yang bermula pada 16 Disember 2025. Majlis penutup yang diadakan

di Pusat Kesenian Pro-Canselor tersebut dihadiri oleh Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Hazri bin Haji Kifle selaku tetamu

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

kehormat.

Acara tersebut mengumpulkan pelajar, atlet, penghibur dan ahli komuniti universiti bagi meraikan penyertaan serta semangat yang kuat yang ditunjukkan sepanjang karnival.

Salah satu acara kemuncak majlis ialah segmen refleksi pelajar, di mana para peserta berkongsi pengalaman dan pertumbuhan peribadi mereka sepanjang program. Refleksi tersebut menggariskan bagaimana karnival itu menyumbang kepada peningkatan keyakinan, disiplin, kerja berpasukan dan kemahiran interpersonal pelajar.

Karnival Sukan PMUBD 2025 diakhiri sebagai inisiatif bermakna yang terus memperkukuh kepentingan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum, menyumbang kepada pembangunan holistik pelajar UBD, dan mengukuhkan perpaduan kampus merentas fakulti.

Karnival tersebut melibatkan

pelajar dari seluruh UBD yang mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti sukan, termasuk bola sepak, bola jaring dan e-sukan, sekali gus memupuk persahabatan, kerja berpasukan, dan penyertaan aktif pelajar sepanjang program.

Dianjurkan sebagai platform jangka panjang untuk mengukuhkan penglibatan pelajar di luar bilik darjah, inisiatif tersebut menekankan pembangunan kepimpinan, daya tahan, kerjasama dan semangat kesukanan dalam kalangan peserta.

Sepanjang tempoh pertandingan, pelajar digalakkan untuk membina hubungan yang bermakna sambil memupuk nilai-nilai penting untuk pertumbuhan peribadi dan profesional.

Untuk butiran lanjut tentang acara akan datang atau sumber pelajar, sila layari laman sesawang rasmi UBD atau Instagram di @ubdbuzz dan @studentaffairsubd.

UEFA rancang format baharu kelayakan menjelang Piala Dunia 2030

LONDON, 21 Mei. - UEFA pada Rabu mengumumkan rancangan untuk memperkenalkan format kelayakan pasukan kebangsaan ala Liga Juara-juara di Eropah menjelang Piala Dunia 2030, lapor PA Media/dpa.

Sebanyak 36 negara dengan ranking tertinggi akan dibahagikan kepada tiga kumpulan masing-masing melibatkan 12 pasukan dalam Liga 'A' dan akan diundi untuk menentang enam daripada pasukan itu, sama seperti 'sistem Swiss' yang diperkenalkan dalam fasa liga baharu pertandingan kelab UEFA sejak permulaan musim 2024-25.

Liga 'B' pula akan melibatkan tiga kumpulan dengan enam pasukan setiap satu, atau dua kumpulan masing-masing enam pasukan dan satu kumpulan tujuh pasukan bergantung kepada jumlah negara yang bertanding.

Butiran penuh mengenai cara kelayakan akan ditentukan masih diperincikan, namun UEFA mengesahkan bahawa tiga juara kumpulan dalam Liga 'A' akan layak secara automatik ke pusingan akhir Kejohanan Euro atau Piala Dunia, manakala baki tempat akan ditentukan menerusi sistem *playoff* membabitkan pasukan daripada kedua-dua liga.

Format itu akan memastikan pasukan dengan ranking tertinggi dan terendah tidak

bertemu terlalu awal dan secara teori mengelakkan terlalu banyak perlawanan berat sebelah dalam aksi kelayakan.

Jawatankuasa eksekutif UEFA dijadual memberikan kelulusan penuh terhadap format baharu kelayakan Euro dan Piala Dunia itu pada mesyuarat September.

Presiden UEFA Aleksander Ceferin berkata: "Format baharu ini akan meningkatkan keseimbangan persaingan, mengurangkan jumlah perlawanan yang tidak memberi kesan, menawarkan pertandingan lebih menarik dan dinamik kepada peminat, di samping memastikan peluang kelayakan yang adil kepada semua pasukan tanpa menambah sebarang tarikh tambahan dalam kalendar antarabangsa.

"Secara keseluruhannya, perubahan ini akan meningkatkan nilai bola sepak pasukan kebangsaan lelaki UEFA dan kami amat menantikan pelaksanaan sistem pertandingan baharu ini."

Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Bola Sepak England, Mark Bullingham yang menganggotai jawatankuasa pertandingan pasukan kebangsaan UEFA, berkata pada November bahawa adalah penting untuk merombak format kelayakan sedia ada.

"Kami perlu terus mencari kaedah untuk menjadikan bola sepak antarabangsa lebih baik dan terdapat keinginan yang nyata

untuk melakukannya," katanya.

Di bawah cadangan itu, tuan rumah bersama Piala Dunia 2030 Sepanyol dan Portugal akan layak secara automatik ke pusingan akhir, namun masih menyertai pertandingan kelayakan dengan objektif berkaitan Liga Negara-negara UEFA.

UEFA juga berhasrat membuat perubahan terhadap format Liga Negara-negara bermula edisi 2028-29. Berbanding empat liga ketika ini, UEFA

merancang memperkenalkan tiga liga melibatkan 18 pasukan setiap satu.

Setiap liga akan terdiri daripada tiga kumpulan, dengan setiap kumpulan melibatkan enam pasukan yang akan menentang lima lawan.

Suku akhir, separuh akhir dan final sedia ada akan terus berlangsung seperti sekarang dalam jendela perlawanan antarabangsa Mac dan Jun. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

NEGARA Brunei Darussalam (NBD) pertama kali menyertai Sukan SEA pada tahun 1977 di Kuala Lumpur dan buat pertama kalinya juga NBD menjadi tuan rumah bagi temasya sukan berprestij, Sukan Asia Tenggara (Southeast Asian [SEA] Games) Ke-20 yang diadakan pada 7 - 15 Ogos 1999. Maskot Rasmi Sukan SEA Ke-20 di NBD dikenali sebagai Awang Budiman manakala logo rasmi adalah berbentuk Obor. Upacara Pembukaan Sukan SEA Ke-20 dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

SUMBER : Pelita Brunei, edisi 1999.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

ZIKIR MENENANGKAN HATI YANG RESAH DAN ISTIGHFAR MEMBERSIHKAN NODA